



عِقْدَةُ الْمُسْلِمِ

AKIDAH MUSLIM



TERJEMAHAN OLEH:
MUHAMMAD AIMAN GHAZALI AL-PAYUNGI



عِدَّةُ مُسْلِمٍ

AKIDAH MUSLIM

TERJEMAHAN OLEH:
MUHAMMAD AIMAN GHAZALI AL-PAYUNGI

Sebuah Terbitan



Zawiyah Kurdiyyah Publication

1677 Jalan Surau Hj Yaakob
Berangan Pak Ayu, Bukit Payong
21400 Marang
Terengganu

Emel:
zawiyahkurdiyyah@gmail.com

Tulisan Asal:
Majlis Fatwa Jordan

Terjemahan:
Muhammad Aiman Ghazali Al-Payungi

Editor:
Muhammad Fawwaz Bin Yuspani
Muhammad Nabeel Anwar Bin Firdaus Khairi
Muhammad Amir Bin Azman
Muhammad Nasrullah Bin Mohamed Jasmani
Ahmad Mu'az Bin Mohamad Room
Muhammad Muzzammil Bin Ahmad Nor

Reka Letak & Kulit:
Ahmad Mu'az Bin Kamaruzaman
Muhammad Al-Husam Bin Mohd Kamal Nazmi

Terbitan Pertama | Januari 2024

ISBN 978-629-99210-0-4

9 786299 921004

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------|
| KATA PENGANTAR 1 | v |
| KATA PENGANTAR 2 | viii |
| ALUAN PENTERJEMAH | xi |
| Penjelasan Berkenaan Penisbahan Ulama Akidah Kepada Imam al-Asya'ri dan al-Maturidi | 9 |
| MUKADIMAH AKIDAH | 14 |
| Konsep Iman di Sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah | 15 |
| Kewajipan Pertama ke atas Mukalaf adalah Mengenal Allah ﷺ | 19 |
| Makna Iman yang Ditaklifkan oleh Allah ﷺ ke atas Manusia . | 22 |
| Asal Iman Menurut Mazhab Salaf dan Khalaf Mempercayai dengan Hati (Keyakinan) | 41 |
| Hubungan Iman dengan Ucapan dan Perbuatan..... | 44 |
| Iman Bertambah dan Berkurang dengan Bertambahnya dan Berkurangnya Ketaatan..... | 47 |
| BAB PERTAMA | 52 |
| KETUHANAN | 53 |
| Sifat-Sifat Wajib Bagi Allah ﷺ | 54 |
| Nama-nama Allah Yang Maha Indah (<i>Al-Asma' Al-Husna</i>) dan Sifat-Sifat-Nya Yang Maha Tinggi Yang Tidak Terbatas dan Tiada Pengakhiran..... | 74 |
| Hukum Menyebut Nama dan Sifat Allah ﷺ Secara Mutlak (Umum Tanpa Pengecualian) | 75 |
| <i>Al-Tanzih</i> (Menyucikan) Merupakan Pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Memahami Nas-Nas Mutasyabihah | 76 |

| | |
|--|------------|
| <i>Tafwidh</i> dan Takwil Adalah Dua Jalan Yang Diterima Oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah..... | 78 |
| Maksud Istilah <i>Isbat</i> Yang Terdapat Pada Sebahagian Buku-Buku Akidah | 81 |
| Tuhan ialah Pencipta Perbuatan Manusia | 84 |
| Perbuatan Hamba Dihisab Berdasarkan Pilihannya..... | 85 |
| Definisi <i>Qadha</i> dan Qadar Serta Hukum Beralasan Bahawa Segala Perkara Telah Ditentukan dan Ditakdirkan | 87 |
| Ganjaran Pahala Bagi Orang Yang Taat dan Balasan Seksaan Bagi Orang Yang Bermaksiat..... | 91 |
| Definisi <i>al-Sai'd</i> (Orang Yang Bahagia) dan <i>al-Shaqiyy</i> (Orang Yang Sengsara) | 98 |
| Pengisbatan Melihatnya Orang Yang Beriman akan Allah ﷺ Pada Hari Kiamat..... | 101 |
| Pengertian <i>Al-Istiwa'</i> (Bersemayam) Dalam Al-Quran dan Bertanya "Di Manakah Allah ﷺ ?" | 104 |
| BAB KEDUA | 112 |
| KENABIAN..... | 113 |
| Definisi Rasul dan Nabi A.S..... | 114 |
| Tujuan Pengutusan Para Rasul dan Nabi A.S..... | 116 |
| Kewajipan Mengetahui Nama-Nama Rasul A.S | 119 |
| Kewajipan Mengimani Perihal Berkaitan Para Rasul dan Nabi A.S..... | 121 |
| Kewajipan Menafikan Sifat-Sifat Kekurangan Para Rasul dan Nabi A.S..... | 129 |
| Perkara Harus Bagi Para Nabi dan Rasul A.S..... | 130 |
| Kenabian Adalah Kurniaan Allah ﷺ dan Tidak Diperolehi dengan Usaha dan Kesungguhan | 131 |
| Nabi Muhammad ﷺ Penutup Sekalian Para Nabi | 134 |
| Mukjizat Para Nabi A.S. adalah Benar | 135 |

| | |
|--|------------|
| BAB KETIGA | 142 |
| AL-SAM'IYYAT (PERKARA-PERKARA GHAIB)..... | 143 |
| Nabi Muhammad ﷺ Sebaik-Baik Ciptaan | 143 |
| Beriman Dengan Peristiwa Israk Mikraj | 144 |
| Sayyidah Aisyah RA Tidak Bersalah atas Tuduhan Fitnah yang Dilemparkan oleh Orang-Orang Munafik..... | 146 |
| Sebaik-Baik Manusia Selepas Para Nabi AS | 147 |
| Kedudukan Para Sahabat Dan Pendirian Umat Islam Mengenai Perselisihan yang Berlaku Antara Mereka | 149 |
| Kewajipan Mengikut Salah Seorang Daripada Imam yang Empat..... | 151 |
| Maksud Wali dan Kedudukan Para Auliya' Yang Soleh | 153 |
| Karamah Para Wali..... | 155 |
| Kedudukan Doa dalam Islam serta Kesannya dalam Kehidupan Seorang Hamba | 157 |
| Definisi Roh | 160 |
| Beriman kepada Malaikat dan kitab-kitab Samawi..... | 161 |
| Hukum Beriman Dengan Pertanyaan Dua Malaikat Dalam Kubur | 164 |
| Seksaan Dan Nikmat Kubur | 167 |
| Hukum Beriman Dengan Hari Kebangkitan, Perhimpunan Mahsyar, Hisab Dan Perkara-Perkara Ghaib Di Hari Kiamat | 168 |
| Antara Perkara Ghaib Yang Disebut Dalam Nas-Nas Syarak Dan Wajib Diyakini : | 170 |
| Hukum Melakukan Dosa Tanpa Bertaubat..... | 173 |
| PENUTUP | 175 |
| Penyataan Sebahagian Permasalahan Fiqh dan Biografi sebahagian Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah | 176 |
| Pertama : Hukum Mengkafirkan Muslimin | 177 |
| Kedua : Hukum Tidak Mengkafirkan Orang Kafir | 179 |

| | |
|--|------------|
| Ketiga : Hukum Penyembelihan Bukan kerana Allah ﷺ | 181 |
| Keempat : Hukum Tawaf di Kubur | 185 |
| Kelima : Hukum Bersumpah dengan selain Allah ﷺ | 188 |
| Keenam : Hukum Bertawasul | 190 |
| Ketujuh : Definisi Bidaah Dan Pembahagiannya..... | 195 |
| Kelapan : Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah Serta Kitab dan Ulama yang Terkemuka..... | 198 |
| Kesembilan : Ulama Terkenal Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan Asya'irah dan Maturidiyyah | 199 |
| Kesepuluh : Manhaj Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asy'ari : Pengajaran dan Kitab | 209 |
| RUJUKAN | 214 |

KATA PENGANTAR 1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kita Baginda Muhammad ﷺ dan ke atas seluruh keluarga dan para sahabat Baginda.

Tidak asing lagi bahawa ilmu akidah dianggap sebagai asas kepada semua ilmu syariat, bahkan ia adalah sepenting-penting ilmu, mempelajarinya juga merupakan fardu ain ke atas setiap insan bergelar muslim.

Memandangkan para ulama kita yang terbilang menulis ilmu ini dengan cara yang mungkin sukar untuk dipelajari dan difahami oleh masyarakat umum; maka Majlis Fatwa Jordan memutuskan untuk menulis semula ilmu ini berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan cara moden, menggunakan perkataan dan cara penyampaian yang jelas dan mudah, yang membolehkan bukan hanya pakar dapat mempelajari ilmu ini dan memahaminya. Untuk tujuan inilah, terbitnya "Akidah Muslim".

Kami di Majlis Fatwa Jordan berbangga kerana orang ramai dan penuntut ilmu dapat menerima buku ini. Ia diterima, mendapat

pujian dan kekaguman dari sekalian pembaca, dan beberapa pelajar bukan berbangsa Arab mengambil inisiatif untuk menterjemah buku ini ke dalam bahasa ibunda mereka agar menjadikannya berguna kepada umat Islam di negara mereka. Antara pelajar ini adalah pelajar Malaysia, yang menerima buku ini dan mempelajarinya seterusnya menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu.

Sementara itu, kami di Majlis Fatwa Jordan menghargai usaha yang besar ini, kami hanya mampu merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang mengerah tenaga dan menyumbang bakti untuk menterjemahkannya, dan kami amat berterima kasih kepada penterjemah, Muhammad Aiman bin Ghazali atas usaha yang ikhlas tanpa jemu, semoga Allah membalaunya dengan sebaik-baik balasan.

Kami berdoa kepada Allah Yang Maha Kuasa agar terjemahan ini bermanfaat buat semua lapisan masyarakat, dan moga Allah memberkati usaha semua orang yang menyumbang khidmat kepadanya.

Segala puji hanya milik Allah, tuhan semesta alam.

Mufti Am Jordan

Dr Ahmad Al-Hasanat

[Nuskah Asal Kata Pengantar]

بسم الله الرحمن الرحيم

تقديم

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

وبعد:

فلا غرو أن علم العقائد الإسلامية يعد أصلاً لعلوم الشريعة كلها، وأنه أهمها بإطلاق، وأن الإمام به يعد من الفروض العينية، على كل مسلم.

هذا؛ وننظراً للطريقة التي كتب فيها علماؤنا الأفذاذ هذا العلم، وعلى نحو ربما يصعب على العامة دراسته، وفهمه؛ فقد إرتأت دائرة الإفتاء الأردنية إعادة كتابة هذا العلم، - وبما يمثل عقيدة أهل السنة والجماعة -، على نحو عصري؛ يتميز بسلسة العبارة، ورشاقة الكلمة، وسهولة الطرح، بحيث يتأنى لغير أهل الاختصاص الوقف على هذا العلم، والإحاطة به، فاصدرت لهذا المقصود كتابها المعنون بـ "عقيدة المسلم".

وقد أبهجنا - في دائرة الإفتاء - أن تلقت جماهير العامة وطلبة العلم هذا الكتاب بالقبول، وحاز على ثنائهم، ونال إعجابهم، وبارد بعض طلبة العلم من غير الناطقين بالعربية إلى ترجمة هذا الكتاب إلى لغتهم الأم؛ لإاتاحة الفائدة فيه لمسلمي بلادهم، وكان ...، من بين هؤلاء الطلبة، الطلبة الماليزيون، والذين تلقوا الكتاب وعكفوا على دراسته، وأتوا على أنفسهم ترجمته إلى لغتهم "المالاوية".

ونحن في دائرة الإفتاء الأردنية إذ نقدر هذا الجهد المبارك، لا يسعنا إلا أن نزجي وابلاً من صيب الشكر لكل من ساهم في ترجمته، ونخص بالشكر المترجم "محمد أيمن بن غزالى" على جهوده الدؤوب الصادق، فجزاه الله خير الجزاء.

سائدين المولى -عز وجل- أن ينفع بهذه الترجمة، وأن يبارك بجهد كل من ساهم فيها. والحمد لله رب العالمين.

المفتى العام

الدكتور أحمد الحسنات

KATA PENGANTAR 2

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

Sesungguhnya iman merupakan asas terpenting bagi seorang mukalaf yang menjadi asbab kelepasan daripada azab yang kekal dan kejayaan mendiami syurga Allah ﷺ di akhirat. Maka kita dapati sejak zaman berzaman, para ulama menekankan pengajian akidah semenjak usia seorang kanak-kanak itu mumaiyiz dan boleh berfikir sehingga ke akhir hayat. Pelbagai bentuk penulisan akidah dikarang oleh para ulama sesuai dengan tahap pemahaman seseorang, daripada bentuk syair dan tulisan yang ringkas sehingga karangan yang mendalam berkaitan ilmu kalam dan perbahasan ideologi pemikiran. Semua ini adalah untuk menjaga kesucian dan ketulenan akidah Islam agar berjaya melalui perkembangan zaman yang sentiasa berubah dan mencabar. Bagi tujuan tersebut para ulama dari kalangan Asyairah dan Maturidiyyah telah menetapkan asas dan prinsip akidah yang menjadi dasar kepada keimanan seseorang. Apabila seseorang mukalaf berpegang dengan asas dan prinsip tersebut, insya-Allah mereka berada atas jalanan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang direddai.

Buku berjudul “Akidah Muslim” yang diterbitkan oleh Majlis Fatwa Jordan merupakan satu usaha murni daripada kerajaan Jordan khususnya daripada para ulama dan mufti-mufti di Jordan untuk menjadikan pengajian akidah ASWJ sebagai arus perdana dalam masyarakat Islam di Jordan khususnya dan seluruh negara Islam amnya. Dengan adanya buku ini, masyarakat awam boleh mengenali apakah akidah sebenar yang dituntut dalam agama dan sebagai sandaran serta rujukan dalam isu-isu akidah. Hal ini penting pada zaman mutakhir ini kerana banyak golongan yang mengaku dan mendakwa bahawa aliran mereka lah yang benar dan bertepatan dengan ASWJ.

Komitmen Ustaz Muhammad Aiman bin Ghazali menterjemahkan buku ini ke dalam bahasa Melayu adalah satu usaha yang amat baik dan memberi manfaat yang besar kepada para pembaca yang berbahasa Melayu. Buku ini secara umumnya telah menyentuh perbahasan akidah yang penting diketahui oleh setiap mukalaf yang sesuai dijadikan bahan kajian dan pengajaran di pusat pengajian atau dalam kalangan masyarakat awam.

Semoga usaha baik ini direjadi oleh Allah ﷺ dan dicatat sebagai amalan kebajikan di sisi-Nya. Amiin.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ يَإِلَّا حُسَانٌ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Mahadi bin Mohammad,
Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
Kuala Terengganu, 9/12/2023.

ALUAN PENTERJEMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَوْجَدَ الْخَلْقَ إِظْهَارًا لِرُبُوبِيهِ وَكَلَّفَ الشَّقَلَيْنِ بِالْعِبَادَةِ تَحْقِيقًا لِأُلُوهِيَّتِهِ. وَأَشْهُدُ أَنَّ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
أَشْرَفِ خَلْقِهِ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ لِقَاءِهِ.
أَمَّا بَعْدُ ،

Sesungguhnya ilmu akidah adalah semulia-mulia ilmu dan ilmu yang paling utama kepada seorang mukalaf. Dengannya dapat menyelesaikan persoalan utama yang berlegar dalam fikiran iaitu: Siapakah aku? Untuk apa aku diciptakan? Apakah kesudahanku? Melalui ilmu akidah seseorang dapat mengenali Pencipta menggunakan wasilah akal sebagai anugerah Ilahi bagi memahami nas wahyu yang diturunkan dalam al-Quran dan Hadis.

Menyedari hakikat ini, para ulama amat mementingkan pengajian akidah agar ianya diajar kepada seseorang sejak dari kecil hingga ke dewasa. Namun kandungan dan cara perbahasan ilmu tauhid berbeza antara satu peringkat dengan peringkat yang lain.

Cabaran masa kini menuntut setiap umat Islam mempelajari dan berpegang kepada akidah yang suci murni, yang dibawa oleh

Rasulullah ﷺ dan disambung oleh sahabat, tabiin dan seterusnya para ulama. Akidah yang sampai kepada kita pada hari ini adalah usaha dan kesungguhan para ulama salaf dan khalaf dalam memahamkan akidah kepada umat.

Maka usaha ini diteruskan oleh para ulama sehingga zaman kita sehingga lahirnya kitab Akidah Muslim yang dihasilkan oleh Majlis Fatwa Jordan. Maka saya menterjemahkan buku ini supaya manfaat ini dapat dicapai oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia dan semua tempat yang memahami Bahasa Melayu.

Dengan taufik dan hidayah Allah, siaplah terjemahan ini dengan bantuan sahabat-sahabat terutamanya:

1. Muhammad Muzzammil bin Ahmad Nor (Selangor)
2. Ahmad Mu'az bin Mohamad Room (Selangor)
3. Muhammad Amir bin Azman (Melaka)
4. Muhammad Fawwaz bin Yuspani (Terengganu)
5. Muhammad Nasrullah bin Mohamed Jasmani (Singapura)
6. Muhammad Nabeel Anwar bin Firdaus Khairi (Terengganu)

Semoga terjemahan ini, membawa keberkatan buat penulis, penterjemah, kedua ibu bapanya, keluarganya dan sekalian sidang pembaca.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Muhammad Aiman Ghazali al-Payungi

MUKADIMAH

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Allah ﷺ pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, seluruh ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Ilmu akidah Islam merupakan salah satu cabang ilmu yang sangat penting iaitu membahaskan mengenai prinsip-prinsip Islam yang menyeluruh. Dengan mempelajari ilmu ini, kita dapat mengenal Allah ‘Azza Wa Jalla dan sifat-sifat-Nya, mengenal para rasul yang mulia - selawat dan salam ke atas mereka seluruhnya- , juga kita dapat mengetahui pengakhiran seseorang selepas kematianya agar terlepas daripada azab seksa yang tiada kesudahan sewaktu berada di hadapan Allah ﷺ kelak.

Oleh yang demikian, ilmu akidah menghimpunkan dalil-dalil aqli dan naqli, mengandungi pengetahuan agama yang bersifat *qat'i* di samping menjadi tunjang dan paksi kepada segala bentuk ilmu agama. Kita menyaksikan bahawa para ulama begitu mengambil berat terhadap ilmu ini, maka mereka menghasilkan pelbagai karya. Karya mereka ada yang berbentuk ringkasan dan juga huraihan, ada yang berbentuk nazam dan juga teks. Malah kita mendapati ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah mengarang

berkenaan ilmu akidah dalam pelbagai tahap mengikut keperluan umat Islam. Maka, terhasillah karya-karya yang sesuai bagi golongan peringkat permulaan, golongan pertengahan dan juga para pentahqiq (mereka yang mendalami bidang ini). Kesemua karya ini dan apa jua peringkatnya adalah selaras dalam hal akidah dan tidak berbeza, manakala kepelbagaian cara penulisan berbalik kepada cara penyampaian dan gaya analisis pendapat dan pendalilan ke atasnya. Terdapat sebahagian orang yang keliru dengan sesuatu sedangkan ia jelas pada pandangan orang lain. Begitu juga, terdapat sebahagian lain yang memerlukan kepada penjelasan meskipun ia tidak diperlukan oleh orang lain. Antara cara penulisan yang ada ialah cara penulisan golongan *mutakallimin* yang menitikberatkan berkenaan hal akidah dengan mendatangkan syubhah-syubhah yang bercanggah. Perkara ini bertujuan memberi jawapan balas ke atas syubhah tersebut dan menerangkan kelemahannya di samping meneliti hujah-hujah dan petunjuk pada gambaran yang sesempurna mungkin.

Sehubungan dengan itu, kitab yang kami persembahkan kepada para pembaca budiman merupakan sebuah kitab ringkasan yang membicarakan asas-asas akidah Islam dengan menggunakan laras bahasa yang mudah dan menyebut dalil-dalil akidah ini dengan

jelas tanpa memanjangkan atau merumitkan agar setiap pembaca mendapat kefahaman yang tuntas.¹

Buku yang ringkas ini mengandungi mazhab jumhur umat Islam daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu al-Asya'irah dan mereka yang sealiran dalam isu-isu akidah. Apa yang kami nyatakan dalam buku ini adalah sabit menurut nas al-Quran dan Sunnah, juga merangkumi dalil aqli dan naqli yang menunjukkan kepada apa yang telah kami sebutkan terhadap akidah-akidah yang menjadi pegangan dalam mazhab al-Asy'ari dan aliran-aliran yang sealiran dengannya daripada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di penghujung buku ini, kami ada lampirkan sebahagian permasalahan fiqh seperti hukum mengkafirkan orang Islam yang lain kerana syubhah semata-mata, konsep bidaah dan perkara yang seumpama dengannya. Kami lampirkan ini kerana pihak yang mendakwa bahawa ia merupakan masalah akidah. Oleh itu, ia menjadi sebab untuk mereka mengkafirkan sebahagian orang Islam atau membidaahkan mereka dalam hal akidah. Situasi ini memerlukan kami untuk menyebut dan memperingatkannya

¹ Kami mengambil kandungan kitab ini daripada kitab-kitab yang diiktiraf dalam akidah Islam mengikut mazhab Asya'irah, kitab-kitab fiqh yang muktabar serta fatwa-fatwa akidah semasa yang dikeluarkan Jabatan Fatwa Negara Jordan yang berautoriti. Kami menyusun kitab ini mengikut susunan kitab "Jauharah al-Tauhid" karangan al-Imam al-Laqqani rahimahullah.

dengan jawapan yang tepat sekalipun pada asalnya ia bukan berkenaan hal akidah. Tindakan kami ini adalah sama seperti tindakan sebahagian ulama terdahulu yang menukilkan sebahagian permasalahan *al-Imamah al-'Uzma* (kepimpinan tertinggi) dalam kitab-kitab akidah, meskipun permasalahan itu pada dasarnya merupakan permasalahan fiqh.

Buku ini disusun agar setiap orang mempunyai kefahaman yang jelas berlandaskan pemikiran dan tadabbur, selaras dengan perintah Allah ﷺ:

﴿فَأَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقْلِبَكُمْ﴾
﴿وَمَثُونُكُمْ﴾

Maksudnya : «Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepada-Nya bagi salah silap yang engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di akhirat)»

[Surah Muhammad 47 : 19]

Kami menumpukan sepenuh usaha dan tenaga terhadap pembukuan ini kerana prinsip akidah Islam adalah tunggak kejayaan ketamadunan Islam. Di atasnya terbina falsafah pemikiran akal (rasional), perundangan (fiqh) serta nilai moral umat Islam. Prinsip akidah menjadi tunjang kepada sebuah kehidupan yang teguh dan akhlak yang luhur di samping menjadi asas penyatuan umat Islam, kemenangan serta keagungannya, seterusnya menjadi kunci utama kejayaan di hari akhirat serta mendapat keredaan dan rahmat Allah ﷺ.

Panji-panji akidah Islam telah dibawa sepanjang sejarah Islam oleh tokoh-tokoh ilmuan yang adil dan *thiqah*. Mereka menyampaikan kebenaran kepada generasi demi generasi dengan sebaik-baik penyampaian. Maka, para sahabat Rasulullah ﷺ merupakan golongan terawal yang mengambilnya daripada Nabi ﷺ secara murni dan jelas, kemudian diteruskan oleh generasi seterusnya sehingga beberapa bangsa dan puak mula memeluk Islam. Mereka ini mempunyai pemikiran dan falsafah yang berbeza dan bertentangan dengan manhaj al-Quran dan Sunnah Nabi ﷺ serta ijmak para ulama. Bersama pemikiran yang berbeza ini, terdapat juga beberapa syubhah dan kecelaruan dalam soal akidah. Maka terjadilah ketika itu, keperluan yang mendesak untuk mempertahankan akidah Islam dan membersihkannya dari segala

bentuk kekotoran agar ia kembali putih bersih sebagaimana di era permulaan akidah Islam berlandaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah ﷺ. Oleh yang demikian, para imam empat mazhab¹ dan ulama sezaman dengan mereka bangkit untuk menghadapi perkara penting ini, lalu mereka menjelaskan beberapa permasalahan akidah dan berhujah dengan puak penentang tentang permasalahan ini, menulis beberapa isu mengenainya dan mengajarkan ilmu ini kepada masyarakat.

Akidah ini kekal teguh dalam diri umat Islam. Namun masih ada keperluan untuk melengkap dan menyusun ilmu ini dalam bentuk yang rasional, ilmiah dan kukuh supaya para ulama mampu menjawab kemusykilan yang timbul dan memadamkan kesamaran yang menyeleweng.²

¹ Mereka itu ialah Imam Abu Hanifah (w. 150H), Imam Malik bin Anas (w. 179H), Imam al-Syafi'i (w. 204H) dan Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241H).

² Keperluan untuk menyusun ilmu ini ditambah lagi apabila timbulnya pemikiran-pemikiran yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti pemikiran golongan Muktazilah yang mengingkari takdir, golongan Mujassimah yang menyifatkan Allah ﷺ dengan sifat-sifat jisim dan menyamakan Allah ﷺ dengan makhluk-Nya, Maha suci Allah daripada apa yang mereka nistakan, golongan Murjiah yang berpendapat tiada hubungan antara iman dan amal, maka sesuatu perbuatan di sisi mereka tidak akan memberi kesan kepada iman, begitu juga golongan Khawarij yang mengkafirkan para sahabat R.A, menghalalkan darah umat Islam dengan kesamaran yang tidak berasas dan mengharuskan pemberontakan ke atas pemimpin umat Islam. Pada zaman kini, telah tersebar luas pelbagai bentuk syubhah dan kepercayaan yang sesat antaranya termasuklah ateisme sama ada dalam bentuk pengingkaran terhadap kewujudan Allah ﷺ atau pengingkaran terhadap perihal kenabian. Selain itu, antara bentuk lain pula ialah pengingkaran bahawa syariat Islam memansuhkan syariat-syariat terdahulu, mendakwa kenabian adalah sama seperti kepercayaan Qadiani, pendustaan terhadap al-Quran al-Karim, pengingkaran terhadap kewajipan untuk mengikuti ajaran Nabi Muhammad ﷺ ke atas orang bukan Islam, perakuan terhadap kesatuan agama, kepercayaan falsafah pluralisme dan pelbagai lagi bentuk kebatilan yang lain.

Oleh yang demikian, tanggungjawab yang berat ini digalas oleh dua imam besar daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi. Mereka berdua berusaha untuk mendatangkan dalil-dalil bagi akidah Islam dan menangkis sebarang keraguan yang timbul serta menjelaskan permasalahannya. Kemudian usaha ini diteruskan oleh para ulama selepas mereka berdua sehingga ke hari ini. Mereka dianggap sebagai kelompok majoriti dan pandangan mereka adalah pandangan yang jitu dan memiliki kesempurnaan dari sudut dalil dan hujah yang muktabar daripada dalil-dalil aqli dan nas-nas naqli.

Abu al-Hasan al-Asy'ari (w.321H) adalah salah seorang imam yang menyampaikan kebenaran dan merupakan seorang ulama besar daripada keturunan sahabat yang mulia iaitu Abu Musa al-Asy'ari RA. Nama penuh beliau ialah Ali bin Ismail bin Abu Bisyr Ishaq bin Salim bin Ismail bin Abdullah bin Musa bin Bilal bin Abu Burdah bin Abu Musa al-Asy'ari. Taj al-Din al-Subki al-Syafi'i rahimahullah ada berkata : "*Ketahuilah, sekiranya kita ingin menyenaraikan biografi Syeikh al-Asy'ari, pasti tidak akan cukup lembaran kertas dan akan kering dakwat pena (untuk mencatatnya).*"¹

¹ Al-Subki, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin Ali bin 'Abd al-Kafi. *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*. Jilid 3. cet. ke-2, (Tahqiq : Mahmud al-Tanaji dan 'Abd al-Fattah al-Hulw), Dar Hibr, 1413 H, hlm. 351.

Adapun Abu Mansur al-Maturidi (w. 333H), yang dinisbahkan kepada Kota Samarkand. Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Hanafi al-Ansori, beliau diberi gelaran *Imam al-Huda* (yang menyampaikan kebenaran) dan bersambung nasabnya sehingga sahabat yang mulia, Abu Ayyub al-Ansori. Al-Subki berkata: “*Beliau adalah seorang imam terkemuka yang mempertahankan agama, mengukuhkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, mematahkan hujah golongan Muktazilah dan ahli bidaah dalam perdebatan bersama mereka sehingga membuatkan mereka terdiam. Pegangan mazhab beliau adalah lanjutan daripada mazhab Abu Hanifah dan dua orang muridnya iaitu Imam Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan.*”¹

¹ Ibid jilid 3 hlm. 351.

Penjelasan Berkenaan Penisbahan Ulama Akidah Kepada Imam al-Asya'ri dan al-Maturidi

Perlu diketahui bahawa kedua-dua imam besar ini iaitu Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi tidak akan menukilkan sesuatu yang bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah, bahkan usaha mereka adalah untuk mempertahankan akidah Islam yang disebut dalam al-Quran dan Sunnah berpandukan manhaj Nabi ﷺ, para sahabat serta tabiin yang berada di sebaik-baik kurun. Mereka berdua banyak mengarang kitab berkaitan dengannya, berdebat dengan golongan yang bercanggah dengan mereka dan berusaha menetapkan pegangan akidah yang benar dalam diri setiap orang mukmin. Allah ﷺ telah mengurniakan kedua-duanya kekuatan dalam hal ini dan memberikan pertolongan kepada keduanya dengan sebaik-baik pertolongan.

Umat Islam berhimpun atas kesaksian ketokohan dan keabsahan usaha kedua-dua imam ini. Hal ini kerana, umat Islam tidak sesekali akan menerima kesesatan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Nabi ﷺ. Adapun perbezaan antara mereka berdua hanyalah *khilaf lafzi*¹ pada kebanyakan masalah. Inilah

¹ *Khilaf lafzi* iaitu berbeza pada lafaz tetapi maksudnya sama.

yang dijelaskan oleh ulama yang mengkaji perbezaan antara mereka berdua dan mereka banyak mengarang kitab-kitab yang masyhur berkenaan.

Ulama hadis dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah telan mengiktiraf kelebihan dan kedudukan Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan para pengikutnya. Oleh itu para ulama hadis mengambil ilmu, meredai dan mendoakan kebaikan untuk mereka. Salah seorang imam hadis iaitu Imam al-Baihaqi meriwayatkan daripada Imam al-Asy'ari dan Ibn Furak pada kebanyakan tempat dalam karya agungnya "*al-Asma' wa al-Sifat*". Beliau menukilkan kalam dan takwilan kedua-duanya sebagai tanda sepakat dan setuju dengan pandangan mereka dan perkara ini tidak lain adalah kerana kesahihan akidah mereka berdua.

Beginu juga al-Hafiz Ibn 'Asakir menjelaskan hakikat amalan Imam al-Asy'ari dan al-Maturidi dengan berkata :

"... sehinggalah datang sekumpulan manusia kepada syeikh kami Abu al-Hasan al-Asy'ari rahimahullah, sesungguhnya dia tidak mereka-reka sesuatu pun dalam urusan agama dan tidak pula melakukan bidaah. Malah beliau mengambil kata-kata para sahabat, tabiin dan para imam usuluddin selepas itu. Lalu beliau memperkemaskannya dengan menambah keterangan dan penjelasan. Bahawasanya apa yang mereka katakan tentang

perkara usul agama dan apa yang dibawa oleh syarak adalah benar pada pertimbangan akal, dan bertentangan dengan dakwaan pendokong hawa nafsu yang tidak berpendirian dalam pegangan mereka.

Seterusnya, apa yang dijelaskan oleh syeikh telah mendokong kalam ulama terdahulu dari Kufah seperti Abu Hanifah dan Sufyan al-Thauri, dari Syam seperti al-Auza'ie dan selainnya, daripada penduduk tanah suci seperti Malik dan Syafi'i serta orang yang mengikut mereka berdua daripada penduduk Hijaz dan seluruh tanah arab, begitu juga Ahmad bin Hanbal dan selainnya daripada golongan ahli hadis, termasuklah al-Laith bin Sa'd dan selainnya, begitu juga Abu Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Abu al-Hasan Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi, kedua-duanya merupakan imam ahli hadis dan penghafaz *sunan* sebagai paksi dalam urusan-urusan syarak. Semoga Allah meredai mereka semua. Ini adalah amalan yang menjadi kelaziman bagi para imam dalam kalangan umat ini lalu menjadi tunjang ilmu dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari dahulu hingga kini. Ia juga bertepatan dengan janji Nabi ﷺ terhadap umatnya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Baginda bersabda: "*Sesungguhnya Allah akan membangkitkan buat umat ini pada awal*

setiap 100 tahun, seorang yang akan mentajdidkan (memperbaharui) agama umat ini.”¹

Dan selepas kedua imam ini, muncul pula para imam Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada golongan fuqaha, ahli hadis, ahli tafsir, ahli qiraat, ahli bahasa arab, ahli akidah Islam dan usul fiqh seperti al-Imam al-Baqillani, al-Hafiz Ibn Furak, Abu ‘Amr al-Dani, Makki bin Abu Talib, Imam al-Haramain al-Juwaini, Hujjah al-Islam al-Ghazali, al-Imam an-Nasafi, Fakhr al-Din al-Razi, ‘Adhud al-Din al-Iji, Muhyi al-Sunnah al-Baghawi, al-'Ala' al-Bukhari, Muhyi al-Din al-Nawawi, Amir al-Mukminin fi al-Hadith Ibr Hajar al-Asqalani, al-Imam al-Hafiz al-Baihaqi, al-Sakhawi, al-Suyuti, al-Baidhawi, al-'Iraqi, al-Izz bin 'Abd al-Salam, al-Kamal bin al-Humam dan selainnya yang akan memanjangkan kalam sekiranya disenaraikan. Mereka semua berpegang dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, sama ada mengikut aliran Asya'irah atau Maturidiah. Mereka bukanlah perekwa sesuatu dalam agama bahkan mereka adalah *Ahl al-Qabul wa al-Huda* (diterima dan menunjukkan jalan yang benar) di sisi majoriti umat Islam.

Lantaran golongan Salaf (golongan terdahulu) menelusuri manhaj yang sederhana dengan berpegang kepada al-Quran, Sunnah dan

¹ Ibn 'Asakir, Thiqah al-Din, Abu al-Qasim Ali bin al-Hasan bin Hibatillah yang terkenal dengan gelaran Ibn Asakir (w.57IH). 1404H. “ *Tabyiin Kazib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari* ”. cet. ke-3. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, hlm. 103.

juga ijmak, kemudian diikuti pula oleh golongan *Khalaf* (golongan yang terkemudian), maka kita pada hari ini adalah lebih utama dan sepatutnya mengikuti jalan ilmiah lagi diberkati ini. Kita juga hendaklah berpegang teguh dengan asas-asas Islam yang pasti dan berjalan di atas jalan yang pernah dilalui oleh para ulama terdahulu agar menjadi umat yang berjaya di hadapan Tuhan sekalian alam.

Kami memohon kepada Allah jualah agar dijadikan kitab ringkas ini bermanfaat dalam pengukuhan akidah Islam sebagaimana bermanfaatnya pendekatan para ulama terdahulu dalam kalangan ulama empat mazhab yang bertepatan dengan manhaj Imam al-Asy'ari dan al-Maturidi.

Kami telah menyusun perbahasan kitab ini dalam tiga bab iaitu *al-Ilahiyyat* (ketuhanan), *al-Nubuwwat* (kenabian) dan *al-Sam'iyyat* (perkara-perkara ghaib). Kemudian, kami meletakkan tajuk setiap permasalahan yang terpecah di bawahnya pada setiap bab dan bagi kesemua bab ini kami dahulukan dengan sebuah mukadimah yang berkait dengan konsep iman di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini kerana ia merupakan kewajipan pertama ke atas sekalian mukalaf.

Wa al-Hamdu Lillahi Rabb al-'Alamin

MUKADIMAH

AKIDAH

Konsep Iman di Sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah

Syarak mewajibkan para mukalaf untuk mengenal Allah ﷺ dan mengetahui rukun-rukun iman dan syarat mengenal Allah ﷺ adalah dengan mengetahui secara yakin dan pasti berpandukan dalil yang sahih, berdasarkan firman Allah ﷺ :

﴿فَاعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾

Maksudnya : «Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah»

[Muhammad 47 : 19]

Makrifat yang wajib dalam Islam ialah keimanan yang selari dengan tuntutan dua kalimah syahadah أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ (مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ) (aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah ﷺ dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu ialah hamba dan pesuruh Allah ﷺ) bermaksud: membenarkan kewujudan Allah ﷺ dengan mengetahui segala

sifat-sifat kesempurnaan yang wajib bagi-Nya serta segala sifat-sifat kekurangan yang mustahil bagi-Nya, serta perbuatan-Nya itu berlaku dengan kehendak dan kudrat-Nya. Begitu juga mempercayai Nabi ﷺ dengan tunduk dan patuh serta menerima apa jua yang disampaikan oleh Baginda ﷺ kepada kita.

Makrifat keimanan ini tidak akan diterima sehingga ia bersifat yakin, justeru perlu diketahui juga dalil-dalil keimanan secara umum (*dalil ijimali*). Seorang muslim itu juga tidak boleh menjadi muslim hanya dengan keimanan berdasarkan syak, sangkaan atau meneka-neka sahaja, dan ia tidak dianggap sebagai *makrifatullah* yang hakiki. Hal ini kerana seseorang yang berpegang kepada sesuatu yang berdasarkan syak atau sangkaan tidak dianggap sebagai seorang yang mengetahui.

Oleh itu, tidak diterima iman seseorang yang mengisbatkan kewujudan Allah ﷺ hanya berdasarkan syak atau sangkaan malah ia tidak memenuhi tuntutan. Firman Allah ﷺ :

﴿ قَالَ رُسُلُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌ فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيغْفِرَ لَكُم مِّنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرُكُمْ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمٍّ ﴾

Maksudnya : «Rasul-rasul mereka bertanya: "Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi? Ia menyeru kamu beriman kerana hendak membersih dan melepaskan kamu dari dosa-dosa kamu, dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa yang tertentu»

[Ibrahim 14 : 10]

Begin juga dengan firman-Nya:

﴿وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنَّا إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ﴾

Maksudnya : «Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktiqad). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan»

[Yunus 10 : 36]

Perlu diketahui bahawa syarak tidak mensyaratkan seorang mukalaf ini untuk mengenal Allah ﷺ dengan mendalami secara terperinci setiap dalil dan permasalahan, bahkan dia hanya wajib mengenal-Nya secara umum sahaja dan kewajipan ini terletak di

atas bahu setiap mukalaf dalam kalangan orang awam. Setiap daripada mereka berfikir dan bertaakul dalam diri mereka meskipun tidak melafazkannya dengan lisan tentang kewujudan Allah ﷺ sesuai dengan tingkat kemampuan mereka. Jika ada seorang mukalaf yang langsung tidak berfikir dan tidak mencari dalil tentang kewujudan Allah ﷺ dan bertaqlid semata-mata, para ulama menghukumkan mereka mukmin yang berdosa kerana cuai dalam melaksanakan sebahagian kewajipan yang ditaklifkan ke atas mereka.

Al-Imam ‘Adhud al-Millah wa al-Din al-Iji mengisyaratkan kepada kewajipan untuk mengetahui dalil bagi mengisbatkan kewujudan Allah ﷺ hanya secara umum, bukannya secara terperinci.

Katanya: “Sesiapa yang membenarkan kewujudan Allah ﷺ secara hakiki dia dikira sebagai seorang yang mengetahui tentang kesemua perkara ini, meskipun dia tidak meneliti dalil berkenaan, kerana perkara ini tidak disyaratkan bagi membolehkan seseorang itu memenuhi tanggungjawab mengenal Allah ﷺ dan keluar dari daerah taqlid.”¹

¹ Al-Syarif al-Jurjani, Ali bin Muhammad al-Jurjani (816H), *Syarah al-Mawaqif*, Matba'ah al-Sa'adah, Mesir, 1907M/1325H, Jilid 8, Halaman 333.

Kewajipan Pertama ke atas Mukalaf¹ adalah Mengenal Allah



Perkara pertama yang diwajibkan ke atas mukalaf adalah beriman kepada Allah ﷺ dan hatinya meyakini dengan penuh tekad bahawa Allah ﷺ itu wujud, esa dan tiada sekutu bagi-Nya, pencipta segala sesuatu, bersifat dengan segala sifat yang sempurna serta suci daripada segala sifat kekurangan. Allah ﷺ berfirman:

﴿فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾

Maksudnya : «*Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah»*

[Muhammad 47 : 19]

¹ Mukalaf menurut ilmu Usuluddin adalah baligh, berakal, telah menerima seruan Islam yang benar, dengan mengetahui kandungan seruan ini yang terangkum dalam penyaksian tauhid “Tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah ﷺ dan nabi Muhammad ﷺ itu adalah pesuruh Allah ﷺ.”

Perkara ini mestilah diketahui oleh semua mukalaf tanpa pengecualian kerana ia adalah kepercayaan umum yang dituntut ke atas setiap manusia. Bagi melaksanakan kewajipan beriman kepada Allah ﷺ, maka mestilah melalui dalil dan bukti. Oleh itu, tidak sah keimanan dengan hanya bertaqlid.¹ kepada orang lain. Alam semesta adalah bukti terbesar kewujudan Allah ﷺ kerana ia merupakan ciptaan yang dapat dirasai melalui pancaindera. Tidak mungkin bagi seseorang yang berakal itu mempercayai bahawa alam ini wujud tanpa ada yang mewujudkannya atau tercipta tanpa adanya pencipta. Sesungguhnya naluri manusia mencari sebab bagi tiap-tiap sesuatu, maka setiap makhluk pasti ada pencipta-Nya.

Dan pencipta itu adalah Allah ﷺ, yang berfirman:

﴿لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ﴾

¹ Taqlid adalah mengikuti pendapat orang lain tanpa sebarang keterangan atau dalil, sehingga apabila pendapat mereka berubah, si pengikut meragui taqlidnya seterusnya menjadi bingung dan ragu-ragu, tidak boleh membezakan antara hak dan batil. Oleh itu, mengenal Allah ﷺ diwajibkan ke atas setiap mukalaf dengan mengetahui dalil yang mencukupi kerana taqlid itu berbahaya bagi akidah seseorang muslim dan sering membawa kepada keraguan dan syak wasangka.

Maksudnya : «*Tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepada-Nya»*

[al-An'am 6 : 102]

Antara tanda pembuktian lain ialah alam semesta yang kompleks di sekeliling kita sangat teratur dan sempurna, di mana semua benda sekalipun besar jumlahnya, bergerak secara teratur. Tidak dapat dibayangkan bahawa perkara sebesar ini tanpa Tuhan yang mengatur, menyusun dan mengetahui semua perkara. Firman Allah ﷺ :

﴿وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ وَنَقْدِيرًا﴾

Maksudnya : «*Dan Dia lah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna»*

[al-Furqan 25: 2]

Tidak ada seorang pun yang dapat menafikan bukti kewujudan Allah ﷺ dan mengenali-Nya. Setiap orang menyatakan bukti itu

dengan lisannya sesuai dengan kemampuannya, seperti kata seorang arab Badwi dalam menyimpulkan kewujudan Allah ﷺ :

“Jejak menunjukkan jalan, najis unta menunjukkan adanya unta, langit dengan gugusan bintang, bumi dengan laluan-laluan dan lautan dengan deruan ombak. Apakah kesemuanya tidak menunjukkan bahawa wujudnya Allah ﷺ yang Maha Mendengar dan Maha Melihat.”

Makna Iman yang Ditaklifkan oleh Allah ﷺ ke atas Manusia

Selepas kami menyatakan bahawa keimanan merupakan perkara pertama yang wajib ke atas setiap mukalaf, kami perlu menjelaskan pula berkenaan konsep iman.

Asas iman yang dituntut daripada sekalian manusia adalah membenarkan dengan hati tanpa ragu-ragu atau syak, dengan makna dia akur dan yakin bahawa Allah ﷺ itu benar, Islam itu benar dan apa yang disampaikan oleh junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ adalah benar. Firman Allah ﷺ :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُواْ ءَامِنُواْ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ﴾

Maksudnya : «*Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad ﷺ)*»

[al-Nisa' 4 : 136]

Oleh itu, sesiapa yang berpegang dengan asas ini, dia pasti akan terselamat daripada kekal dalam api neraka. Dalil yang menerangkan bahawa asas iman itu merupakan keyakinan dalam hati ialah firman Allah ﷺ :

﴿أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمْ أُلَّا يَمْنَعَ وَأَيَّدَهُمْ بِرُوحٍ مِّنْهُ﴾

Maksudnya : «*Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripada-Nya»*

[al-Mujadalah 10 : 22]

Maka iman yang ditetapkan di dalam hati (dalam ayat di atas) tidak lain tidak bukan hanyalah membenarkan dengan hati. Begitu juga

firman Allah ﷺ ketika menceritakan tentang adik beradik Nabi Yusuf A.S :

﴿ وَمَا آتَيْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا ﴾

Maksudnya : «*Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini»*

[Yusuf 12 : 17]

Iman yang sempurna boleh diibaratkan dengan mempercayai dengan hati, mengungkapkan dengan lisan dan beramal dengan anggota badan dan ini merupakan takrifan yang tepat. Tetapi, perlu diambil perhatian bahawa ia merupakan takrifan bagi keimanan yang sempurna dan bukannya takrifan asas iman iaitu *al-Tasdiq* (membenarkan).

Orang Islam mungkin berasa pelik bahawa asas iman adalah kepercayaan semata-mata dan tidak melibatkan pertuturan dan perbuatan.

Kami menyatakan bahawa perkara ini tidak menghairankan kerana al-Quran dan Sunnah telah membuktikan perkara ini dan ia juga adalah pegangan para sahabat, tabiin dan para pengikut

mereka (semoga Allah ﷺ merahmati mereka semua), malah ia juga adalah pendapat para salaf yang adil (dipercayai dan diterima ilmu mereka) daripada keempat-empat mazhab. Jadi kita tidak menolak kefahaman ini hanya kerana ada pihak yang cuba meragukan atau yang menganggap pelik. Kami kemukakan di sini sejumlah dalil-dalil daripada al-Quran, Sunnah dan pandangan ulama yang muktabar berkenaan hal ini.

1. Firman Allah ﷺ :

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَى إِثْمًا عَظِيمًا﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuat-Nya (dengan sesuatu apa juar), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Sesiapa yang mempersekuat Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar»*

[al-Nisa' 4 :48]

Syirik ialah mempercayai wujudnya sekutu bagi Allah ﷺ . Apa sahaja bentuk kemaksiatan dan perbuatan meninggalkan amal soleh tidaklah sampai kepada tahap kesyirikan, bahkan ia termasuk dalam ruang lingkup kehendak Allah ﷺ . Seseorang itu tidak dianggap kafir jika melakukan perbuatan sedemikian, begitu juga segala perbuatan ini tidak menjadikan seseorang itu kafir. Hal ini menunjukkan bahawa iman yang dapat menyelamatkan seseorang itu ialah kepercayaan hati.

2. Firman Allah ﷺ :

﴿مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ وُمْطَمِئْنٌ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنَّ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدَرَ فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya : «Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar»

[al-Nahl 16 : 106]

3. Firman Allah ﷺ :

﴿أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُمْ بِرُوحٍ مِّنْهُ﴾

Maksudnya : «*Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripada-Nya»*

[al-Mujadalah 10 :22]

4. Firman Allah ﷺ :

﴿قَالَتِ الْأَعْرَابُ إِذَا قُلَّ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلُ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ﴾

Maksudnya : «*Orang-orang Arab berkata: " Kami telah beriman". Katakanlah (wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: 'kami telah Islam '. Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah Rasul-Nya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani»*

[Hujurat 49 :14]

Semua ayat al-Quran ini menunjukkan bahawa hakikat iman itu merupakan soal hati dan selain daripadanya tidak termasuk dalam hakikat iman yang dapat melepaskan diri seseorang daripada kekal dalam api neraka. Kesemua ayat ini juga menunjukkan bahawa iman itu terletaknya dalam hati. Inilah dia yang dimaksudkan dengan kepercayaan hati.

5. Hadis - hadis syafaat yang sahih dan jelas yang menunjukkan bahawa keluarnya orang mukmin dari api neraka dalam masa yang sama dia tidak pernah mengerjakan amal kebaikan sama ada solat, puasa, zakat atau kewajipan selainnya ketika hidupnya. Ia boleh didapati dalam banyak hadis yang pelbagai, antaranya termasuklah hadis yang diriwayatkan oleh Anas RA daripada Nabi

، ﷺ ، ﷺ Baginda bersabda :

((يَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنٌ شَعِيرَةٌ مِنْ خَيْرٍ))

وَيَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنٌ بُرَّةٌ مِنْ خَيْرٍ

وَيَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنٌ ذَرَّةٌ مِنْ خَيْرٍ))

Maksudnya : “Akan keluar daripada neraka sesiapa yang mengucapkan لا إله إلّا الله (Tiada tuhan yang berhak disembah selain

Allah ﷺ) dan dalam hatinya ada kebaikan seberat biji barli dan

akan keluar daripada neraka sesiapa yang mengucapkan لا إِلَهَ إِلَّا اللهُ (Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah ﷺ) dan dalam hatinya ada kebaikan seberat biji gandum akan keluar daripada neraka sesiapa yang mengucapkan لا إِلَهَ إِلَّا اللهُ (Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah ﷺ) dan dalam hatinya ada kebaikan seberat zarah.”

[Riwayat al-Bukhari]

Riwayat lain daripada Anas RA menggunakan lafaz “مِنْ إِيمَانٍ” menggantikan frasa “مِنْ حَيْرٍ”.

6. Terdapat sebuah hadis yang panjang antara hadis-hadis syafaat berkenaan apa yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA:

((فَيَقُولُ أَهْلُ الْجَنَّةِ : هُوَ لَا إِلَهَ إِلَّا رَبُّ الْرَّحْمَنِ ، أَدْخِلْهُمُ الْجَنَّةَ بِغَيْرِ عَمَلٍ عَمِلُوهُ ، وَلَا خَيْرٌ قَدَّمُوا

فَيُقَالُ لَهُمْ : لَكُمْ رَأْيُكُمْ وَمِثْلُهُ مَعَهُ))

Maksudnya : “Para penghuni syurga berkata: “Mereka adalah orang yang dibebaskan oleh Tuhan yang Maha Pengasih. Dia memasukkan mereka ke dalam syurga tanpa sebarang amalan yang mereka

kerjakan dan tanpa sebarang kebaikan yang mereka lakukan." Lalu dikhabarkan kepada mereka: "Kamu dapat apa yang kamu lihat ini (syurga) bersama gandaan seumpamanya."

[Riwayat al-Bukhari]

Hadis ini menunjukkan bahawa masuknya orang mukmin ke dalam syurga sekalipun tidak mengerjakan amal kebajikan adalah kerana mereka membenarkan dengan dua kalimah syahadah (beriman).

7. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Zar RA, beliau berkata:

Rasulullah ﷺ bersabda:

((أَتَانِي آتٍ مِنْ رَبِّي، فَأَخْبَرَنِي - أَوْ قَالَ : بَشَّرَنِي - أَنَّهُ : مَنْ مَاتَ مِنْ أُمَّةٍ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا

دَخَلَ الْجَنَّةَ" قُلْتُ : وَإِنْ زَنَى وَإِنْ سَرَقَ؟ قَالَ : (وَإِنْ زَنَى وَسَرَقَ).))

Maksudnya : "Satu utusan Tuhanku telah datang kepadaku dan membawa khabar gembira kepadaku bahawa sesiapa yang mati daripada kalangan umatku tanpa mensyirikkan Allah ﷺ dengan sesuatu apa pun, maka dia akan masuk syurga". Aku berkata: "Sekalipun dia berzina dan mencuri? Baginda menjawab: "Ya, sekalipun dia berzina dan mencuri."

[Riwayat al-Bukhari]

8. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((قَالَ رَجُلٌ لَمْ يَعْمَلْ حَسَنَةً قُطُّ، لِأَهْلِهِ : إِذَا مَاتَ فَحَرَقُوهُ، ثُمَّ اذْرُوا نِصْفَهُ فِي الْبَرِّ، وَنِصْفَهُ فِي الْبَحْرِ، فَوَاللَّهِ لَيْنَ قَدَرَ اللَّهُ عَلَيْهِ لِيُعَذِّبُهُ عَذَابًا لَا يُعَذِّبُهُ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ، فَلَمَّا مَاتَ الرَّجُلُ فَعَلُوا مَا أَمْرَهُمْ، فَأَمَرَ اللَّهُ الْبَرَّ فَجَمَعَ مَا فِيهِ، وَأَمَرَ الْبَحْرَ فَجَمَعَ مَا فِيهِ، ثُمَّ قَالَ : لِمَ فَعَلْتَ هَذَا؟ قَالَ : مِنْ خَشْيَتِكَ، يَا رَبِّ وَأَنْتَ أَعْلَمُ، فَغَفَرَ اللَّهُ لَهُ))

Maksudnya : “ Seorang lelaki yang tidak pernah sama sekali melakukan amal kebaikan telah berwasiat kepada ahli keluarganya: Sekiranya dia mati, maka mereka hendaklah membakar mayatnya kemudian menerbangkan separuh debunya ke daratan dan separuh lagi ke lautan. Maka demi Allah jika Allah menginginkan azab ke atasnya, nescaya Allah ﷺ akan mengazabnya dengan satu azab yang tidak pernah dirasakan oleh seorang pun di alam ini. Selepas lelaki itu mati, warisnya melaksanakan wasiat lelaki itu. Allah ﷺ menyuruh daratan mengumpulkan debunya dan menyuruh lautan mengumpulkan debunya. Kemudian dihimpunkan semuanya lalu Allah ﷺ bertanya kepadanya, kenapa kamu lakukan seperti ini. Jawabnya kerana aku sangat takut kepada-Mu wahai Tuhan-Ku dan

Kamu lebih mengetahui. Rasulullah ﷺ bersabda: "Kemudian Allah ﷺ mengampunkannya."

[Riwayat Muslim]

9. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa:

((كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ، فَأَتَاهُ جِبْرِيلٌ فَقَالَ : مَا الْإِيمَانُ؟ قَالَ :

الْإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَبِلِقَاءِهِ وَرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ))

Maksudnya : "Suatu hari Nabi ﷺ duduk di antara para sahabat dalam keadaan lebih menyerlah (duduk di tempat yang lebih tinggi), tiba-tiba seorang lelaki (Jibril AS) datang kepada Baginda lalu bertanya, 'Apakah itu iman?'. Nabi ﷺ menjawab: Iman itu adalah kamu percaya kepada Allah ﷺ , para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, pertemuan dengan-Nya, rasul-rasul-Nya dan kamu beriman dengan Hari Kebangkitan."

[Riwayat al-Bukhari]

10. Hadis yang diriwayatkan oleh Uthman RA, beliau berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((مَنْ ماتَ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، دَخَلَ الْجَنَّةَ))

Maknanya : “Sesiapa yang mati dalam keadaan dia mengetahui, (dan meyakini) bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah ﷺ , dia akan masuk ke dalam syurga.”

[Riwayat Muslim]

11. Anas bin Malik RA menyampaikan kepada kami bahawa, Nabi ﷺ pernah berkata kepada Mu'az yang ketika itu sedang membonceng tunggangan bersama Baginda:

((يَا مُعاذَ بْنَ جَبَلٍ، قَالَ: لَيَئِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدِيْكَ، قَالَ: "يَا مُعاذٌ" ، قَالَ: لَيَئِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدِيْكَ ثَلَاثًا، قَالَ: "مَا مِنْ أَحَدٍ يَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صِدْقًا مِنْ قَلْبِهِ، إِلَّا حَرَمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّاسِ، قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ: أَفَلَا أُخْبِرُ بِهِ النَّاسَ فَيَسْتَبْشِرُوا؟ قَالَ: "إِذَا يَتَكَلُّوا وَأَخْبَرُ بِهَا مُعاذٌ عِنْدَ مَوْتِهِ تَأْثِمًا"))

Maksudnya : “Wahai Mu'az bin Jabal. Mu'az RA menjawab. “Aku menyahut panggilanmu dan bersedia mentaatimu.” Nabi ﷺ berkata lagi: “Wahai Mu'az.” Mu'az RA menjawab: “Aku menyahut panggilanmu dan bersedia mentaatimu.” Panggilan dan jawapan

Mu'az berlaku sebanyak tiga kali. Nabi ﷺ kemudian bersabda: "Tiada seorang pun yang bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad pesuruh Allah dengan penuh ikhlas dan membenarkan dalam hatinya melainkan Allah akan mengharamkan dirinya dari neraka." Mu'az bertanya: "Wahai Rasulullah, tidakkah sebaiknya aku sampaikan berita gembira ini kepada orang ramai agar mereka merasa gembira?" Rasulullah ﷺ menjawab: "Nanti mereka berserah sahaja (tidak mahu beramal lagi)." Bagaimanapun Mu'az menceritakan hadis ini (kepada orang ramai) ketika beliau hampir dengan saat kematian kerana takut berdosa (kerana menyembunyikan hadis)."

[Riwayat al-Bukhari]

Semua hadis yang telah kami sebutkan ini menunjukkan bahawa perbuatan amal soleh dan ketaatan adalah terkeluar daripada asas iman, bahkan ia bukanlah sebahagian daripadanya dan bukan juga rukunnya. Oleh itu, sesiapa yang didapati mempunyai asas iman iaitu *al-Tasdiq* (membenarkan) meskipun dia tidak mengerjakan sebarang amalan, maka dia bukanlah seorang yang digelar kafir bersaksikan kepada keseluruhan hadis dan ayat al-Quran yang telah disebutkan di atas.

Apa yang telah kami nyatakan bahawa makna asal “iman” ialah “mempercayai”, ini merupakan ijmak ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antara ulama yang menyebut sedemikian termasuklah Imam al-Tabari, beliau menyebut: “Pendapat yang betul di sisi kami dalam hal ini ialah iman merupakan kata nama bagi perbuatan mempercayai sebagaimana yang digunakan oleh orang Arab. Perkataan ini juga terdapat dalam sebuah kisah dalam al-Quran melalui penceritaan tentang ucapan adik-beradik Nabi Yusuf A.S kepada bapa mereka iaitu Nabi Ya’qub AS, firman Allah

 :

﴿ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَدِقِينَ ﴾

Maksudnya : «*Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar»*

[Yusuf 12 : 17]

Dengan makna : Sudah tentu ayahanda tidak akan mempercayai kata-kata kami. Namun, makna bagi lafaz mukmin yang umum (iman yang sempurna) ialah orang yang beramal dengan keseluruhan makna iman iaitu dengan melaksanakan semua

kewajipan Allah ﷺ sama ada dari sudut pengetahuan, pengakuan dan perbuatan.”¹

Ibn Qutaibah berkata, iman ialah membenarkan. Allah ﷺ berfirman : **وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا :** bermaksud membenarkan kata-kata kami, **وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ** [Yusuf 12 : 17], firman-Nya lagi :

﴿ذَلِكُمْ بِأَنَّهُوَ إِذَا دُعِيَ اللَّهُ وَحْدَهُو كَفَرْتُمْ وَإِنْ يُشْرِكْ بِهِ تُؤْمِنُوا﴾

Maksudnya : «(Lalu dikatakan kepada mereka): "Azab yang kamu berada padanya itu adalah kerana keadaan kamu apabila Allah Yang Maha Esa sahaja diseru dan disembah, kamu kufur (dan menolak cara bertauhid itu); dan apabila dipersekutukan sesuatu dengan Allah, kamu percaya (dan menerima bawaan syirik itu). Maka kuasa menjalankan keadilan adalah hak Allah, Yang Maha Tinggi (dari apa yang dipersekutukan), lagi Yang Maha Besar (pemerintahan-Nya)"»

[Ghafir 40 : 12]

¹ Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. *Al-Tafsir fi Ma'alim al-Din*, tahqiq 'Ali al-Syibil, Dar al-'Asimah, cet. 1, 1996, hlm. 190.

Lafaz (تُؤْمِنُوا) bermaksud kamu mempercayai. Hamba yang beriman kepada Allah ﷺ ialah orang yang percaya. Allah ﷺ juga bersifat mukmin iaitu menepati apa yang Dia telah berjanji dan menerima iman seseorang hamba-Nya. Menurut ilmu kalam, “Aku tidak mempercayai sesuatu yang kamu katakan, iaitu aku tidak membenarkannya¹. ”

Imam Abu ‘Amru al-Dani berkata: “Beriman kepada Allah ﷺ ialah meyakini dengan hati bahawa Allah ﷺ itu Maha Esa, tiada awal dan tiada akhir, Pencipta dan Maha Mengetahui.” Firman Allah ﷺ :

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : «*Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat»*

[al-Syura 42 : 11]

¹ Ibn Qutaibah, Abu Muhammad 'Abdullah bin Muslim al-Dainuri, *Ta'wil Musykil al-Quran*, tahqiq Ibrahim Syams al-Din, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. hlm. 263.

Dalil yang menyatakan iman adalah pengakuan dan pemberian benaran adalah berdasarkan firman Allah ﷺ :

﴿ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَدِقِينَ ﴾

Maksudnya : «*Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar»*

[Yusuf 12 : 17]

Lafaz (تُؤْمِنُوا) bermaksud mempercayai kata-kata kami. Demikian juga firman Allah ﷺ :

﴿ ذَلِكُمْ بِأَنَّهُوَ إِذَا دُعِيَ اللَّهُ وَحْدَهُو كَفَرْتُمْ وَإِنْ يُشْرِكْ بِهِ تُؤْمِنُوا ﴾

Maksudnya : «(Lalu dikatakan kepada mereka): "Azab yang kamu berada padanya itu adalah kerana keadaan kamu apabila Allah Yang Maha Esa sahaja diseru dan disembah, kamu kufur (dan menolak cara bertauhid itu); dan apabila dipersekutukan sesuatu dengan Allah, kamu percaya (dan menerima bawaan syirik itu). Maka kuasa menjalankan keadilan adalah hak Allah, Yang Maha Tinggi (dari apa yang dipersekutukan), lagi Yang Maha Besar (pemerintahan-Nya)"»

[Ghafir 40 : 12]

Lafaz (تُؤْمِنُوا) bermaksud mempercayai, firman Allah ﷺ lagi :

﴿إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذَّةً لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya peristiwa kembalinya Tabut itu mengandungi satu tanda keterangan bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman.*»

[Baqarah 2 : 248]

Lafaz (مُؤْمِنِينَ) bermaksud mereka yang mempercayai.”¹

Imam Makki bin Abu Talib menyatakan dalam pelbagai perbahasan: “Asas iman ialah mempercayai.”² Beliau berkata lagi dalam perbahasan lain: “Iman ialah mempercayai setiap perkara yang datang daripada Allah ﷺ .”³

Imam al-Baihaqi berkata: “Sementara amal pula merupakan iman kepada Allah ﷺ dan Rasul setelah beriman kepada-Nya (dengan

¹ Abu Umar Al-Dani, Usman bin Said. *Al-Risalah al-Wafiyah limazhab Ahli al-Sunnah fi Al-'Itiqad wa Usul Al-Dayanat*. cet. ke-1. Kuwait: Dar Al-Imam Ahmad. 1421H/2000M. hlm. 119.

² Al-Qisi, Abu Muhammad Maki bin Abi Talib Al-Qurtubi Al-Maliki. *Al-Hidayah Ila Bulugh Al-Nihayah*. Cet. ke-1. Kuliyah Syariah wa Al-Dirasat Al-Islamiyah. Jami'ah Al-Syariqah. 1429H/2008M. Jilid 1. hlm.130.

³ Ibid

hati)." Ini bermaksud melakukan ketaatan dengan syarat setelah mengiktiraf (keimanan kepada Allah ﷺ dan Rasul). Oleh itu, penderhakaan dan kemaksiatan ialah lawan bagi amal soleh namun tidak sampai pada tahap kufur.¹

Berdasarkan perkara yang telah kami nyatakan bahawa iman itu mempercayai, ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah bersepakat (ijmak) bahawa pelaku dosa besar masih lagi seorang yang beriman dan dia tidak terkeluar daripada Islam. Imam al-Nawawi berkata: "Ketahuilah bahawa mazhab yang hak tidak mengkafirkan mana-mana ahli kiblat dengan sebab dosa yang dilakukan dan juga tidak mengkafirkan ahli bidaah." Sesiapa yang menentang perkara yang sedia maklum dalam agama Islam maka akan dihukum kufur dan murtad kecuali seseorang yang baru memeluk Islam, tinggal di kawasan pedalaman dan seumpamanya.²

¹ Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Al-Husin Al-Khorosani . *Sya'bu al-Iman.* cat 1hb. t.p. Perpustakaan Al-Rushd. 1423H/2003M: Jilid 1, hlm. 92

² Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf, *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1392. Jilid 1, hlm. 150

Asal Iman Menurut Mazhab Salaf¹ dan Khalaf² Mempercayai dengan Hati (Keyakinan)

Terdapat pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama salaf, mereka mengatakan bahawa iman ialah perkataan dan perbuatan. Ini merupakan pandangan yang benar dan tiada keraguan, tetapi bagaimana kita memahami perkataan ini. Kita perlu memahaminya dengan pemahaman yang benar supaya seorang muslim itu tidak terjerumus dalam percanggahan dan menyatakan sesuatu tidak dinyatakan oleh golongan salaf. Penjelasannya adalah seperti berikut:

Imam al-Ghazali berkata kepada orang yang bertanya tentang permasalahan ini menurut kefahaman mazhab salaf :

((وَقَدِ اشْتَهَرَ عَنِ السَّلَفِ قَوْلُهُمْ: الْإِيمَانُ عَقْدٌ وَقَوْلٌ وَعَمْلٌ فَمَا مَعْنَاهُ قُلْنَا: لَا يُبَعِّدُ أَنْ يُعَدَّ الْعَمَلُ مِنَ الْإِيمَانِ لِأَنَّهُ مُكَمِّلٌ لَهُ وَمُتَّقِيمٌ كَمَا يُقَالُ: الرَّأْسُ وَالْيَدَانِ مِنَ الْإِنْسَانِ وَمَعْلُومٌ أَنَّهُ يُخْرِجُ عَنْ كَوْنِهِ إِنْسَانًا بِعَدَمِ الرَّأْسِ وَلَا يُخْرِجُ عَنْهُ بِكَوْنِهِ مَقْطُوعُ الْيَدِ وَكَذَلِكَ يُقَالُ لِلتَّسْبِيحَاتِ وَالثَّكْبِيرَاتِ مِنَ الصَّلَاةِ وَإِنْ كَانَتْ لَا تَبْطُلُ بِفَقْدِهَا))

¹ Satu golongan yang telah berlalu dari sudut zaman mereka berada .Mereka berada pada tiga kurun terbaik sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad ﷺ.

² Golongan khalaf yang menyambung segala ajaran Nabi Muhammad ﷺ , para sahabat, tabiin dan seterusnya.

Maksudnya : “*Sesungguhnya kalam para salaf yang masyhur bahawa: Iman adalah kepercayaan, pertuturan dan perbuatan, jadi apakah ertinya? Kami menyatakan: Tidak jauh untuk dikatakan bahawa perbuatan adalah sebahagian daripada iman kerana ia melengkapi dan menyempurnakan iman, sebagaimana diibaratkan kepala dan dua tangan adalah sebahagian daripada jasad manusia. Ia tidak dipanggil jasad tanpa adanya kepala tetapi masih tetap dipanggil jasad walaupun terputus tangan. Begitu jugalah diumpamakan bacaan tasbih dan takbir dalam solat, ia tidak terbatal tanpa menyebutnya*”.¹

Oleh itu, para salaf meletakkan pertuturan dan perbuatan sebahagian daripada iman, dengan maksud ia bertambah dan menyempurnakannya, bukan bermaksud kedua-duanya menjadi sebahagian daripada hakikat keimanan atau salah satu daripada rukunnya.

Imam al-Baidhawi memperincikan lagi masalah ini ketika mensyarahkan hadis Jibrail AS yang menjelaskan tentang makna iman iaitu beriman kepada Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat dan Qadar dengan mengatakan: Hal ini jelas bahawa amal terkeluar daripada maksud iman. Manakala Islam dan iman ialah

¹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi (w. 505H), *Qawaid al-Aqaid*, cet ke-2, (tahqiq: Musa Ali) 'Alam al-Kutub, Lubnan, 1985, hlm. 259.

dua perkara yang berbeza. Ini juga merupakan pandangan Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari. Sebagaimana yang difahami daripada firman Allah ﷺ :

﴿قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا﴾

Maksudnya : «Katakanlah (wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: 'Kami telah Islam'»

[al-Hujurat 49 : 14]

Sementara sebahagian ulama hadis serta kebanyakan ulama Muktazilah berpendapat bahawa Iman dan Islam ialah dua perkataan daripada satu ungkapan yang menghimpunkan antara membenarkan dengan hati, mengungkapkan dengan lidah dan melakukan dengan perbuatan. Namun, pandangan ini dibidas kerana Allah ﷺ menggandingkan amal soleh dengan tidak menyebut “maksiat” di samping “iman” dalam banyak ayat al-Quran.

Sekiranya amal perbuatan itu termasuk dalam iman nescaya Allah ﷺ tidak menggandingkan sedemikian. Manakala kritikan khusus ke atas ulama hadis, jika amal itu termasuk dalam iman nescaya orang fasik akan terkeluar daripada kelompok orang beriman disebabkan kefasikan sebagaimana pendapat Muktazilah sedangkan ulama hadis sangat mengingkari perkara ini.¹

Hubungan Iman dengan Ucapan dan Perbuatan

Jika iman adalah membenarkan dengan hati dalam keadaan akur dan pasrah, maka dua kalimah syahadah أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ (saya bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan saya bersaksi bahawa Muhammad itu adalah Pesuruh Allah) adalah bukti kepada apa yang ada dalam hati orang yang beriman kepada Allah ﷺ dan junjungan Baginda Muhammad ﷺ. Kedua-dua kalimah syahadah adalah manifestasi iman dan amalan orang beriman, justeru dengan lafaz dua kalimah syahadah itu membezakan seseorang mukmin daripada yang lain.

¹ Al-Baidhowi, Nasir Al-Din Abdullah bin Umar. *Tuhfah Al-Abرار Syarh Masobih al-Sunnah*. Kuwait: Wizardh al-Auqof wa Syu'uni al-Islamiyah. 1433H/2012M. Jilid 1. hlm. 30.

Mengucap dua kalimah syahadah itu bukanlah sebahagian daripada iman, tetapi ia adalah bukti kepatuhan kepada syariat Islam dan percaya dengannya. Seseorang mungkin tidak mampu untuk mengucapkan dua kalimah syahadah kerana sesuatu keuzuran, namun begitu dia beriman kepada Allah ﷺ dan nabi-Nya.

Adapun kefarduan, kewajipan dan amal soleh yang lain seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain sama ada amalan sunat, sedekah dan solat sunat itu adalah tanda kekuatan dan kesempurnaan iman.

Semakin bertambah amalan soleh, semakin meningkatlah iman. Hal ini kerana amalan soleh itu meningkatkan dan menguatkan iman serta menyuburkannya dalam hati. Manakala apabila berkurangnya amalan soleh, maka berkuranglah iman. Namun dengan berkurangnya amalan soleh tidaklah bermaksud hilang sepenuhnya iman selama mana seseorang itu masih beriman kepada Allah dan rasul-Nya serta beriman dengan apa yang disampaikan oleh Rasulullah ﷺ daripada perkara-perkara yang wajib diketahui dalam agama, iaitu perkara-perkara agama yang sedia maklum dan diketahui oleh orang ramai sama ada ulama atau pun orang awam.

Adapun ucapan dengan lisan dan perbuatan dengan anggota badan menggambarkan keyakinan dan keimanan yang teguh dalam hati orang beriman. Justeru, amal ibadat merupakan penyempurna dan penguat bagi iman seseorang. Kadang kala seseorang itu tidak mampu untuk bertutur dan beramal akan tetapi hatinya penuh dengan keyakinan, kepercayaan dan keimanan. Firman Allah ﷺ :

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ طَوْبٌ لَهُمْ وَحُسْنُ مَعَابٍ﴾

Maksudnya : «Orang-orang yang beriman dan beramal soleh, beroleh kebahagiaan yang amat mengembirakan dan tempat kembali yang sebaik-baiknya»

[al-Ra'd 13 : 29]

Oleh itu, lihatlah bagaimana Allah ﷺ berbicara dengan orang beriman dengan menyifatkan keimanan mereka dahulu dan kemudian menyifatkan pula mereka dengan amal soleh. Ini menunjukkan bahawa amalan itu akan lahir selepas dibuktikan adanya keimanan dan keyakinan.

Iman Bertambah dan Berkurang dengan Bertambahnya dan Berkurangnya Ketaatan

Berdasarkan apa yang telah kami jelaskan berkenaan makna iman dan hubungannya dengan pertuturan dan perbuatan, maka perlu diketahui bahawa iman itu bertambah dengan ketaatan, dan berkurang dengan kemaksiatan.

Ketaatan bermaksud melakukan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang. Adapun kemaksiatan bermaksud melanggar apa yang diperintahkan oleh Allah ﷺ .

Pendapat yang menyatakan bahawa iman itu bertambah dan berkurang adalah berdasarkan kepada apa yang telah disebutkan sebelumnya, bahawa iman itu adalah membenarkan dengan hati manakala pertuturan dan perbuatan adalah pelengkap dan penyempurna bagi keimanan. Oleh yang demikian, apa pun keadaan amalan seseorang mukmin itu sama ada bertambah atau berkurang, dia masih tetap seorang mukmin dan tidak terkeluar daripada agama Islam dengan semata-mata melakukan maksiat atau culas dalam ketaatan.

Dalil bahawa iman itu bertambah berdasarkan firman Allah ﷺ :

﴿ أَذْنِينَ قَالَ لَهُمُ الْنَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَعَلُوكُمْ فَاخْشُوْهُمْ فَزَادُهُمْ إِيمَنًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ ﴾

Maksudnya : «Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: "Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya". Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: "Cukuplah untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami)"»

[Ali 'Imran 3 : 173]

Dan Firman Allah ﷺ :

﴿ فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَاتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَى وَلِيُبَلِّي الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَاءً حَسَنًا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya : «Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang menyebabkan pembunuhan mereka. Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir), dan untuk mengurniakan orang-orang yang beriman dengan pengurniaan yang baik

(kemenangan) daripadaNya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui»

[al-Anfal 8 : 17]

Dan juga firman Allah ﷺ :

﴿فَآمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَزَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبِشُرُونَ﴾

Maksudnya : «Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira (dengan turunnya)»

[al-Taubah 9 : 124]

Justeru, sebagaimana iman itu boleh bertambah, maka ia juga boleh berkurang. Bagi menutup persoalan yang penting ini, kita perlu ambil perhatian terhadap tiga perkara:

1. Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah bahawa iman itu merupakan *al-tasdiq* (membenarkan) dan tidak bermakna mereka menafikan bahawa amalan sebahagian daripada iman. Isu yang sedang dibincangkan, adakah amalan itu merupakan satu juzuk daripada iman, di mana jika ia ditinggalkan, iman itu akan hilang

dan orang mukmin itu menjadi kafir; ataupun ia sekadar pelengkap kepada iman yang meninggikan darjat seseorang mukmin?

Maka, pandangan yang benar adalah seperti mana yang dijelaskan sebelum ini bahawa ia merupakan pelengkap kepada keimanan dan bukan sebahagian daripadanya, sebagaimana yang menjadi pegangan muktamad Ahli Sunnah Wal Jamaah.

2. Kita tidak menafikan bahawa amalan dan perbuatan itu termasuk dalam kewajipan agama, bahkan ia merupakan kefarduan daripada Allah ﷺ. Sesiapa yang meninggalkannya secara sengaja dan tidak bertaubat, dia dianggap berdosa dan diancam dengan azab pada hari kiamat. Namun perbuatan meninggalkan kewajipan itu tidak membawa kepada kekufuran kecuali bagi sesiapa yang mengingkari kewajipannya, sebaliknya seorang pendosa itu kekal sebagai mukmin di bawah kehendak Allah ﷺ dan terselamat daripada kekal dalam api neraka.

3. Mazhab Murji'ah pula berbeza dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada aliran Asya'irah dan Maturidiyyah serta yang senada dengan mereka. Secara ringkasnya, golongan Murji'ah percaya bahawa iman orang mukmin itu tidak terjejas akibat maksiat yang dilakukan, begitu juga janji balasan buruk yang disebut dalam al-Quran pula hanya untuk orang kafir sahaja

manakala keadaan golongan pendosa daripada kalangan mukmin di akhirat seperti golongan yang taat. Mereka digelar Murji'ah kerana mereka tidak mengambil kira perbuatan maksiat dalam mendefinisikan iman secara menyeluruh dan mendakwa bahawa dosa dan maksiat tidak memberi kesan kepada orang mukmin.

Dengan ini, kita telah selesai membicarakan mukadimah penting yang perlu dihadam sebelum memulakan perbahasan ketiga-tiga bab akidah: *Al-lahiyyat* (ketuhanan), *al-Nubuwwat* (kenabian) dan *al-Sam'iyyat* (perkara ghaib).

BAB

PERTAMA

KETUHANAN

Maksud *al-Ilahiyyat* (ketuhanan) dalam perbincangan ini ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan Allah ﷺ seperti isbat kewujudan-Nya, sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah ﷺ termasuk makna bagi tiap-tiap sifat serta perbuatan Allah ﷺ yang akan dijelaskan kemudian insya-Allah.

Imam al-Sanusi menyusun bab ini dengan cara yang tersendiri dan dipersetujui oleh para ulama. Beliau meringkaskan perbincangan berkenaan ketuhanan kepada tiga aspek:

Pertama: Isbat (menetapkan) sifat yang wajib bagi Allah ﷺ iaitu sifat kesempurnaan.

Kedua : Menafikan sifat yang mustahil bagi Allah ﷺ iaitu sifat kekurangan.

Ketiga : Mengetahui sifat yang harus bagi Allah ﷺ .

Sifat-Sifat Wajib Bagi Allah ﷺ

Secara umumnya, sifat-sifat Allah ﷺ ialah segala sifat kesempurnaan sama ada kita mengetahuinya atau tidak. Sifat-sifat kesempurnaan itu tidak terhad dan terbatas. Oleh itu, kita beriman dengan segala sifat ini secara umum dan Allah ﷺ tidak mentaklifkan kita untuk beriman secara terperinci kecuali apa yang dinyatakan oleh dalil akal dan naqli. Terdapat 13 sifat-sifat Allah ﷺ iaitu:

| | | |
|----|----------------------------|---|
| 1) | الْوُجُود | Wujud (Ada) |
| 2) | الْقِدَم | <i>Qidam</i> (Sedia) |
| 3) | الْبَقَاء | <i>Baqaa'</i> (Kekal) |
| 4) | الْوَحْدَانِيَّة | <i>Wahdaniah</i> (Esa) |
| 5) | الْقِيَامُ بِنَفْسِهِ | <i>Qiyamuhu bi nafsih</i> (Berdiri Allah dengan sendirinya) |
| 6) | مُخَالَفَةُ الْمَحْلُوقَات | <i>Mukhalafatuhu lil hawadis</i> (Menyalahi Allah bagi sekalian yang baharu) |

| | | |
|-----|-------------|-----------------------------------|
| 7) | الْعِلْمُ | Sifat Ilmu |
| 8) | الإِرَادَةُ | <i>Iradah</i> (Sifat berkehendak) |
| 9) | الْقُدْرَةُ | <i>Qudrah</i> (Sifat berkuasa) |
| 10) | الْحَيَاةُ | <i>Hayat</i> (Sifat hidup) |
| 11) | السَّمْعُ | <i>Sama'</i> (Sifat mendengar) |
| 12) | البَصَرُ | <i>Basor</i> (Sifat melihat) |
| 13) | الْكَلَامُ | <i>Kalam</i> (Sifat berkata-kata) |

Wajib beriktkad bahawa segala yang berlawanan dengan sifat-sifat ini adalah mustahil bagi Allah ﷺ , maka Allah ﷺ tidaklah:

| | | |
|----|--|-------------------------|
| 1) | عَدَمًا | Tiada |
| 2) | مُتَعَدِّدًا | Berbilang-bilang |
| 3) | فَانِيًّا | Binasa |
| 4) | خَلْوًقًا | Diciptakan |
| 5) | مُفْتَقِرًا إِلَى شَيْءٍ مِنَ الْحَوَادِثِ | Berhajat kepada makhluk |

| | | |
|-----|---|--------------------------|
| 6) | جَاهِلًا بِأَيِّ شَيْءٍ مِنَ الْأَشْيَاءِ | Tidak mengetahui sesuatu |
| 7) | عَاجِزًا | Lemah |
| 8) | مَحْدُودَ الْإِرَادَةِ | Kehendak yang terbatas |
| 9) | مَحْدُودَ الْقُدْرَةِ | Kuasa yang terbatas |
| 10) | أَصَمٌ | Pekak |
| 11) | أَعْمَى | Buta |
| 12) | أَبْكَمٌ | Bisu |

Adapun perbuatan-perbuatan Allah ﷺ, setiap mukmin meyakini bahawa setiap perbuatan itu datangnya daripada Allah ﷺ dengan kekuasaan dan kehendak-Nya. Harus bagi-Nya untuk melakukan perbuatan itu dan harus juga bagi-Nya untuk meninggalkan. Tiada satu pun daripada perkara itu yang wajib di sisi Allah ﷺ sama sekali. Sesungguhnya Allah ﷺ ialah pemilik yang mengawal alam semesta.

Kita beriman dengan segala yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah tentang segala sifat yang merujuk kepada makna sifat-

sifat yang dinyatakan sebelum ini, seperti keadaan-Nya yang mengasihani berkehendakkan kebaikan terhadap makhluk-Nya, keadaan-Nya yang kaya yang tidak memerlukan sesuatu dan keadaan-Nya yang meliputi segala sesuatu iaitu berkuasa ke atas segala-galanya, sebagaimana firman Allah ﷺ :

﴿سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ﴾

Maksudnya : «*Akuilah kesucian Tuhanmu, - Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan, - dari apa yang mereka katakan!*»

[al-Saffat 37 : 180]

Bahagian Sifat-Sifat Wajib Bagi Allah ﷺ

Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah membahagikan sifat-sifat ketuhanan yang wajib bagi Allah ﷺ kepada beberapa bahagian.

Kita wajib mengetahui bahawa sifat-sifat Allah ﷺ pada zat-Nya tidak terpisah dan tidak pula terbahagi, kerana kedua-dua sifat tersebut (berpisah dan terbahagi) adalah sebahagian daripada sifat manusia dan ia adalah mustahil bagi Allah ﷺ . Namun, pembahagian yang akan dinyatakan adalah bagi tujuan

pembelajaran dan kefahaman ilmu semata-mata, memudahkan hafalan, memahami dan juga mengingatinya.

Bahagian-bahagian itu adalah:

Bahagian Pertama - Sifat *Nafsiyyah*

Sifat *Nafsiyyah* ialah Wujud. Sifat ini dinamakan *Nafsiyyah* kerana sifat ini menceritakan tentang zat Allah ﷺ yang Wujud. Firman

Allah ﷺ :

﴿ وَيُحَدِّرُكُمْ أَلَّا تَنْفَسُوا ، ﴾

Maksudnya : «*Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali»*

[Ali 'Imran 3 : 28]

Maksud beriman dengan sifat ini ialah kita beriman bahawa Allah ﷺ itu wujud dan ia dibuktikan dengan dalil-dalil *qat'i*. Kewujudan alam ini termasuk langit, binatang, lautan dan gunung-ganang

adalah mustahil tanpa adanya Pencipta yang menjadi sebab kepada kewujudan alam ini. Jika dikatakan bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya ataupun terjadi secara tiba-tiba tanpa ada yang mengatur dan mentadbir kejadian ini, maka ia satu perkara yang tidak masuk akal.

Bahagian Kedua - Sifat *Salbiyyah*

Sifat ini dinamakan *Salbiyyah* (penafian) kerana ia menafikan kekurangan bagi Allah ﷺ. Sifat ini terbahagi kepada lima:

- 1) *Al-Qidam* (Sediakala) : Ertinya Allah ﷺ itu wujud tanpa ada permulaan. Dengan kata lain, menafikan *al-'adamu*(ketiadaan) sebelum kewujudan Allah ﷺ . Firman Allah ﷺ :

﴿هُوَ الْأَوَّلُ وَالآخِرُ﴾

Maksudnya : «*Dia lah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu»*

[al-Hadid 57 : 3]

2) *Al-Baq'a'* (Kekal) : Ertinya Allah ﷺ itu wujud tanpa ada pengakhiran. Dengan kata lain, menafikan kebinasaan atas kewujudan Allah ﷺ .

3) *Al-Qiyam bi al-Nafsi* (Berdiri sendiri) : Ertinya Allah ﷺ tidak memerlukan kepada yang lain dalam kalangan makhluk-Nya dan tidak berhajat kepada seorang pun daripada mereka. Dengan kata lain, Allah ﷺ tidak mengharapkan kepada sesuatu pun daripada alam ini. Dia bukan sifat dan bukan makhluk. Dia juga tidak memerlukan tempat, penolong maupun pembantu. Firman Allah

ﷻ :

﴿ يَأَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴾

Maksudnya : «Oleh kerana Allah menguasai segala-galanya, maka wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah Dia lah sahaja Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji»

[Fatir 35 : 15]

4) *Mukhalafat al-Hawadith* (Berbeza dengan makhluk) : Ertinya Allah ﷺ tidak menyerupai sesuatu pun daripada makhluk-makhluk yang baharu (dicipta), malah Allah ﷺ bertentangan dengan makhluk pada zat, sifat dan perbuatan. Sebagai contoh: Setiap yang baharu itu makhluk sedangkan Allah ﷺ bukanlah makhluk. Setiap yang baharu itu berupa jisim dan 'aradh¹ sedangkan Allah ﷺ bukanlah jisim dan 'aradh, Setiap yang baharu itu disusun dan mengambil ruang sedangkan Allah ﷺ tidaklah zat-Nya tersusun dan tidak pula mengambil ruang. Bahkan seorang hamba wajib beriktikad bahawa dia mempunyai Tuhan Pencipta Yang Maha Agung.

Firman Allah ﷺ :

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : «Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat»

[al-Syura 42 : 11]

¹ 'Aradh ialah sifat manakala jisim ialah yang memiliki sifat. Lihat *al-Mu'jam al-Falsafi*.

5) *Al-Wahdaniah* (Esa) : Ertinya Allah ﷺ tunggal pada zat, sifat dan juga perbuatan-Nya, tidak ada bandingan dan sekutu bagi-Nya dan tidak ada satu pun daripada makhluk-Nya yang bersifat seperti sifat Allah ﷺ .

Oleh itu, Allah ﷺ Maha Berkuasa yang bersendiri pada kekuasaan (*Qudrah*) dan Maha Berkehendak yang bersendiri pada kehendak (*Iradah*) . Setiap sifat bagi Allah tiada bandingannya. Allah ﷺ berfirman:

﴿ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ أَللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ۝ ﴾

Maksudnya : «Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa;(1) "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;(2) "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan;(3) "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya"(4)»

[al-Ikhlas 112 : 1-4]

Adapun perbuatan-perbuatan yang memberi kesan, mencipta dan mewujudkan hanyalah milik Allah semata-mata. Tiada sesiapa pun

yang berkongsi perbuatan, pentadbiran dan penciptaan bersama Allah ﷺ .

Allah ﷺ berfirman:

﴿اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ﴾

Maksudnya : «Allah Yang Menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Mentadbirkan serta menguasai segala-galanya»

[al-Zumar 39 : 62]

Bahagian Ketiga - Sifat *Al-Ma'ani*

Sifat- sifat Allah ﷺ yang bersifat azali, qadim¹ dan berdiri pada zat Allah yang tidak menyerupai dengan sifat-sifat makhluk-Nya dan tidak berubah dengan berubahnya zaman bahkan bersifat *Qadim* dengan *Qidam*-Nya zat Allah ﷺ . Sifat ini terbahagi kepada tujuh iaitu:

¹ Perbezaan antara azali dan qidam adalah bahawa azali itu berterusannya kewujudan pada masa lalu dan masa hadapan tanpa adanya mula dan akhir, manakala qidam pula adalah berterusannya kewujudan dari masa lalu tanpa adanya mula. Lafaz azali dan qadim (diatas) disebut bersama bagi menjelaskan lagi maknanya.

1) *Al-Hayah* (Hidup) : Ertinya Allah ﷺ bersifat dengan kehidupan yang kekal abadi, tidak disusuli dengan kematian maupun kebinasaan. Firman Allah ﷺ :

﴿وَتَوَكَّلْ عَلَىٰ الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ﴾

Maksudnya : «*Dan berserahlah engkau kepada Allah Tuhan Yang Hidup, yang tidak mati; serta bertasbihlah dengan memuji-Nya; dan cukuplah Ia mengetahui secara mendalam akan dosa-dosa hamba-Nya»*

[al-Furqan 20 : 58]

﴿الَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ﴾

Maksudnya : «*Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya).* »

[al-Baqarah 2 : 255]

Antara makna bagi sifat ini ialah Allah ﷺ bukan daripada objek-objek yang tidak bernyawa. Oleh itu, Allah ﷺ sahaja yang berhak

disembah dan bukan selain-Nya seperti yang didakwa oleh para penyembah batu, berhala dan bintang. Allah ﷺ berfirman :

﴿ هُوَ الْحَيُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الْدِينَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴾

Maksudnya : «*Dia lah Yang Tetap Hidup; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; maka sembahlah kamu akan Dia dengan mengikhlaskan amal agama kamu kepada-Nya semata-mata. Segala puji tertentu bagi Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam»*

[al-Ghafir 40 : 65]

2) *Al-'Ilmu* (Berilmu) : Ertinya Allah ﷺ mengetahui semua perkara yang telah berlaku, yang sedang berlaku dan yang akan berlaku. Maka setiap perkara yang wujud diketahui oleh Allah ﷺ dan tidak ada sesuatu pun yang Allah ﷺ tidak mengetahui dengan ilmu- Nyanya; kerana sekiranya ada sesuatu yang wujud diluar pengetahuan Allah, maka sabitlah kejahilan bagi Allah. Maha suci Allah dari bersifat jahil. Firman Allah ﷺ :

﴿ إِنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَسِعَ كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا ﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya Tuhan kamu hanya Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang meliputi pengetahuannya akan tiap-tiap sesuatu»*

[Taha 20 : 98]

Jahil ialah sifat bagi makhluk yang pengetahuannya tidak meliputi semua perkara. Firman Allah ﷺ :

﴿عَلِمَ الْغَيْبُ وَالشَّهَدَةُ فَتَعَلَّمَ عَمَّا يُشَرِّكُونَ﴾

Maksudnya : «(Allah) Yang mengetahui segala yang tersembunyi dan yang nyata; maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah keadaan-Nya dari segala yang mereka sekutukan»

[al-Mukminun 23 : 92]

Allah ﷺ juga berfirman:

﴿وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِينَا السَّاعَةُ قُلْ بَلَى وَرَبِّنَا لَتَأْتِينَنَا عَلِيمُ الْغَيْبِ لَا يَعْزِبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ﴾

Maksudnya : «*Dan orang-orang yang kafir berkata: "Hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami". Katakanlah (wahai Muhammad): "Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanmu yang mengetahui segala perkara yang ghaib, hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu". Tiada tersembunyi dari pengetahuan-Nya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata»*

[Saba' 34 : 3]

Oleh itu, seorang hamba hendaklah memastikan setiap perbuatan dan tingkah lakunya bertepatan dengan syarak kerana Allah ﷺ Maha Mengetahui segala yang demikian itu.

3) *Al-Iradah* (Berkehendak): Ertinya Allah ﷺ melaksanakan kehendak-Nya dan menetapkan sebagaimana yang Dia mahu, tiada yang boleh membantah ketentuan dan keputusan-Nya. Semua yang terjadi atas kehendak dan pilihan-Nya, maka tidaklah ia berlaku melainkan bertepatan dengan apa yang ditentukan Allah ﷺ dari segi kadar, sifat, *kaifiyat* dan keadaan. Apa yang tidak dikehendaki Allah ﷺ , maka tidak akan sekali-kali berlaku.

Firman Allah ﷺ :

﴿فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ﴾

Maksudnya : «*Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya*»

[al-Buruj 85 : 16]

Firman Allah ﷺ :

﴿وَلَكِنَّ اللَّهَ يَفْعُلُ مَا يُرِيدُ﴾

Maksudnya : «*Tetapi Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya*»

[al-Baqarah 2 : 253]

Firman Allah ﷺ :

﴿وَلَا تَقُولَنَّ لِشَائِعٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾ إِلَّا أَن يَشَاءُ اللَّهُ وَإِذْ كُرِّرَ رَبَّكَ إِذَا نَسِيَتْ وَقُلْ عَسَىٰ
أَن يَهْدِيَنَّ رَبِّي لِأَقْرَبٍ مِّنْ هَذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾﴾

Maksudnya : «*Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti"(23) Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "Insya Allah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa; dan katakanlah: "Mudah-*

mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan petunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini"(24)»

[al-Kahfi 18 : 23- 24]

4) *Al-Qudrah* (Berkuasa) : Ertinya bahawa semua makhluk diciptakan oleh Allah ﷺ , Dialah yang menciptakannya dan menjadikannya daripada tiada kepada ada. Dan tidak seorang pun yang mempunyai kuasa atau memberi kesan untuk menghidupkan dan menciptakan sesuatu. Perkara ini berdasarkan firman Allah

ﷺ :

﴿إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu*»

[al-Baqarah 2 : 20]

Firman Allah ﷺ :

﴿أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَدِيرٍ عَلَىٰ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَىٰ وَهُوَ الْحَكَمُ الْعَلِيمُ﴾

Maksudnya : «*Tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) - berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Ia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dia lah Pencipta yang tidak ada bandingan-Nya, lagi Yang Maha Mengetahui»*

[Yasin 36 : 81]

Firman Allah ﷺ :

﴿وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا﴾

Maksudnya : «*Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu»*

[al-Kahfi 18 : 45]

Antara makna sifat ini ialah semua makhluk sama ada malaikat, manusia ataupun jin tidak mampu melakukan sesuatu pun dan perbuatan mereka tidak memberi apa-apa kesan. Mereka tidak mencipta, tidak memberi rezeki, tidak menghidupkan dan tidak pula mematikan. Oleh yang demikian, Allah ﷺ berfirman:

﴿ أَفَرَءَيْتُم مَا تُمْنُونَ ﴾ ٥٨ ﴿ إِنْتُمْ تَحْلُقُونَهُ وَأَمْ نَحْنُ الْخَلِقُونَ ﴾ ٥٩ ﴿

Maksudnya : «(Mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu memikirkan keadaan air mani yang kamu pancarkan (ke dalam rahim)?(58) Adakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?(59)»

[al-Waqiah 58-59]

﴿ أَفَرَءَيْتُم الظَّارِقِيْنَ نُورُونَ ﴾ ٧٦ ﴿ إِنْتُمْ أَذْسَأْتُم شَجَرَتَهَا أَمْ نَحْنُ الْمُنْشِئُونَ ﴾ ٧٧ ﴿

Maksudnya : «Akhirnya, tidakkah kamu melihat api yang kamu nyalakan (dengan cara digesek)?(71) Kamukah yang menumbuhkan pokok kayunya, atau Kami yang menumbuhkannya?(72)»

[al-Waqiah 56 : 71-72]

Firman-Nya juga:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ هَلْ مِنْ خَلِيقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَإِنَّ تُؤْفَكُونَ ﴾ ٣

Maksudnya : «Wahai umat manusia, kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu; tidak ada sama sekali

yang menciptakan sesuatu selain daripada Allah; Ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)?(3)»

[Fatir 35 : 3]

5) *Al-Kalam* (Berkata-kata) : Ertinya bahawa Allah ﷺ bersifat dengan sifat yang menunjukkan apa yang ada dalam pengetahuan Allah ﷺ . Kalam Allah ﷺ bukanlah seperti kata-kata sekalian makhluk. Ia adalah kalam Qadim yang tidak berhuruf mahupun bersuara. Firman Allah ﷺ :

﴿ وَكَلَمُ اللَّهِ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا ﴾

Maksudnya : «*Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan)*»

[al-Nisa' 4 : 164]

6) *Al-Sama'* (Mendengar) : Ertinya bahawa Allah ﷺ bersifat dengan sifat pedengar. Pendengaran Allah adalah sifat yang *Qadim* tidak menyerupai dengan pendengaran sekalian makhluk. Pendengaran Allah ﷺ tidak memerlukan kepada saluran pendengaran dan telinga, sebaliknya ini adalah alat untuk

pendengaran sekalian makhluk. Adapun Allah ﷺ yang Maha Mencipta tidak memerlukan sebarang alat (pendengaran), anggota dan peralatan.

7) *Al-Basar* (Melihat) : Ertinya bahwa Allah ﷺ bersifat dengan sifat yang membolehkan untuk melihat. Penglihatan Allah ﷺ bersifat *Qadim*, tidak menyerupai penglihatan sekalian makhluk. Firman Allah ﷺ :

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : «*Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat»*

[al-Syura 42 : 11]

Sifat Allah ﷺ yang Maha Melihat tidak memerlukan kepada anak mata dan kelopak mata, bahkan Allah ﷺ mampu melihat sesuatu tipu muslihat mata dan apa yang tersembunyi di dalam dada.

Sifat-sifat Allah ﷺ adalah makna-makna dan perkara-perkara yang disabitkan kepada Allah ﷺ. Misalnya, kita menyatakan bahawa Allah ﷺ bersifat dengan *al-Qudrah* (Pekuasa), bermaksud kita menyabitkan makna kekuasaan bagi Allah ﷺ, iaitu Dia dapat melakukan apa yang dikehendaki-Nya dan kita menafikan daripada-Nya sifat lemah iaitu Dia tidak mampu melakukan apa yang Dia kehendaki. Begitulah penjelasannya bagi setiap sifat daripada sifat-sifat ketuhanan yang tertinggi.

Nama-nama Allah Yang Maha Indah (*Al-Asma' Al-Husna*) dan Sifat-Sifat-Nya Yang Maha Tinggi Yang Tidak Terbatas dan Tiada Pengakhiran

Telah diketahui umum bahawa nama-nama dan sifat-sifat Allah ﷺ adalah indah, mulia dan sempurna. Nama-nama-Nya ialah nama-nama yang terindah dan sifat-sifat-Nya ialah sifat-sifat yang tertinggi. Sebahagian daripadanya disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah dan sebahagian daripadanya tidak disebut kerana segala nama, sifat serta kesempurnaan Allah ﷺ tidak terhingga.

Hukum Menyebut Nama dan Sifat Allah ﷺ Secara Mutlak (Umum Tanpa Pengecualian) ¹

Ulama akidah dan fiqh telah meneliti keharusan menamakan Allah ﷺ dengan nama-nama-Nya dan menggambarkannya-Nya dengan sifat-sifat-Nya, mereka berpendapat bahawa nama-nama dan sifat-sifat Allah ﷺ adalah berbentuk “*tauqifiyyah*” yang bermaksud bahawa kita menyerahkan dan mensabitkan nama serta sifat kepada Allah ﷺ dengan ketentuan syarak melalui ayat-ayat al-Quran yang suci atau hadis-hadis nabi yang mulia. Adapun menamakan Allah ﷺ dengan sesuatu yang tidak disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah, tidak dibolehkan menurut syarak. Adapun menyifatkan Allah ﷺ dengan sifat tertentu yang tidak disebutkan dalam al-Quran atau al-Sunnah, para ulama mempunyai huraian yang terperinci mengenainya. Sebaiknya seseorang tidak menyebutkan sifat-sifat Allah ﷺ melainkan dengan sesuatu yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

¹ Perbezaan antara isim dan sifat jelas adalah bahawa isim diketahui ke atas zat apabila diitlakkan kepada zat seperti Allah ﷺ. Adapun sifat merupakan makna yang berdiri ke atas zat seperti sifat Qudrah, Ilmu dan Iradah Allah ﷺ. Sifat-sifat yang sabit juga turut dikanakkan sifat yang sabit kepada Allah ﷺ sifat-sifat yang berdiri-Nya dengan Isim. Maka dikatakan Allah itu maha Berkuasa, Maha Berkehendak, Maha Berilmu maka Allah ﷺ Mengetahui Berkuasa dan Berkehendak.

Justeru, tidak boleh memanggil Allah ﷺ dengan istilah seperti arkitek dunia, pereka atau pembina kerana tidak disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Allah ﷺ tidak mengizinkannya kerana ia mungkin boleh membawa kepada makna yang salah.

Al-Tanzih (Menyucikan) Merupakan Pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Memahami Nas-Nas Mutasyabihah

Terdapat nas-nas al-Quran dan al-Sunnah secara zahirnya yang menunjukkan bahawa Allah ﷺ menyerupai ciptaan-Nya. Nas-nas ini dinamakan sebagai “*Mutasyabihat*” kerana sekilas pandang ia mengelirukan seorang mukmin. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat “*Muhkamat*” yang tiada keraguan padanya. Firman Allah ﷺ :

﴿ هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ ءَايَاتٌ مُّحَكَّمٌتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ مُتَشَبِّهَاتٍ ﴾

Maksudnya : «*Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya)*»

[Ali Imran 3:7]

Pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah mengenai ayat dan hadis Mutasyabihat ialah dengan menyucikan Allah ﷺ daripada sesuatu yang tidak layak bagi-Nya. Oleh itu, wajib menafikan perumpamaan bagi-Nya dan meyakini bahawa Dia tidak menyerupai sesuatu pun daripada ciptaan-Nya. Firman Allah ﷺ :

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : «*Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat»*

[al-Syura 42 : 11]

Tafwidh dan Takwil Adalah Dua Jalan Yang Diterima Oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah

Wajib ke atas mukalaf menurut syarak menyucikan Allah ﷺ daripada sebarang makna yang batil terkadang disalah fahami daripada nas-nas “*Mutasyabihat*”. Penyucian ini adalah suatu kewajipan yang tiada perselisihan di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Namun begitu, mereka berbeza pendapat secara harmoni mengenai cara berinteraksi dengan nas-nas *Mutasyabihat* dari sudut mendalami tafsiran, menentukan maksud dan menerangkan makna nas tersebut. Sebahagian daripada mereka menahan diri daripada berbuat demikian lalu memilih kaedah *Tafwidh*. Manakala sebahagian mereka yang lain pula menentukan maksud nas *Mutasyabihat* dengan sesuatu yang telah dijelaskan oleh syarak daripada nas yang *Muhkamat*, lalu mereka memilih kaedah *Takwil*.

Kesimpulannya, kedua-dua kaedah ini diterima, maka tidak boleh dibantah pendapat seseorang yang memilih salah satu daripada dua kaedah tersebut. Kedua-dua kaedah ini bersepakat dalam menyucikan Allah ﷺ seperti yang dijelaskan.

Pengertian *Tafwidh* dan *Takwil* secara terperinci adalah seperti berikut:

Tafwidh adalah keyakinan yang pasti bahawa kesamaan atau keserupaan yang zahir daripada nas itu bukan dimaksudkan bagi Allah ﷺ. Sesungguhnya makna yang dikehendaki secara tepat itu diserahkan kepada Allah ﷺ, iaitu tidak diketahui hakikat maknanya serta meyakini bahawa ia mempunyai makna tersendiri, tetapi makna itu diserahkan kepada Allah ﷺ dan kita tidak menetapkannya dengan sesuatu. Maka golongan *Tafwidh* berpendapat dalam isu lafaz *yadullah* (tangan Allah ﷺ) sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah ﷺ dalam surah al-Fath ayat ke-10:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهَ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا﴾

Maksudnya : «Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalaunya). Oleh itu,

sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar»

(al-Fath 48 : 10)

Berdasarkan ayat di atas, *yadullah* (tangan Allah ﷺ) bukan bermaksud anggota tangan, justeru diserahkan makna yang sebenar kepada Allah ﷺ . Maka dikatakan “Allah ﷺ lebih mengetahui maknanya yang sebenar.” Ini adalah manhaj sebahagian ulama dan ahli tafsir dalam kalangan salaf dan *khalfat*.

Takwil adalah keyakinan yang pasti bahawa kesamaan atau keserupaan yang zahir daripada nas itu bukan dimaksudkan bagi Allah ﷺ serta ditentukan makna yang dikehendaki seperti menyatakan makna “tangan” bukanlah bermaksud anggota, tetapi ia bermaksud berkuasa dan menguasai.

Perlu diketahui bahawa Takwil yang diterima mempunyai dua syarat:

- i. Lafaz itu tidak boleh difahami menurut makna bahasa seperti yang telah kami nyatakan mengenai mustahilnya Allah ﷺ bersifat dengan sifat makhluk.
- ii. Makna yang akan ditakwilkan daripada lafaz itu adalah makna yang hampir tepat menurut bahasa, sesuai dengan konteks ayat serta selari dengan dalil-dalil syarak.

Maksud Istilah *Isbat* Yang Terdapat Pada Sebahagian Buku-Akidah

Istilah *isbat* yang terdapat dalam beberapa kitab syariah sekiranya bertujuan untuk menetapkan nas, maka ia tidak bercanggah dengan kaedah *tafwidh* atau takwil kerana nas itu ditetapkan berdasarkan dua kaedah tersebut. Manakala sekiranya ia bertujuan untuk menetapkan makna, maka ia juga tidak bercanggah dengan kaedah *tafwidh* dan takwil. Seseorang yang mentafwidh atau mentakwil, kedua-duanya bertujuan untuk menetapkan makna. Namun, hanya orang yang mentafwidh tidak mengetahui dan tidak membahaskannya. Sementara orang yang mentakwil pula, mengetahui dan menerangkan serta menjelaskan pendapat mengenainya dari sudut bahasa, susunan ayat, petunjuk dan dalil-dalil syarak.

Wajib untuk diambil perhatian terhadap sesetengah golongan yang menyamakan Allah ﷺ (*Musyabbihah*) dengan menggunakan istilah “isbat” dan berniat untuk menyamakan Allah ﷺ dengan ciptaan-Nya. Mereka berkata dalam isu lafaz “tangan” iaitu “Kami menetapkan sebagaimana yang dinyatakan (dalam nas).” Terkadang dia sendiri menggambarkan makna tangan itu adalah jisim, bentuk, organ atau anggota badan. Maha Suci Allah ﷺ daripada dakwaan mereka.

Pada hakikatnya, lafaz-lafaz *mutasyabihat* ini datang dalam konteks tertentu sama ada ia adalah teks al-Quran atau hadis Nabi ﷺ. Jika seseorang Muslim memerhatikan nas-nas tersebut berdasarkan konteks, makna dan apa yang dikehendakinya, maka tidak akan terlintas di fikirannya makna keserupaan atau berjisim. Oleh itu, maksud firman Allah ﷺ dalam surah al-Thur:

﴿ وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۚ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ﴾

Maksudnya : «*Dan (dengan yang demikian) bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), kerana sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam*

pemuliharaan serta pengawasan Kami; dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun»

[al-Thur 52 : 48]

Ia bermaksud Allah ﷺ menjaga Nabi ﷺ yang mulia dengan menetapkan hati kerana kesusahan yang ditanggungnya daripada cercaan, penentangan dan kedegilan orang-orang kafir. Jika difahami konteks ayat pada firman Allah ﷺ (فِإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا) “Kerana sesungguhnya engkau dengan mata-mata kami”, maka tidak terlintas di fikiran seseorang bahawa ayat yang mulia ini mensabitkan anggota “mata” bagi Allah ﷺ . Sesungguhnya “mata” yang dimaksudkan adalah Nabi ﷺ diperhati dan dilihat oleh Allah ﷺ , bahkan seseorang muslim yang mempunyai akal dan pemikiran yang sejahtera akan mencela makna ini dan menjauhinya. Sebagaimana yang diriwayatkan daripada beberapa imam terdahulu:

((أَمْرُوهَا كَمَا جَاءَتْ))

Maksudnya : “Terimalah ia sebagaimana ia datang.”

Ini adalah kata-kata yang benar dan tiada pertikaian padanya, ia bermaksud hendaklah ditinggalkan tafsiran secara mendalam terhadap maksud nas-nas mutasyabihat ini. Ia adalah pegangan mazhab *tafwidh* seperti yang telah diterangkan, tetapi ia disertai dengan penyucian yang sempurna dan menafikan keserupaan sebagaimana yang telah dijelaskan.

Tuhan ialah Pencipta Perbuatan Manusia

Beriman kepada Allah ﷺ dan mengesakan-Nya menuntut kita yakin bahawa Allah ﷺ adalah pencipta segala sesuatu di alam semesta ini. Allah ﷺ berfirman:

﴿أَنَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ﴾

Maksud : «*Allah Yang Menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Mentadbirkan serta menguasai segala-galanya*»

[al-Zumar 39 : 62]

Maka Allah ﷺ adalah pencipta tumbuh-tumbuhan, tanah daratan dan manusia. Begitu juga Tuhan menjadikan perbuatan, gerak geri

dan tingkah laku manusia itu sama ada yang baik atau buruk. Allah ﷺ berfirman:

﴿ وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya : «"Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!"»

[al-Saffat 37 : 96]

Sekiranya ada yang bertanya: Jika Allah adalah pencipta perbuatan hamba, maka mengapakah hamba itu akan dihisab pada hari kiamat? Jawapannya ialah seorang hamba mempunyai pilihan terhadap perbuatan yang dilakukan.

Perbuatan Hamba Dihisab Berdasarkan Pilihannya

Setiap hamba dinilai berdasarkan setiap tindakan yang telah dipilih. Setiap tindakan yang dilakukan dengan pilihan dan niatnya akan dihisab dan dipertanggungjawabkan ke atasnya. Hal ini kerana taklif itu berlaku pada perbuatan yang dipilih sendiri oleh mukalaf. Maka pilihan adalah sebab utama bagi mendapatkan pahala atau dosa. Jika seorang mukalaf memilih untuk melakukan amal soleh, maka dicatat ganjaran pahala baginya dan sekiranya

dia memilih untuk melakukan perkara haram, maka dicatatkan dosa baginya.

Begitu juga jika dia memilih untuk meninggalkan kewajipan, maka dia akan dihukum. Firman Allah ﷺ :

﴿ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ﴾

Maksudnya : «Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah»

[al-Baqarah 2 : 286]

Definisi *Qadha* dan *Qadar* Serta Hukum Beralasan Bahawa Segala Perkara Telah Ditentukan dan Ditakdirkan

Qadha bermaksud apa-apa yang dikehendaki oleh Allah ﷺ sejak azali dan kekal dalam pengetahuan-Nya. *Qadha* adalah sesuatu yang pasti seperti mana firman Allah ﷺ :

﴿ قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَىٰ هِينٍ وَلَا يَجْعَلُهُ ءَايَةً لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِنَّا وَكَانَ أَمْرًا مَقْضِيًّا ﴾

Maksudnya : «Ia menjawab: "Demikianlah keadaannya tak usahlah dihairankan; Tuhanmu berfirman: Hal itu mudah bagiKu; dan Kami hendak menjadikan pemberian anak itu sebagai satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami) untuk umat manusia dan sebagai satu rahmat dari Kami; dan hal itu adalah satu perkara yang telah ditetapkan berlakunya»

(Maryam 19 : 21)

Qadar bermaksud Allah ﷺ mengadakan segala sesuatu dengan sebenarnya menurut kehendak dan pengetahuan-Nya. Firman Allah ﷺ :

﴿ إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ ﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)*»

[al-Qamar 54 : 49]

Oleh itu, takdir ialah menjadikan sesuatu mengikut kadar tertentu. Sebagai contoh: Jurutera merekabentuk rumah itu, dia menjadikan rumah itu terbina mengikut seni bina tertentu.

Seseorang tidak boleh berlepas diri dari *qadha* dan *qadar* dan meninggalkan kewajipan yang dituntut daripadanya. Ini kerana alasan sedemikian itu adalah maksiat dan kesalahan tambahan yang akan dihisab ke atasnya. Allah ﷺ berfirman:

﴿ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنَّ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ﴾

Maksudnya : «*Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah"*»

[al-Baqarah 2 : 286]

Masalah ini berkaitan dengan apa yang dibincangkan terdahulu. Seseorang akan bertanggungjawab atas tindakan yang dipilih oleh dirinya sendiri seperti jika dia menunaikan solat, dia akan mendapat pahala. Manakala jika dia tidak solat, dia akan diazab kerana itu. Oleh itu, jika dia beralasan bahawa semua urusan telah ditetapkan dan tidak dapat dielakkan, maka itu adalah salah. Setiap orang yang berakal tahu bahawa dia menentukan tindakannya sendiri dan akan dihisab pada hari kiamat.

Orang yang beriman wajib reda dengan *qadha* dan qadar Allah ﷺ .

Ini bermaksud dia tidak boleh membantah ketentuan Allah ﷺ dalam kejadian dan penciptaan-Nya. Tidak boleh seseorang itu berdukacita atau menunjukkan rasa tidak senang dengan perkara buruk yang berlaku terhadapnya atau musibah yang telah ditakdirkan ke atasnya. Jadi sebagaimana dia gembira dengan pemberian nikmat, maka dia juga mesti reda dengan nikmat yang terhalang. Segala-galanya mempunyai hikmah disisi Allah ﷺ .

Ini tidak bermakna orang beriman itu reda dengan kekufuran, maksiat, dosa kecil serta dosa besar. Dia harus berusaha untuk memperbaiki dirinya, menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkar mengikut keupayaan dan kemampuannya.

Justeru, terdapat ungkapan yang masyhur daripada para ulama yang menyatakan: “*Kami reda dengan qadha iaitu kami tidak membantahnya, dan kami tidak reda dengan qadha jikalau ia berbentuk maksiat iaitu kami benci ia berlaku. Kami mencegah daripada melakukannya dan berusaha untuk mengubahnya*” Allah ﷺ berfirman:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كُفَّرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنْكُمْ وَلَا يَرْضَى لِعِبَادِهِ الْكُفُورُ وَإِنَّ شَكُورِيَاً يَرْضَهُ لَكُمْ﴾

Maksudnya : «*Kalaularah kamu kufur ingkar (tidak bersyukur) akan nikmat-nikmat-Nya itu, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah tidak berhajatkan (iman dan kesyukuran) kamu (untuk kesempurnaan-Nya); dan Ia tidak redakan hamba-hamba-Nya berkeadaan kufur; dan jika kamu bersyukur, Ia meredainya menjadi sifat dan amalan kamu. Dan (ingatlah) seseorang yang memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja). Kemudian kepada Tuhan kamulah tempat kembalinya kamu, maka Ia akan memberitahu kepada kamu tentang apa yang kamu telah kerjakan. Sesungguhnya Ia Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada»*

[al-Zumar 39 : 7]

Ganjaran Pahala Bagi Orang Yang Taat dan Balasan Seksaan Bagi Orang Yang Bermaksiat

Allah ﷺ telah menjanjikan keampunan dan ganjaran yang besar bagi orang-orang yang beriman sebagai kelebihan dan rahmat daripada-Nya . Allah ﷺ juga memperingatkan orang-orang kafir dan orang-orang yang berdosa akan mendapat hukuman dan azab sebagai suatu keadilan daripada-Nya. Terdapat ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan perkara ini, seperti firman Allah ﷺ :

﴿فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأُعْذِبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُم مِّنْ نَصِيرٍ﴾ ٥٦
 ﴿وَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفَّىٰهُمْ أُجُورُهُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ﴾ ٥٧

Maksudnya : «*Adapun orang-orang kafir, maka Aku (Allah) akan menyeksa mereka dengan azab yang amat berat di dunia dan di akhirat, dan mereka pula tidak akan beroleh sesiapa pun yang dapat menolong(56) Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka; dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim(57)»*

[Ali Imran 3 : 56-57]

Firman Allah ﷺ :

﴿ وَمَن يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلُهُ نَارًا خَلِيلًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴾

Maksudnya : «Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, dan melampaui batas-batas Syariat-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekalah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina»

[al-Nisa' 4 :14]

Perkara ini jelas melalui al-Quran dan al-Sunnah. Bahkan umat Islam bersepakat dalam perkara ini tanpa khilaf. Oleh itu, berdasarkan kenyataan nas, orang yang beriman akan mendapat pahala atas ketaatan dan keimannya, sementara orang yang derhaka akan mendapat hukuman atas kemaksiatannya. Sesiapa yang bertaubat dan menyesal, Allah ﷺ akan mengampuninya.

Seperti yang sedia maklum menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah bahawa Allah ﷺ bersifat dengan kehendak. Sifat berkehendak Allah ﷺ itu sempurna dan menyeluruh, tidak dibatasi oleh sesuatu, tidak terikat dan tidak terpaksa untuk melaksanakan sesuatu.

Maka berdasarkan ini, kami katakan dalam hukum memberi pahala kepada orang yang taat dan membala orang yang derhaka adalah tidak wajib atas Allah ﷺ sedikit pun. Bagaimana sesuatu itu wajib di atas-Nya sedangkan Dialah tuhan yang sebenar, yang patut disembah, yang tidak terlaksana kekuasaan apa pun dalam kerajaan milik-Nya melainkan apa yang dikehendaki-Nya?!

Berdasarkan satu hadis, Rasulullah ﷺ bersabda:

((سَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا فِإِنَّهُ لَا يُدْخِلُ أَحَدًا جَنَّةَ عَمَلِهِ .) قَالُوا: وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ:

"وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَعَمَّدَنِي اللَّهُ بِمَغْفِرَةٍ وَرَحْمَةٍ))"

Maksudnya : "Hendaklah kamu memperbaiki amalan, mendekatkan diri kepada Allah dan berbahagialah. Sesungguhnya tiada amalan yang dapat memasukkan seseorang ke dalam syurga. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah termasuk dirimu wahai Rasulullah? Ya, aku pun tidak terkecuali, hanya Allah ﷺ sahaja yang menganugerahkan aku keampunan dan rahmat-Nya."

[Riwayat al-Bukhari]

Ini menunjukkan bahawa ganjaran bagi orang yang beriman dan orang yang taat bukanlah sesuatu yang mesti direalisasikan oleh Allah tetapi merupakan rahmat dan belas kasihan Allah ﷺ.

Bahkan kita mengatakan: Setiap perbuatan Allah ﷺ berlaku dan terjadi di alam ini dengan kehendak, pengetahuan, kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya. Setiap perbuatan yang disandarkan kepada Allah ﷺ adalah baik dan indah. Jika Allah ﷺ menghendaki, Dia melakukannya dan jika Dia menghendaki, Dia tidak melakukannya. Tiada suatu pun yang boleh memaksa Allah ﷺ. Nabi ﷺ berpesan kepada sebahagian anak perempuan baginda:

((قُلِّيْ حِينَ تُصِبِّحِينَ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يِشَأْ لَمْ يِكُنْ، فَإِنَّهُ مَنْ قَالَهُنَّ حِينَ يُصِبِّحُ حُفْظٌ حَتَّىٰ يُصِبِّحَ.))

Maksudnya : “Ucapkanlah ketika kamu di pagi hari (Maha Suci Allah dan segala puji bagi-Nya, tiada daya upaya melainkan dengan Allah, apa yang Dia kehendaki akan berlalu dan apa yang Dia tidak kehendaki, tidak akan berlaku). Sesiapa yang mengucapkannya pada waktu pagi akan dipelihara sehingga petang dan sesiapa yang

mengucapkannya pada waktu petang, maka dia akan dipelihara sehingga pagi."

[Riwayat Abu Daud]

Allah ﷺ berfirman:

﴿لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ﴾

Maksudnya : «Ia tidak boleh ditanya tentang apa yang ia lakukan, sedang mereka lah yang akan ditanya kelak»

[al-Anbiyaa' 21 : 23]

Ganjaran Allah ﷺ kepada hamba-hamba-Nya atas ketaatan mereka adalah rahmat dan ihsan daripada-Nya bukan satu kewajipan dan hak yang ditentukan oleh hamba. Malah semua ketaatan hamba pada hakikatnya tidak menyerupai apa-apa, kerana hamba itu hanya berhak mendapat limpahan rahmat dan belas kasihan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «لَنْ يُدْخِلَ أَحَدًا عَمَلَهُ الْجَنَّةَ»، قَالُوا: وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ: «لَا، وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَغَمَّدَنِي اللَّهُ بِفَضْلِ وَرَحْمَةٍ، فَسَدَّدُوا وَقَارِبُوا، وَلَا يَتَمَّمَنِ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ: إِمَّا مُحْسِنًا فَلَعْلَهُ أَنْ يَزْدَادَ خَيْرًا، وَإِمَّا مُسِيئًا فَلَعْلَهُ أَنْ يَسْتَعْتِبَ.))⁽¹⁾

Maksudnya : “Tiada seorang pun akan masuk syurga dengan amalannya. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah termasuk dirimu wahai Rasulullah? Ya, aku pun tidak terkecuali, hanya Allah ﷺ sahaja yang menganugerahkan aku keampunan dan rahmat-rahmat-Nya. Hendaklah kamu memperbaiki amalan dan mendekatkan diri kepada Allah ﷺ . Dan jangan sesekali ada di antara kamu mengharapkan kematian. Jika dia seorang yang beramal dengan kebaikan, maka akan bertambah kebaikannya atau dia seorang yang melakukan kejahatan barangkali dia akan berubah.”

[Riwayat al-Bukhari]

Adapun balasan azab-Nya bagi orang-orang yang derhaka adalah merupakan keadilan dari-Nya disebabkan kekufuran yang telah

¹ يَسْتَعْتِب : Meminta kepada Allah keampunan iaitu redha dan keuzuran.

dilakukan oleh tangan mereka sendiri dan perbuatan-perbuatan mungkar yang diharamkan oleh Allah ﷺ. Allah ﷺ boleh mengampuni orang-orang mukmin yang derhaka sekalipun mereka melakukan dosa besar dan tidak bertaubat kerana itu adalah atas kehendak-Nya. Jika dia berkehendak, Dia akan mengampuni mereka dan jika Dia berkehendak, Dia berhak untuk menyeksa mereka. Ini kerana Allah ﷺ berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَعْفُرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَى إِثْمًا عَظِيمًا﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik memperseketukan-Nya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan Syariat-Nya). Dan sesiapa yang memperseketukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar»*

[al-Nisa' 4 : 48]

Definisi *al-Sai'd* (Orang Yang Bahagia) dan *al-Shaqiyy* (Orang Yang Sengsara)

Al-Sai'd ialah orang yang hidup dan mati dalam keadaan beriman. Dia ialah orang yang masuk syurga kurniaan Allah ﷺ. Orang yang beriman itu disebut sebagai orang yang bahagia kerana kebahagiaan yang hakiki apabila Allah ﷺ memberi taufik kepada hamba-Nya supaya beriman dengan-Nya. Beriman kepada Allah ﷺ juga adalah asas bagi setiap kebaikan yang terhasil untuk setiap hamba, bahkan setiap musibah yang menimpa hamba itu akan menjadi ringan dengan sebab dia beriman kepada Allah ﷺ dan akan hilang bebannya itu apabila urusannya dikembalikan kepada Allah ﷺ.

Al-Shaqiyy ialah orang kafir yang mati dalam keadaan kekufuran walaupun seruan dakwah dan hujah agama telah ditegakkan ke atasnya. Golongan ini ialah orang yang akan kekal dalam neraka. Orang kafir digelar sebagai orang yang sengsara, kerana hakikat kesengsaraan adalah jahil tentang Allah ﷺ sehingga tidak tahu bahawa dia mempunyai Tuhan agama dan rasul yang diutuskan kepada mereka. Maka segala nikmat yang zahir menjadi sia-sia dan

tidak bernilai kerana orang kafir hidup dalam keadaan kekosongan jiwa, yang tidak pernah dialami oleh orang mukmin.

Sebahagian ahli makrifat telah meriwayatkan:

((مَنْ وَجَدَ اللَّهَ مَا فَقَدَ شَيْئًا ، وَمَنْ فَقَدَ اللَّهَ مَا وَجَدَ شَيْئًا))

Maksudnya : “*Sesiapa yang menemukan Allah ﷺ , dia tidak akan kehilangan apa-apa dan sesiapa kehilangan Allah ﷺ , dia tidak akan menemukan apa-apa.*”

Hal yang demikian tidak lain kerana mengenal Allah ﷺ adalah asas segala sesuatu. Kita memohon kepada Allah ﷺ supaya kita mati dalam keadaan beriman, menjadi orang yang bahagia dan bukan orang yang sengsara.

Al-Quran telah mengesahkan makna-makna yang penting ini dalam beberapa ayat. Allah ﷺ berfirman:

﴿ يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ فَمِنْهُمْ شَقِيقٌ وَسَعِيدٌ ١٥٥ ﴾ فَأَمَّا الَّذِينَ شَقُوا فَفِي النَّارِ لَهُمْ فِيهَا رَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ١٥٦ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ إِنَّ رَبَّكَ فَعَالٌ لِمَا يُرِيدُ ١٥٧ وَأَمَّا الَّذِينَ سُعِدُوا فَفِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ عَطَاءً ١٥٨ غَيْرَ مَحْذُوذٍ ١٥٩ ﴾

Maksudnya : «(Pada) masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorangpun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Maka di antara mereka ada yang celaka, dan ada pula yang berbahagia(105) Adapun orang-orang yang celaka (disebabkan keingkaran dan maksiatnya), maka di dalam nerakalah tempatnya. Bagi mereka di situ, hanyalah suara memekik-mekik dan mendayu-dayu (seperti suara keldai)(106) Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu, Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya(107) Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu sebagai pemberian nikmat yang tidak putus-putus(108)»

[Hud 11 :105-108]

Pengisbatan Melihatnya Orang Yang Beriman akan Allah ﷺ

Pada Hari Kiamat

Ahli Sunnah Wal Jamaah mengisbatkan bahawa orang yang beriman akan dapat melihat Tuhan mereka pada hari kiamat dan mereka tidak mengingkari hal ini. Asas dalam perbincangan ini adalah kita menyerahkan urusan kepada Allah ﷺ dan rasul-Nya, kerana setiap perkara itu atas kehendak-Nya. Jika dia menginginkan kita melihat-Nya, maka kita akan melihat-Nya dengan kurniaan dan nikmat daripada-Nya. Manakala jika kita diharamkan untuk melihat-Nya, maka tiada sesiapa pun yang berhak mewajibkan Allah ﷺ untuk melakukan sesuatu. Oleh itu, setiap muslim wajib menjawab persoalan ini dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, adakah kita akan melihat Tuhan pada hari kiamat atau tidak?

Jawapan kepada soalan-soalan ini jelas dalam nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Allah ﷺ berfirman:

﴿٢﴾ وُجُوهٌ يَوْمٌ يُبَيِّنُ نَاضِرٌ ﴿٣﴾ إِلَى رَبِّهَا نَاطِرٌ

Maksudnya : «*Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri;(22) Melihat kepada Tuhan-Nya(23)*»

[al-Qiyamah 75 :22-23]

Nabi ﷺ bersabda:

((إِنَّكُمْ سَتَرَوْنَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا الْقَمَرَ، لَا تُضَامُونَ فِي رُؤُسِيْتِهِ.))

Maksudnya : "Kamu akan melihat Tuhan kamu, sebagaimana kamu melihat bulan ini, dan kamu tidak berasa susah untuk melihat-Nya."

[Riwayat al-Bukhari]

Terdapat dalil-dalil lain daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menyokong tentang orang-orang yang beriman bakal melihat Tuhan pada hari kiamat.

Perlu diingat bahawa meyakini orang yang beriman akan melihat Tuhan mereka pada hari kiamat tidak bercanggah dengan iktikad yang sahih, bahawa Allah ﷺ tidak mempunyai bandingan seumpama-Nya dan tidak menyerupai makhluk-Nya yang mempunyai jisim dan keterbatasan.

Oleh itu, kita perlu meyakini juga bahawa melihat Allah ﷺ pada hari kiamat tidak sama dengan penglihatan kita di dunia kerana Allah ﷺ bukanlah berbentuk jisim yang terbatas seperti benda-benda yang kita lihat di dunia ini. Bahkan, orang yang beriman melihat Allah ﷺ mengikut apa yang layak bagi-Nya tanpa ada keserupaan, bandingan, penjelmaan, dimensi tempat, ruang mahupun arah. Kesimpulannya Ahli Sunnah Wal Jamaah mengisbatkan bahawa orang yang beriman akan dapat melihat Tuhan mereka pada hari kiamat. Pada masa yang sama, mereka menyucikan Allah ﷺ daripada menyerupai makhluk dan menyifatkan-Nya dengan keterbatasan, arah, mengisi ruang, tempat dan sebagainya. Hal ini sukar digambarkan melalui aturan pancaindera yang menjadi kebiasaan manusia di dunia, akan tetapi ia adalah perkara benar yang wajib diyakini. Pada hari kiamat, Allah ﷺ akan mencarik adat yang menjadi kebiasaan manusia kerana Allah ﷺ ialah pencipta adat itu sendiri dan Dia juga boleh mencarik adat jika Dia kehendaki.¹

¹ Kalau lauh tidak harus untuk melihat Allah ﷺ, sudah pasti Nabi Musa AS tidak akan meminta untuk melihat-Nya ketika mana Baginda sendiri berkata ﴿رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْنِي﴾ Maksudnya : “Ya Tuhanku, nampakkanlah (diri Engkau) kepadaku agar aku dapat melihat kepada Engkau.” , [Al-A’raf 7 : 143]

Pengertian *Al-Istiwa'*(Bersemayam) Dalam Al-Quran dan Bertanya “Di Manakah Allah ﷺ ?”

Lafaz *al-istiwa'* dalam al-Quran dapat difahami berdasarkan kaedah Bahasa Arab dan gaya bahasa masyarakat Arab dalam ucapan dan pertuturan. Secara kebiasaannya, penggunaan kalimah ini dalam ayat al-Quran diertikan sebagai mentadbir, mentakdirkan dan mencipta. Lantaran itu, Imam al-Tabari dalam tafsirnya berkata: Makna yang paling tepat bagi firman Allah ﷺ dalam surah al-Baqarah ayat 29:

﴿ ثُمَّ أَسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّيْهَا سَبْعَ سَمَوَاتٍ ﴾

ialah Allah ﷺ tinggi di atas alam, lalu Dia mentadbir alam dengan kuasa-Nya dan menciptakan tujuh langit.¹ Orang Islam hendaklah memberi perhatian bahawa ketinggian yang dimaksudkan ialah ketinggian kekuasaan dan pentadbiran-Nya, bukan ketinggian tempat dan arah. Allah ﷺ tidak menyerupai sesuatu pun daripada makhluk-Nya. Oleh itu, Allah tidak boleh disifatkan dengan sifat-sifat makhluk seperti bergantung dengan arah tertentu dan terbatas dalam dimensi ruang.

¹ Al-Tobari, 2000 Abu Jaafar Muhammad bin Jarir (2 31 h), *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*, Cet ke-1, Editor, Ahmad Syakir Muassasah al-Risalah, Jilid 1, hlm. 430.

Oleh yang demikian penggunaan ungkapan ‘di mana Allah’ tidak dibenarkan oleh syarak. Ini kerana maksudnya yang hakiki pada lafaz ‘di mana’ ialah bertanya tentang tempat, sedangkan Allah ﷺ tidak layak mengambil ruang sama sekali. Adapun jika dimaksudkan dengan lafaz ‘di mana’ dalam bentuk majazi iaitu bertanya tentang kedudukan dan martabat, maka dibolehkan menurut syarak.

Maksud ini terkandung dalam kata-kata Saidina Uthman R.A ketika mana Sa’sa’ah bin Suhani merapu di sisinya lalu Saidina Uthman membidas “*Wahai manusia! Inilah orang yang merapu lagi sompong, dia tidak memahami apakah itu Allah ﷺ dan di mana Allah ﷺ .*”

Pernyataan di atas bermaksud sikapnya yang banyak merapu dan mengatakan sesuatu yang bukan pada tempatnya seperti keadaan orang yang tidak mengerti bahawa Allah ﷺ Maha Mendengar bagi setiap patah perkataan dan Maha Mengetahui dengan setiap apa yang berlaku.¹

¹ Al-Zamakhsyari, Jarullah Mahmood bin Amru (w 538), *al-Fariq fi Gharib al-Hadis wa al-Athar*, cet. Ke-2, (Editor: Ali al-Bajawi, Muhammad Abu al-Fadhl Ibrahim), Lubnan: Dar al-Ma’rifah, Jilid 1, hlm. 78.

Ungkapan ‘di mana Allah’ juga terdapat dalam hadis *al-Jariah* (hamba perempuan) iaitu:

Daripada Mua’wiyah bin al-Hakam berkata: “Aku mempunyai seorang hamba perempuan yang menggembala sekawan kambing milikku di sekitar bukit Uhud dan Al-Jawwaniyah. Pada suatu hari dia keluar dan mendapati seekor kambing telah dimakan serigala. Aku juga adalah seorang manusia yang merasa sedih dan marah lalu aku memukul hamba itu atas kesalahannya. Aku datang kepada Rasulullah ﷺ, dan Baginda menganggap perbuatan tersebut merupakan suatu kesalahan yang besar. Aku berkata: “Wahai Rasulullah ﷺ, patutkah aku membebaskannya?” Baginda menjawab: “Bawa dia ke mari”, lalu Baginda bertanya kepadanya: “Di manakah Allah ﷺ ?” Dia menjawab: “Di langit”, Baginda bertanya lagi “Siapakah saya?” Dia menjawab: “Kamu ialah Rasulullah ﷺ ”. Baginda bersabda: “Bebaskan dia, sesungguhnya dia wanita yang beriman.”

[Riwayat Muslim]

Al-Hafiz Ibn Furak dalam menjelaskan hadis ini berkata: Dari sudut bahasa ungkapan “di mana” digunakan untuk bertanya tentang tempat. Ini adalah asal penggunaan perkataan ini. Namun, ada kalanya orang Arab menggunakan untuk bertanya tentang

kedudukan seseorang di sisi orang yang ditanya. Oleh itu, mereka yang bertanyakan tentang kedudukan orang yang ditanya: Di manakah kedudukan si fulan di sisi kamu? Di manakah kedudukan si fulan di sisi raja? Mereka menggunakan untuk menanyakan perbezaan antara dua kedudukan. Bahawa mereka berkata: Di manakah si fulan di sisi fulan? Bukan membawa maksud tempat, bahkan mereka ingin bertanya tentang pangkat dan status. Oleh kerana penggunaan ini masyhur dari sudut bahasa, perkataan “Di manakah Allah ﷺ ?” boleh membawa maksud bertanya tentang kedudukan dan martabat-Nya di sisi hamba perempuan tersebut pada keyakinan hatinya iaitu Allah ﷺ Maha Tinggi lagi Maha Agung dengan kekuasaan.¹

Imam Al-Khattabi berkata: “Persoalan ini tentang tanda-tanda keimanan dan ciri-ciri orang mukmin dan bukannya bertanya tentang asas dan hakikat keimanan.” Jika seseorang kafir ingin memeluk agama Islam lalu menyifatkan Allah ﷺ sebagaimana hamba perempuan tadi, maka dia belum lagi dianggap sebagai seorang Islam sehingga dia bersaksi bahawa tiada Tuhan selain

¹ Ibn Furak, Abu Bakar Muhammad bin al-Hassan bin Furak al-Ansari al-Asbani (w 406 h), *Musykil al-Hasid wa Bayanihi*. Cet ke-2 (Editor: Musa Ali), Beirut: ‘Alim al-Kitab, 1985M, hlm. 158.

Allah ﷺ dan Muhammad ﷺ adalah utusan Allah ﷺ dan meninggalkan agama asal yang dia percayai.¹

Imam al-Nawawi berkata: Nabi ﷺ bersabda: “Di manakah Allah ﷺ ?” Jariah (hamba perempuan) menjawab: “Di langit”, Baginda bertanya: “Siapakah aku?” Dia menjawab: “Kamu adalah utusan Allah ﷺ ”, Baginda bersabda: “Bebaskan dia, sesungguhnya dia wanita yang beriman.” Hadis ini merupakan salah satu daripada hadis-hadis yang berkaitan sifat-sifat Allah ﷺ . Padanya, terdapat dua aliran yang beberapa kali telah disebutkan dalam Kitab al-Iman (salah satu tajuk dalam kitab Sahih Muslim).

Pertama : Beriman dengan hadis-hadis sifat tanpa mendalami maknanya, dengan meyakini bahawa tiada sesuatu yang menyerupai Allah ﷺ dan menyucikan-Nya daripada sifat-sifat makhluk.

Kedua : Mentakwilkan dengan makna yang layak bagi-Nya. Maka mereka yang berpegang dengan aliran ini berkata: Adapun maksud

¹ Al-Khatobi, Abu Sulaiman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khattab al-Busti (w 488 h). *Ma'alim Sunan (Syarh Sunan Abi Daud)*. Cet ke-1, Halab: al-Mutabi'ah al-'Ilmiyyah, (1932M), Jilid 1, hlm. 222.

pertanyaan kepada hamba perempuan tersebut bertujuan untuk mengujinya, adakah dia seorang hamba yang menyembah Tuhan yang satu, meyakini bahawa pencipta dan pentadbir ialah Allah ﷺ sahaja? Iaitu seseorang apabila berdoa kepada-Nya akan menghadap ke arah langit, sebagaimana apabila seseorang yang menunaikan solat menghadap ke arah Kaabah. Hal ini bukanlah bermakna Allah ﷺ terbatas (berada) di langit begitu juga bukanlah bermakna Allah ﷺ terbatas (berada) di Kaabah, bahkan sebaliknya langit merupakan kiblat bagi orang-orang yang berdoa, begitu juga Kaabah kiblat bagi orang-orang yang menunaikan solat atau wanita tersebut merupakan salah seorang penyembah berhala yang berada di hadapan mereka? Ketika mana dia menjawab, “Allah ﷺ di langit”, ketahuilah bahawa dia merupakan seorang yang beriman kepada Allah ﷺ dan bukannya penyembah berhala.¹

Jelaslah bahawa Allah ﷺ Maha Suci daripada memenuhi sesuatu ruang tempat atau ditanya berkenaan-Nya dengan pertanyaan “Di manakah?” dengan makna yang zahir menurut bahasa iaitu

¹ Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf, *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi, 1392. Jilid 5, hlm. 24.

bertanya tentang tempat, sedangkan Dia yang menciptakan tempat dan masa.

Menjadi kewajipan ke atas kita untuk mengajar generasi muda dan menjawab segala persoalan mengikut kemampuan dan dengan apa yang dapat memahamkan mereka bahawa Allah ﷺ suci daripada persamaan dengan sebarang makhluk.

Perkara ini berkait dengan permasalahan akidah dalam hal keimanan kepada Allah ﷺ dan makna keseluruhan yang wajib diyakini dalam bab ini, ia diringkaskan seperti berikut, kita hendaklah beriman :

1. Dengan tunduk dan patuh kepada Allah ﷺ .
2. Dengan mengisbatkan bagi-Nya segala sifat kesempurnaan dan kemuliaan sama ada yang kita ketahui dan tidak kita ketahui.
3. Dengan menyucikan-Nya daripada segala sifat kekurangan dan menyerupai makhluk dalam apa juu keadaan.
4. Dengan mengisbatkan bagi-Nya bahawa Dia Pencipta segala perbuatan manusia serta menghitungnya.

5. Allah mengganjari orang beriman dengan rahmat dan kemuliaan-Nya serta mengazab orang kafir dengan keadilan-Nya.

Kesemua akidah ketuhanan ini terkandung dalam penyaksian tauhid: ﷺ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (Tiada Tuhan melainkan Allah ﷺ).

BAB KEDUA

KENABIAN

Antara akidah Islam yang wajib diyakini ke atas mukalaf selepas daripada kepada Allah ﷺ ialah keimanan kepada para Nabi AS. Oleh yang demikian, para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah mengkhususkan satu bab dalam kitab-kitab akidah untuk membincangkan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan perihal kenabian.

Perkara yang akan diterangkan nanti ialah penjelasan terhadap permasalahan penting dalam akidah yang wajib ke atas setiap mukalaf untuk mengetahui dan berpegang teguh dengannya. Dia juga tidak boleh sekali-sekali mengabaikan atau jahil berkenaan. Perkara ini merupakan kepercayaan dan keyakinan yang dapat menambahkan keimanan seorang mukmin kepada TuhanYa, menggiatkan ibadahnya dan memantapkan pegangan agama Islam dalam dirinya. Hal ini kerana ia merupakan nikmat terbesar daripada pelbagai nikmat yang diberikan Allah ﷺ kepada umat manusia. Begitu juga, iman seorang mukmin tidak diterima melainkan dengan beriman kepada kenabian. Ini kerana ia merupakan bahagian kedua daripada penyaksian tauhid (Aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah).

Sebahagian ulama akidah seperti Imam al-Sanusi memilih pembahagian perkara yang wajib dipegang oleh mukalaf dalam bab kenabian kepada tiga perkara:

Pertama: Perkara wajib bagi para rasul dan nabi AS.

Kedua: Perkara mustahil bagi para rasul dan nabi AS.

Ketiga: Perkara harus bagi para rasul dan nabi AS.

Sekiranya mukalaf memahami kesemua perkara ini dan menjaganya, maka dia telah menunaikan kewajipan beriman dengan perkara yang wajib dipegang oleh mukalaf dalam bab kenabian.

Definisi Rasul dan Nabi A.S.

Sebahagian ulama berpendapat makna perkaatan nabi berbeza dengan makna perkataan rasul, ini ialah mazhab majoriti ulama

Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berdalilkan firman Allah ﷺ :

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ وَلَا نَبِيٌّ إِلَّا إِذَا تَمَّقَى الْقَوْمُ أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمُّيَّتِهِ فَيَنْسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُحَكِّمُ اللَّهُ عَالِيَّتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya : «*Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang Rasul atau seorang Nabi melainkan apabila ia bercita-cita (supaya*

kaumnya beriman kepada agama Allah yang dibawanya), maka Syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau Nabi itu mencapai cita-citanya; oleh itu, Allah segera menghapuskan apa yang telah diganggu oleh Syaitan, kemudian Allah menetapkan ayat-ayat-Nya dengan kukuhnya; dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana»

(al-Hajj 22 : 52)

Berdasarkan ayat di atas, sesungguhnya perkataan nabi digandingkan dengan perkataan rasul menunjukkan terdapat perbezaan antara dua perkataan tersebut.

Imam as-Sa'ad al-Taftazani berkata dalam kitab *Syarah al-Akidah al-Nasafiyah* : “Rasul ialah manusia yang diutuskan oleh Allah ﷺ kepada makhluk untuk menyampaikan hukum dan adakalanya diutuskan bersamanya sebuah kitab panduan, berbeza dengan pengertian nabi yang lebih umum.”

Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa rasul diutuskan bersama kitab tersendiri, berbeza dengan nabi yang adakalanya diutuskan tanpa kitab tersendiri, bahkan untuk memperbaharui seruan dakwah untuk berpegang kepada kitab yang terdahulu.

Menurut sebahagian ulama, rasul dan nabi mempunyai makna yang sama.

Nabi ialah seorang lelaki yang merdeka, terpelihara daripada segala cacat cela secara semula jadi dan diwahyukan kepadanya syariat untuk diamalkan. Dia juga diperintahkan untuk menyampaikan syariat kepada sekalian manusia. Firman Allah ﷺ :

﴿اللَّهُ يَصُطْفِي مِنَ الْمَلِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya : «*Allah memilih utusan-utusan-Nya dari malaikat dan dari manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui»*

[al-Hajj 22 : 75]

Tujuan Pengutusan Para Rasul dan Nabi A.S.

Allah ﷺ mengutuskan para rasul dan nabi-Nya kepada sekalian manusia sebagai petunjuk ke arah kebenaran agar mereka mengenal Allah ﷺ , menyembah-Nya, menyampaikan kepada mereka perintah dan larangan-Nya agar urusan kehidupan mereka tersusun dan terpimpin serta dijauhkan daripada sebarang bentuk

perselisihan dalam semua perkara. Oleh itu, para rasul dan nabi merupakan guru, pembimbing dan pendidik kepada seluruh manusia. Firman Allah ﷺ :

﴿ كَمَا أَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْكُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ وَيُزَكِّيْهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُهُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya : «(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui»

[al-Baqarah 2 : 151]

Begitu juga Allah ﷺ mengutuskan para rasul untuk menguji manusia dalam mengikuti agama yang lurus ini. Maka dari situ terserlah golongan yang hak (benar) dan dapat dibezakan antara mereka golongan yang batil. Firman Allah ﷺ :

﴿ هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينَ الْحُقْقِ لِيُظَهِّرَهُ وَعَلَى الَّذِينَ كُلِّهُمْ وَلَوْ كَرِهُ الْمُشْرِكُونَ ﴾

Maksudnya : «*Dia lah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya»*

[al-Taubah 9 : 33]

Firman-Nya lagi:

﴿كَانَ الْتَّائُسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ الْبَيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحُقْقِ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ﴾

Maksudnya : «*Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab Suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, - mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki*

sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang yang beriman ke arah kebenaran yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu), dengan izin-Nya. Dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus (menurut undang-undang peraturan-Nya)»

[al-Baqarah 2 : 213]

Antara rahmat Allah ﷺ ialah Dia mengutuskan para rasul kepada sekalian makhluk selaku penyampai khabar gembira dan pemberi peringatan sebagai satu bentuk kurniaan-Nya. Sedangkan hal ini tidak wajib di sisi-Nya, malah ia hanyalah semata-mata pemberian dan rahmat-Nya.

Kewajipan Mengetahui Nama-Nama Rasul A.S.

Setiap orang beriman wajib mengetahui para rasul yang disebut dalam al-Quran berserta nama-nama mereka. Ertinya dia wajib mengetahui jawapan jika ditanya tentang salah seorang daripada mereka, adakah dia seorang rasul atau bukan? Mereka seramai 25 orang rasul dan Nabi A.S iaitu:

| | | | | |
|----------|--------------|------------|--------------|----------------|
| 1. Adam | 6. Ibrahim | 11. Ilyas | 16. Syu'aib | 21. Ayyub |
| 2. Nuh | 7. Lut | 12. Yunus | 17. Musa | 22. Zakaria |
| 3. Idris | 8. Isma'il | 13. Ishaq | 18. Harun | 23. Yahya |
| 4. Hud | 9. Ilyasa' | 14. Yaakub | 19. Daud | 24. Isa |
| 5. Soleh | 10. Zulkifli | 15. Yusuf | 20. Sulaiman | 25. Muhammad ﷺ |

Disunatkan untuk mengingati nama-nama mereka bagi menambahkan kecintaan seorang mukmin terhadap mereka seterusnya mengikuti dan mengetahui kesempurnaan serta meneladani mereka khususnya bapa sekalian umat manusia, Nabi Adam A.S.

Demikian juga, wajib beriman bahawa Allah ﷺ turut mengutus para rasul selain daripada yang disebutkan dalam al-Quran sekalipun kita tidak mengetahui nama-nama, negeri dan juga umat mereka. Sehubungan dengan itu, kita beriman dengan para rasul dan nabi-Nya yang dikenali mahupun tidak. Firman Allah ﷺ :

﴿وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّنْ قَبْلِكَ مِنْهُمْ مَنْ قَصَصْنَا عَلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ لَمْ نَقْصُصْ عَلَيْكَ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِي بِإِعْ�َاةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ فَإِذَا جَاءَ أَمْرُ اللَّهِ قُضِيَ بِالْحَقِّ وَخَسِيرٌ هُنَالِكَ الْمُبْطَلُونَ﴾

Maksudnya : «Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus beberapa Rasul sebelummu; di antara mereka ada yang Kami ceritakan perihalnya kepadamu, dan ada pula di antaranya yang tidak Kami ceritakan kepada kamu. Dan tidaklah harus bagi

seseorang Rasul membawa sesuatu keterangan atau menunjukkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah; (maka janganlah diingkari apa yang dibawa oleh Rasul) kerana apabila datang perintah Allah (menimpakan azab) diputuskan hukum dengan adil; pada saat itu rugilah orang-orang yang berpegang kepada perkara yang salah»

[Ghafir 40 : 78]

Kewajipan Mengimani Perihal Berkaitan Para Rasul dan Nabi A.S.

Para rasul ialah utusan Allah ﷺ kepada sekalian makhluk dan juga menyampai risalah Allah ﷺ kepada hamba-hamba-Nya. Kedudukan mereka diperkuuh dengan adanya penghormatan dan kemuliaan daripada Allah ﷺ kepada mereka. Justeru, setiap orang beriman wajib menghormati setiap rasul dan nabi serta meletakkan mereka pada kedudukan yang istimewa dalam hati sehingga mereka menduduki tempat yang lebih tinggi dalam hatinya melebihi kedudukan ibu bapa, anak-anak dan setiap kaum kerabat mahupun orang yang disayangi. Bahkan dia menjadikan nabi itu lebih dicintai berbanding dirinya sendiri dan segala apa

yang ada di dunia. Dia menyerahkan diri, harta dan ahli keluarganya untuk para Nabi A.S.

Sesungguhnya para Nabi A.S merupakan sebab kenikmatan terbesar, melalui mereka datangnya petunjuk daripada Allah ﷺ dan dengan ajaran mereka juga terpandulah kehidupan dunia. Selain itu, kita juga akan selamat pada hari akhirat dengan keberkatan mereka. Mereka lah pemberi dan penerima syafaat di sisi Allah ﷺ .

Setiap mukalaf wajib menetapkan segala sifat terpuji untuk mereka yang layak dengan martabat kenabian dan menafikan segala sifat tercela yang boleh merendahkan kedudukan mereka yang tinggi. Perkara ini adalah seperti berikut:

1. *Al-Ismah* (Maksum): Terpelihara daripada melakukan dosa sama ada perkataan mahupun perbuatan. Allah ﷺ memelihara zahir dan batin mereka sejak kecil hingga dewasa, sebelum dan setelah pelantikan sebagai nabi daripada segala perbuatan yang ditegah atau perkataan yang buruk dan dusta. Allah ﷺ menyifatkan rasul-Nya A.S dengan firman-Nya:

﴿ مُطَاعٌ ثُمَّ أَمِينٌ ﴾

Maksudnya : «*Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai»*

[al-Takwir 81 : 21]

Begini juga disifatkan Nabi Musa A.S di dalam al-Quran Firman-Nya:

﴿ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَتِ الْقَوْىُ الْأَمِينُ ﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah»*

[al-Qasas 28 : 26]

Bahkan, sifat ini juga disebutkan dalam al-Quran pada surah al-Syu'ara' bagi sekalian para nabi seperti Nabi Nuh, Hud, Soleh, Lut dan Syu'aib:

﴿ إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴾

Maksudnya : «*Sesungguhnya aku ini ialah Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu»*

[al-Syu'ara' 26 : 107, 125, 143, 162 dan 178]

Setiap riwayat yang disebutkan dalam al-Quran atau al-Sunnah tentang kisah para Nabi A.S yang pada zahirnya didapati bertentangan dengan sifat maksum, maka ia tidak boleh ditafsirkan secara langsung sebagaimana yang zahir. Sebaiknya, ia harus ditakwilkan dengan takwilan yang sesuai dan bertepatan dengan kaedah bahasa Arab dan konteks nas yang disebutkan agar riwayat sebegini selaras dengan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

Perlu diberi perhatian di sini bahawa tidak terdapat sebarang nas syarak yang sahih dan jelas yang menunjukkan percanggahan sifat maksum para Nabi A.S. Oleh itu, jikalau terdapat riwayat yang agak meragukan, bolehlah mentakwilnya dengan takwilan yang sesuai berpandukan kepada kitab-kitab tafsir al-Quran, syarah hadis dan kitab khas tentang sifat maksum nabi-nabi A.S seperti kitab '*Ismah al-Anbiya'* oleh Fakhr al-Din al-Razi yang wafat pada 606 H.

2. *Al-Sidq* (Benar): Perkhbaran sesuatu yang bertepatan dengan realiti.

Ini kerana Nabi ﷺ tidak akan menghabarkan sesuatu yang bercanggah dengan kebenaran. Dalil sifat ini berdasarkan kepada mukjizat yang berlaku ke atas Nabi ﷺ. Berikut ialah dalil sifat *al-Sidq*. Firman Allah ﷺ :

﴿وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ أُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ﴾

Maksudnya : «*Dan (nyatakan bahawa) yang membawa kebenaran (tauhid dan hukum agama) serta ia (dan pengikut-pengikutnya) mengakui kebenarannya (dengan mematuhi hukum itu), mereka itulah orang-orang yang bertaqwaa»*

[al-Zumar 39 : 33]

Selain itu, firman Allah ﷺ :

﴿هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَّقَ الْمُرْسَلُونَ﴾

Maksudnya : «*Inilah dia yang telah dijanjikan oleh Allah Yang Maha Pemurah dan benarlah berita yang disampaikan oleh Rasul-rasul!»*

[Yasin 36 : 52]

3. *Al-Fatonah* (Bijaksana): Kecerdikan dan pemerhatian yang tajam agar mereka dapat menegakkan hujah kebenaran atas apa yang mereka serukan dan mematahkan keraguan yang ditimbulkan oleh pihak lawan. Firman Allah ﷺ berkenaan Nabi Ibrahim A.S:

﴿وَتِلْكَ حُجَّتُنَا إِاتَيْنَاهَا إِبْرَاهِيمَ عَلَىٰ قَوْمِهِ نَرْفَعُ دَرَجَتِ مَنْ نَشَاءُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya : «*Dan itulah hujah (bukti) Kami, yang Kami berikan kepada Nabi Ibrahim untuk mengalahkan kaumnya. Kami tinggikan pangkat-pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui»*

[al-An'am 6 : 83]

Begini juga semua para Nabi A.S adalah bijaksana, mampu memberi dalil yang paling kukuh atas kebenaran dakwah dengan menggunakan ungkapan yang paling ringkas dan padat.

4. *Al-Tabligh* (Menyampaikan): Rasul menyampaikan segala apa yang Allah ﷺ perintahkan untuk disampaikan. Firman Allah :

﴿كَلَّا لَهُ مُنْتَهٰ يَرَىٰ﴾

﴿فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَاللهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ﴾

Maksudnya : «*Maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat (tingkah laku) sekalian hamba-Nya»*

[Ali 'Imran 3 : 20]

Begitu juga firman Allah ﷺ :

﴿يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكُفَّارِ﴾

Maksudnya : «*Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir»*

[al-Maidah 5 : 67]

Tugas menyampaikan ajaran Islam ialah intipati perutusan setiap rasul. Mereka menyampaikan mesej kepada para hamba bahawa mereka merupakan utusan Allah ﷺ untuk mereka beriman kepada Allah ﷺ semata-mata. Firman Allah ﷺ :

﴿وَإِبْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَعْبُدُو أَنَّمَا وَاتَّقُوهُ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya : «Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ibrahim, ketika ia berkata kepada kaumnya: "Sembahlah kamu akan Allah dan bertaqwalah kepada-Nya; yang demikian itu adalah baik bagi kamu jika kamu tahu (membezakan yang baik dari yang buruk)»

[al-Ankabut 29 : 16]

Seruan ini adalah seruan setiap para utusan Allah ﷺ kepada kaumnya.

Kewajipan Menafikan Sifat-Sifat Kekurangan Para Rasul dan Nabi A.S.

Mustahil bagi para rasul mempunyai sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat wajib bagi mereka. Justeru, mustahil para rasul itu bersifat khianat, dusta, jahil, menyembunyikan seruan dakwah atau tidak menyampaikan ajaran Islam.

Setiap riwayat yang mengaitkan para nabi dengan perkara-perkara maksiat atau dosa-dosa besar, kebanyakannya adalah riwayat-riwayat palsu atau tidak benar, berkemungkinan ia merupakan riwayat-riwayat Ahli Kitab dalam kalangan tokoh *Israiliyat*. Sesiapa yang meriwayatkannya, maka periwatan ini sekadar penceritaan yang berbentuk umum dan bukan untuk mempercayainya. Justeru seseorang itu tidak boleh berpegang serta berhujah dengannya. Mana-mana nas atau *athar* yang didapati bercanggah dengan sifat maksum para nabi, maka ia boleh ditakwil dan difahami dalam bentuk tafsiran yang boleh diterima. Para ulama telah mengarang kitab-kitab secara terperinci menjelaskan nas atau *athar* serta kaedah memahaminya dengan metodologi yang tepat seperti kitab '*Ismah al-Anbiya*' oleh Fakhr al-Din al-Razi.

Perkara Harus Bagi Para Nabi dan Rasul A.S.

Para rasul dan nabi A.S dimuliakan ke atas manusia biasa dengan perkara yang dikurniakan oleh Allah ﷺ kepada mereka dari sudut kenabian dan perutusan, kejadian mukjizat, penurunan kitab ke atas mereka, Allah memilih dan mengajar mereka serta menginginkan dengan hikmah-Nya zahir para nabi dan rasul seperti kebiasaan manusia yang lain dengan hukum manusia dan insan.

Oleh yang demikian, sifat-sifat manusia seperti sakit, makan dan minum, kesemua itu sifat harus bagi para rasul dengan syarat ia tidaklah sampai merendahkan darjat dan kedudukan mereka yang mulia. Justeru, mereka tidak boleh ditimpa dengan penyakit-penyakit yang menjauhkan orang ramai seperti kusta dan buta. Hikmah daripada ujian para nabi dengan sifat-sifat kemanusiaan adalah bagi meninggikan martabat, menambah ganjaran pahala di sisi Allah ﷺ dan supaya mereka dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada umat manusia. Demikian para rasul merupakan manusia dan mereka adalah sebaik-baik manusia secara mutlak. Kesimpulannya, para nabi dan rasul merupakan kelompok terbaik dalam kalangan makhluk Allah ﷺ dan insan yang terpilih kerana dekat dan mulianya kedudukan mereka di sisi Allah ﷺ . Allah ﷺ

membersihkan nama mereka daripada segala perkara keji atau sesat serta memperelok mereka dengan setinggi-tinggi kemuliaan dan sebaik-baik akhlak. Allah ﷺ menghiasi mereka dengan ilmu, keindahan, kesempurnaan dan kemuliaan. Oleh yang demikian, selawat dan salam daripada Allah ﷺ ke atas sekalian nabi sebanyak puji-pujian yang dialunkan dan didendangkan oleh pemuji-pemuji Rasulullah.

Kenabian Adalah Kurniaan Allah ﷺ dan Tidak Diperolehi dengan Usaha dan Kesungguhan

Kenabian merupakan kurniaan Allah ﷺ. Ia adalah keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah ﷺ kepada sesiapa yang Dia kehendaki dengan kemuliaan dan keagungan-Nya. Allah ﷺ berfirman:

﴿اللَّهُ يَصُطْفِي مِنْ الْمَلِكَةِ رُسُلًا وَمِنْ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya : «Allah memilih utusan-utusan-Nya dari malaikat dan dari manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui»

[al-Hajj 22 : 75]

Begin juga firman Allah ﷺ :

﴿أَلَّا يَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ وَ﴾

Maksudnya : «Dan apabila datang kepada mereka sesuatu keterangan, mereka berkata: "Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang telah diberikan kepada pesuruh-pesuruh Allah". Allah lebih mengetahui di mana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) Ia berikan jawatan Rasul (dan wahyu) yang diberikan-Nya itu. Orang-orang yang melakukan perbuatan yang salah itu akan ditimpa kehinaan di sisi Allah, dan azab seksa yang amat berat, disebabkan perbuatan tipu daya yang mereka lakukan»

[al-An'am 6 : 124]

Oleh itu, para nabi dan rasul adalah makhluk Allah ﷺ yang paling berilmu, baik, suci, bersih dan mulia.

Kenabian bukanlah hasil kesungguhan dan ketekunan dalam beribadah. Bahkan tidak kira sehebat atau setinggi mana pun kesungguhan seseorang dalam beribadah, sikap zuhud, warak, menuntut ilmu, kelebihan fizikal dan mental serta darjat seseorang

itu di sisi Allah ﷺ , dia tetap tidak dapat menyamai kedudukan para nabi dan rasul. Hal ini kerana kelebihan sebenar ialah apabila Allah ﷺ memilih dan mendekatkan seseorang hamba kepada-Nya. Oleh itu, kedudukan para nabi tidak dapat dicapai semata-mata dengan amalan seseorang hamba bahkan mestilah dengan taufik dan pilihan Allah ﷺ .

Imam al-Sa'd al-Taftazaniy berkata: “Seorang wali tidak akan mencapai martabat para nabi kerana para nabi terpelihara dan aman daripada rasa takut akan kematian, mereka dimuliakan dengan wahyu dan melihat para malaikat, mereka diperintahkan untuk menyampaikan hukum-hakam dan membimbing para manusia setelah bersifat dengan segala kesempurnaan para Aulia’.”¹

¹ Al-Taftazani, Mas'ud bin Umar dikenali dengan Sa'd al-Din (729H), *Syarah al-Aqaid al-Nasafiah*. Cet. Ke-1. Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariah. 1987M: hlm. 105.

Nabi Muhammad ﷺ Penutup Sekalian Para Nabi

Perlu dijelaskan di sini bahawa kenabian telah berakhir dengan junjungan besar nabi kita Muhammad ﷺ. Oleh itu, mana-mana individu yang mendakwa dirinya seorang nabi sama ada daripada kalangan mereka yang disebutkan dalam sejarah terdahulu, kini atau akan datang merupakan sebenar-sebenar pendusta yang sesat lagi menyesatkan. Allah ﷺ berfirman:

﴿ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوَحِّ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأْنِزُلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ ۝ ﴾

Maksudnya : «*Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah, atau orang yang berkata: "Telah diberi wahyu kepadaku", padahal tidak diberikan sesuatu wahyupun kepadanya; dan orang yang berkata: "Aku akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah".»*

[al-An'am 6 : 93]

Oleh itu, dakwaan oleh Musailimah al-Kazzab, golongan Qadiani dan selain keduanya adalah dusta dan keji. Ia akan menjadi hujah

pada hari kiamat ke atas mereka dan sesiapa yang mengikuti pendustaan mereka.

Mukjizat Para Nabi A.S. adalah Benar

Kenabian tidak sabit dengan dakwaan semata-mata bahkan ia perlu kepada bukti yang membenarkan kenabiannya. Bukti tersebut merupakan mukjizat yang Allah ﷺ jadikan ke atas seorang nabi bagi membenarkan ajarannya. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah ﷺ dalam sebuah hadis qudsi:

((صَدَقَ عَبْدِي فِيمَا يُبَلِّغُهُ عَنِّي))

Maksudnya : “*Benarlah hamba-Ku terhadap apa yang dia sampaikan daripada-Ku.*”

Para nabi AS diutuskan sebagai wakil Allah ﷺ untuk menyampaikan risalah-Nya kepada seluruh alam. Oleh yang demikian, tidak mungkin untuk kita mempercayai mereka hanya melalui taqlid semata-mata, bahkan mestilah dibuktikan dengan dalil-dalil yang boleh menunjukkan kepada umat manusia akan kebenaran dan keabsahan ajaran mereka.

Malah, Allah ﷺ memberi wahyu kepada mereka serta mengutus mereka untuk menyeru manusia dan dalil tersebut ialah mukjizat.

Mukjizat ialah perkara yang mencarik adat dan ianya tidak dapat dikalahkan serta ini membenarkan risalah.¹

Manakala mukjizat menurut ulama akidah ialah satu perkara yang menyalahi hukum alam mengikut kebiasaan seperti tongkat bertukar menjadi ular hidup, keluar air daripada celah-celah jari-jemari Nabi ﷺ dan terbelahnya bulan. Perkara yang luar biasa ini berlaku mengiringi risalah kenabian. Sesungguhnya Allah ﷺ menjadikan mukjizat ini untuk rasul dan nabi bagi mencabar manusia supaya mendatangkan sesuatu yang seumpama dengannya. Namun mereka tidak mampu melakukannya dan ketidakupayaan mereka menjadi bukti bahawa nabi itu diutus oleh Allah ﷺ .

Pada hakikatnya, mukjizat adalah perbuatan Allah ﷺ bukan perbuatan seseorang daripada makhluk kerana segala adat

¹ Al-Amir, Muhammad bin Muhammad .(1232H), *Hasyiah al-Amir ala Ittihof al-Murid Syarh Jauharah al-Tauhid*, Cet ke-1, Dar al-Kutub al-Ilmiah, 2001M/1422H. hlm. 228.

kebiasaan yang terdapat di alam tidak akan menjadi luar biasa melainkan Allah ﷺ yang menjadikannya. Oleh itu, Imam al-Baqillani telah mendefinisikan mukjizat dengan katanya: “*Mukjizat merupakan perbuatan Allah ﷺ yang luar daripada kebiasaan, sepadan dengan dakwaan para nabi dan sebagai cabaran kepada manusia untuk mendatangkan sesuatu yang seumpamanya.*”¹

Mukjizat para nabi A.S itu sangat banyak, antara yang paling masyhur:

- Mukjizat nabi Soleh A.S : Keluar unta betina dari celahan batu, firman Allah ﷺ :

﴿ وَمَا مَنَعَنَا أَنْ نُرْسِلَ بِالْأَيَتِ إِلَّا أَنْ كَذَّبَ بِهَا الْأَوَّلُونَ وَإِاتَّيْنَا ثُمُودَ الْثَّاقَةَ مُبَصِّرَةً فَظَلَمُوا بِهَا ۝
﴿ وَمَا نُرْسِلُ بِالْأَيَتِ إِلَّا تَخْوِيفًا ۝

Maksudnya : «*Dan tiada yang menghalang Kami dari menghantar turun mukjizat yang mereka minta itu melainkan kerana jenis mukjizat itu telah didustakan oleh kaum-kaum yang telah lalu; dan di antaranya Kami telahpun memberikan kepada kaum Thamud*

¹ Al-Baqillani, al-Qadhi Abu Bakr bin al-Tayyib. (w. 403H), *Al-Insaf fima Yajibu I'tiqaduhu wa La Yajuzu al-Jahlu bihi*, (Tahqiq: Muhammad Zahid al-Kauthari), Mesir: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath. Hlm. 58.

unta betina sebagai mukjizat yang menjadi keterangan yang nyata, lalu mereka berlaku zalim kepadanya; dan biasanya Kami tidak menghantar turun mukjizat-mukjizat itu melainkan untuk menjadi amaran (bagi kebinasaan orang-orang yang memintanya kalau mereka tidak beriman)»

[al-Isra' 17 : 59]

Mukjizat menjadi Nabi Musa A.S : Antaranya, tongkat berubah menjadi ular, firman Allah ﷺ :

﴿وَأَلْقِ عَصَاكَ فَلَمَّا رَءَاهَا تَهْتَرُ كَأَنَّهَا جَانٌ وَلَيْ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ يَمُوسَى لَا تَخَفْ إِنِّي لَا يَخَافُ لَدَى الْمُرْسَلُونَ﴾

Maksudnya : «Dan (sekarang) campakkanlah tongkatmu. Maka apabila ia melihat tongkatnya itu (menjadi seekor ular besar) bergerak cepat tangkas, seolah-olah seekor ular kecil, berpalinglah dia melarikan diri dan tidak menoleh lagi. (Lalu ia diseru): " Wahai Musa, janganlah takut, sesungguhnya rasul-rasul itu semasa menghadapku (menerima wahyu), tidak sepatutnya merasa takut»

[al-Naml 27 : 10]

Begini juga mukjizatnya membelah laut, firman Allah ﷺ :

﴿ فَأَوْحَيْنَا إِلَى مُوسَى أَنِ اضْرِبْ بِعَصَابَ الْبَحْرِ فَانْفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالْطَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴾

Maksudnya : «*Lalu Kami wahyukan kepada Nabi Musa: "Pukullah laut itu dengan tongkatmu". (Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu (kepada beberapa bahagian), lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar»*

[al-Syu'ara' 26 : 63]

- Mukjizat Nabi Isa A.S: Antaranya, menghidupkan orang mati dan menyembuhkan penyakit kusta dan buta dengan izin Allah ﷺ berdasarkan firman-Nya:

﴿ إِذْ قَالَ اللَّهُ يَعِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ أَذْكُرْ نِعْمَتِي عَلَيَّكَ وَعَلَى وَالدَّيْنَكَ إِذْ أَيَّدْتُكَ بِرُوحِ الْقُدُسِ تُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَإِذْ عَلَمْتُكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالْتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَإِذْ تَخْلُقُ مِنَ الْطِينِ كَهْيَةً الْطَّيْرِ بِإِذْنِي فَتَنْفُخُ فِيهَا فَتَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِي وَتُبَرِّئُ الْأَكْمَةَ وَالْأَبْرَصَ بِإِذْنِي وَإِذْ تُخْرُجُ الْمَوْتَى بِإِذْنِي وَإِذْ كَفَّقْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَنْكَ إِذْ جَهَّثُهُمْ بِالْبَيْتِ فَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴾

Maksudnya : «(Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai Isa ibni Maryam! Kenanglah nikmat-Ku kepadamu dan kepada ibumu, ketika Aku menguatkanmu dengan Ruhul-Qudus (Jibril), iaitu engkau dapat berkata-kata dengan manusia (semasa engkau masih kecil) dalam buaian dan sesudah dewasa; dan (ingatlah) ketika Aku

mengajarmu menulis membaca, dan hikmah pengetahuan, khasnya Kitab Taurat dan Kitab Injil; dan (ingatlah) ketika engkau jadikan dari tanah seperti bentuk burung dengan izin-Ku, kemudian engkau tiupkan padanya, lalu menjadilah ia seekor burung dengan izin-Ku; dan (ingatlah ketika) engkau menyembuhkan orang buta dan orang sopak dengan izin-Ku; dan (ingatlah) ketika engkau menghidupkan orang-orang yang mati dengan izin-Ku; dan (ingatlah) ketika Aku menghalangi Bani Israil daripada membunuhmu, ketika engkau datang kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat), lalu orang-orang yang kafir di antara mereka berkata: "Bahawa ini hanyalah sihir yang terang nyata"»

[al-Maidah 5 : 110]

- Antara mukjizat termasuklah mukjizat Nabi Muhammad ﷺ iaitu al-Quran yang merupakan mukjizat teragung dan kekal. Begitu juga mukjizat batu-batu kecil bertasbih di hadapan Baginda, terbelahnya bulan, memperoleh keberkatan pada makanan yang sedikit sehingga mampu mengenyangkan gerombolan tentera daripada sebekas tamar, terpancar air dari celah jari-jemari Baginda yang mulia, pelepas kurma yang menangis kerana rindu kepadanya dan selainnya yang disebut dalam kitab-kitab sunan, *athar* dan sejarah seperti kitab Dalail an-Nubuwah oleh Imam al-Baihaqi.

Maka selesailah perbahasan tentang kenabian. Kesimpulannya perkara yang wajib diketahui oleh mukalaf berkaitan dengan para nabi dan rasul:

1. Sifat-sifat yang wajib pada hak mereka seperti *al-Sidq, al-Amanah, al-Tabligh* dan *al-Fatonah*.
2. Sifat-sifat mustahil pada hak mereka seperti berdusta, bermaksiat, dan menyembunyikan dakwah.
3. Sifat harus bagi mereka seperti sifat-sifat manusiawi seperti makan, minum dan sakit.

BAB KETIGA

AL-SAM'IYYAT¹ (PERKARA-PERKARA GHAIB)

Bab ini akan membincangkan perbahasan akidah Islam yang kita peroleh secara naqli sama ada ia disebut dalam al-Quran atau al-Sunnah Nabi ﷺ yang suci. Antaranya seperti mengisbatkan apa yang berlaku selepas kematian sama ada di alam barzakh berupa nikmat atau azab kubur. Begitu juga, apa yang akan berlaku pada hari kiamat seperti perhimpunan di padang mahsyar, kebangkitan daripada kubur, timbangan amalan, titian sirat dan hal-hal lain yang kita dengari daripada dalil-dalil syarak yang sahih.

Nabi Muhammad ﷺ Sebaik-Baik Ciptaan

Sebaik-baik ciptaan ialah junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ kemudian rasul-rasul *Ulul Azmi* iaitu Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa kemudian para rasul yang lain, para nabi yang lain, dan para malaikat. (Selawat dan salam ke atas mereka semua). Inilah pendapat yang kuat menurut sebahagian ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Wallahu a'lam.

¹ Dinamakan juga *al-Gyaibiyat*, kerana ia adalah perkara-perkara ghaib, tidak boleh dicerap oleh pancaindera dan tidak boleh diketahui melainkan melalui al-Quran dan al-Sunnah.

Tiada keraguan pada pandangan berkenaan kelebihan sebahagian nabi berbanding nabi yang lain kerana Allah ﷺ berfirman:

﴿ تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ مِّنْهُمْ مَّنْ كَلَمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ ﴾

Maksudnya : «Rasul-rasul Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu). Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata dengannya, dan ditinggikan-Nya (pangkat) sebahagian daripada mereka beberapa darjat kelebihan»

[al-Baqarah 2 : 253]

Beriman Dengan Peristiwa Israk Mikraj

Kita wajib beriman bahawa Allah ﷺ memuliakan nabi-Nya dengan memperjalankan Baginda dalam keadaan sedar pada waktu malam dengan menaiki Buraq dari Mekah ke Baitul Maqdis secara roh dan jasad.

Kita juga beriman bahawa Baginda diangkat naik secara sedar dengan roh dan jasad bersama Jibrail A.S dari Baitul Maqdis ke Sidratul Muntaha yang terletak di atas tujuh lapisan langit sehingga ke tujuan yang Allah ﷺ sahaja kehendaki.

Peristiwa Israk disebut secara jelas dalam al-Quran, firman Allah

 :

﴿سُبْحَانَ اللَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسَاجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسَاجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَّكْنَا حَوْلَهُ وَلِنُرِيهُ مِنْ عَائِدَتِنَا إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : «*Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui»*

[al-Isra' 17 : 1]

Adapun peristiwa Mikraj telah disepakati secara ijmak oleh para ulama berdasarkan hadis-hadis sahih yang diriwayatkan secara mutawatir daripada Nabi  . Dan tidak seharusnya untuk berdalil dengan mengatakan bahawa sabitnya Mikraj itu dengan mengisbatkan Allah Taala berada di atas langit kerana kenyataan ini menafikan bahawa kesucian-Nya yang tidak berkait dengan tempat dan masa serta menyerupai makhluk. Bahkan Mikraj nabi  adalah ke suatu tempat yang diciptakan oleh Allah  dan

ada padanya makhluk-makhluk lain. Maha suci Allah ﷺ daripada bertempat.

Abu Bakar al-Siddiq telah mendahului semua manusia dalam membenarkan dan mempercayai peristiwa Israk Mikraj. Oleh sebab itu, beliau digelar *al-Siddiq* kerana membenarkan setiap apa yang disampaikan oleh Nabi ﷺ dan mengikutinya tanpa mempersoalkanya.

Sayyidah Aisyah RA Tidak Bersalah atas Tuduhan Fitnah yang Dilemparkan oleh Orang-Orang Munafik

Seorang muslim wajib mempercayai bahawa Sayyidah Aisyah RA tidak bersalah atas tuduhan dan tohmahan golongan munafik. Mempercayai sebaliknya boleh menyebabkan seseorang itu menjadi kufur sekiranya dia mengetahui tentang ayat dalam al-Quran yang menceritakan bahwasanya Sayyidah Aisyah RA tidak bersalah. Hal ini kerana, dia mengingkari sesuatu yang jelas daripada al-Quran. Firman Allah ﷺ :

﴿إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِلْفَكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسِبُوهُ شَرّاً لَّكُمْ بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ أُمَّرِيٍّ﴾
﴿مِنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِلْثَمِ وَالَّذِي تَوَلَّ كِبِيرٌ وَمِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya : «Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat)»

[al-Nur 24 : 11]

Sebaik-Baik Manusia Selepas Para Nabi A.S

Umat Islam merupakan sebaik-baik umat berdasarkan firman

Allah ﷺ :

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَمْ يَأْمَنْ أَهْلُ الْكِتَابَ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِقُونَ ﴾

Maksudnya : «Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan

kalaualah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik»

[Ali 'Imran 3: 110]

Sesungguhnya umat Islam adalah sebaik- baik umat kerana kelebihannya mengatasi semua umat lain dalam hal menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran serta beriman kepada Allah ﷺ .

Para sahabat RA adalah sebaik-baik umat selepas Rasulullah ﷺ

dan seterusnya golongan tabiin berdasarkan Nabi ﷺ :

((خَيْرُ أُمَّةٍ الْقُرْنُ الَّذِينَ يَلُوْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوْنَهُمْ))

Maksudnya : "Sebaik- baik umatku ialah generasi yang mengikutiku, kemudian yang mengikuti mereka, kemudian yang mengikuti mereka."

[Riwayat Muslim]

Sebaik-baik sahabat ialah *al-Khulafa' al-Rasyidun* iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali. (Semoga Allah ﷺ meredai mereka semua). Kelebihan mereka mengikut urutan pelantikan mereka sebagai khalifah.

Kemudian diikuti sepuluh orang sahabat yang dijanjikan syurga iaitu Talhah bin Ubaidillah, Zubair bin al-'Awwam, 'Abdul Rahman bin 'Auf, Saad bin Abi Waqqas, Said bin Zaid, Abu 'Ubaidah Amir bin al-Jarrah, kemudian sahabat yang menyertai peperangan Badar, sahabat yang menyertai peperangan Uhud dan kemudian yang mengikuti *Bai'ah Ridhuan* (perjanjian Ridhuan).

Kedudukan Para Sahabat Dan Pendirian Umat Islam Mengenai Perselisihan yang Berlaku Antara Mereka

Sahabat merupakan sebaik-baik manusia selepas para nabi. Mereka semua itu bersifat adil. Mereka tidak boleh dicela dan direndahkan martabat. Mereka adalah yang terbaik dalam kalangan yang terbaik. Firman Allah ﷺ :

﴿ وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ أَتَبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَّ لَهُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلِيلِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴾

Maksudnya : «*Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar»*

[al-Taubah 9 : 100]

Disunatkan untuk mendoakan keredaan Allah ﷺ ke atas semua para sahabat tanpa terkecuali seorang pun serta tidak boleh memandang rendah atau memperkecilkan martabat mereka.

Meskipun dengan kelebihan yang ada pada para sahabat, mereka tetap manusia yang tidak terlepas daripada melakukan kesalahan. Apa sahaja perselisihan dan peperangan yang telah terjadi sesama mereka, maka jalan yang paling selamat bagi agama seorang muslim tidak masuk campur dalam perbahasan itu dan memadailah kita mengasihi mereka semua. Sesungguhnya ulama telah menegaskan bahawa para sahabat yang terlibat dalam perbalahan atau pertumpahan darah, mereka ialah para mujtahid.

Oleh itu, sesiapa yang betul ijtihadnya mendapat dua pahala dan siapa yang salah ijtihadnya mendapat satu pahala.

Kewajipan Mengikut Salah Seorang Daripada Imam yang Empat

Wajib bagi seorang mukalaf beramal dengan hukum-hakam syariat Islam. Seseorang itu mestilah mempunyai ilmu pengetahuan tentang apa yang dituntut daripadanya terlebih dahulu untuk beramal. Oleh itu, setiap orang Islam yang bukan mujtahid wajib mengikut salah satu mazhab fiqh yang empat supaya mampu beramal dengan hukum-hakam syarak. Mazhab-mazhab yang harus diikuti ialah mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Imam al-Laqqani berkata :

فَوَاجِبٌ تَقْلِيدُ حَبْرٍ مِّنْهُمْ # كَذَا حَكَى الْقَوْمُ بِلَفْظٍ يُفْهَمُ

*Orang yang alim daripada kalangan mereka wajib diikuti
Begitulah ulama yang meriwayatkan dengan lafaz yang difahami
Seperti sedia maklum dalam perkara akidah, tidak boleh bertaqlid
bahkan wajib bagi mukalaf untuk berfikiran dengan akal yang
sejahtera agar dia mengenal Allah ﷺ dan pesuruh-Nya dengan
berpandukan dalil yang sahih bukan dengan bertaqlid semata-mata.*

Antara imam-imam muktabar dalam akidah bagi umat Islam yang masyhur dan pegangan mereka menjadi mazhab yang diikuti ialah dua orang imam, iaitu Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Pengikut mereka terkenal dengan gelaran Asya'rah dan Maturidiyyah yang merupakan majoriti Ahli Sunnah Wal Jamaah. *Ittiba'* (mengikut) dalam akidah bukan bermaksud taqlid akan tetapi penelitian yang sahih dan kefahaman yang disokong dengan dalil naqli dan aqli. Hal ini kerana *Ittiba'* merupakan persetujuan berlandaskan dalil manakala taqlid pula tanpa berlandaskan dalil.

Adapun dalam ilmu tasawuf dan tarekat, imam yang paling menonjol ialah Imam al-Junaid, Imam 'Abdul Qadir al-Jilani, Imam Ahmad al-Rifa'i dan Imam Abu al-Hasan al-Syazili.

Wajib bagi setiap mukalaf pada setiap masa dan keadaan merujuk ulama muktabar dalam kalangan pengikut mazhab yang empat tentang persoalan-persoalan agama yang tidak diketahuinya. Mereka merupakan ulama yang terkenal dengan ketakwaan, keagamaan, keilmuan dan kewarakaran. Hal ini kerana seorang muslim kadang-kadang tidak mengetahui pandangan yang betul kerana dia bukan dalam kalangan orang yang mampu mengeluarkan hukum daripada dalil dan memahami secara langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah. Maka dia bertanya

kepada orang yang lebih alim dan bertakwa. Tindakannya itu bertepatan dengan anjuran agama, sebagaimana firman Allah ﷺ :

﴿فَسْأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya : «Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui»

[al-Nahl 16 : 43]

Maksud Wali dan Kedudukan Para Auliya' Yang Soleh

Kalimah *al-Wali* (wali) diambil daripada perkataan *al-Wilayah* yang bermaksud *al-Qurb* (dekat), *al-Istifa'* (pemilihan) dan *al-Khususiyah* (keistimewaan). Manakala wali pula adalah seorang yang melakukan ibadat dengan penuh ketaatan kepada Allah ﷺ secara zahir dan hatinya penuh dengan keimanan serta ketakwaan secara batin. Lalu Allah ﷺ memeliharanya daripada melakukan dosa dan mengkhususkannya untuk istiqamah serta berterusan dalam mengingati dan mendekatkan diri kepada-Nya. Firman Allah ﷺ :

﴿وَالَّذِي يَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ إِنَّمَا يُنَزَّلُ مِنْ رَبِّكَ مِنْ حِكْمَةٍ لِّئَلَّا يَكُونُ مِنَ الظَّالِمِينَ﴾

﴿ أَلَا إِنَّ أُولَئِاءِ اللَّهِ لَا حَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ ﴾ۚ أَذْنِينَ عَامَنُوا وَكَانُوا يَتَقْبَرُونَ ﴿٦٣﴾ لَهُمْ
الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾

Maksudnya : «*Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita(62) (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa(63) Untuk mereka sahajalah kebahagiaan yang mengembirakan di dunia dan di akhirat; tidak ada (sebarang perubahan pada janji-janji Allah yang demikian itulah kejayaan yang besar(64)»*

[Yunus 10 : 62-64]

Imam al-Sa'd al-Taftazani mentakrifkan wali sebagai seorang yang *al-'Arif* (mengenal) Allah ﷺ dan segala sifat-Nya serta sentiasa melakukan ketaatan kepada Allah ﷺ , menjauhi maksiat, berpaling daripada hanyut dalam kelazatan duniawi dan keinginan syahwat.

Karamah Para Wali

Adapun dalam perkara-perkara karamah (kemuliaan), maka karamah yang paling besar ialah istiqamah dan menjauhi maksiat scara zahir dan batin bahkan tidak melakukan maksiat sama sekali: Ini sudah pasti perkara yang amat payah serta tidak mampu dilakukan kecuali hanya segelintir manusia yang diberi taufik dan mereka itulah wali yang sebenar.

Adapun karamah dalam erti kata mencarik adat kebiasaan, ini merupakan sesuatu yang harus (boleh berlaku) di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia adalah sabit dan tidak diingkari kerana ia banyak diriwayatkan daripada nas-nas yang sah lagi mutawatir. Antaranya, firman Allah ﷺ yang menceritakan tentang kisah Maryam A.S:

﴿ كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَعْمَرِيمُ أَتَى لَكِ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴾ ٣٧

Maksudnya : «*Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, ia dapati rezeki (buah-buahanan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya: " Wahai Maryam dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?" Maryam menjawab; "Ialah dari*

Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak dikira"»

[Ali 'Imran 3 : 37]

Sebahagian ulama mentafsirkan bahawa rezeki itu ialah makanan daripada Allah ﷺ yang dihidangkan kepada Maryam tanpa perlu berusaha untuk mendapatkannya atau meminta bantuan daripada orang lain. Malah ia adalah rezeki yang semata-mata daripada Allah ﷺ kerana buah-buahan musim panas dihidangkan kepadanya pada musim sejuk. Oleh kerana itulah Nabi Zakaria A.S tertanya-tanya tentang hal tersebut.

Karamah juga berlaku kepada para sahabat RA. Umar bin al Khattab pernah menyeru tenteranya dari Madinah dan panglima tentera mendengar suara Umar sekalipun jaraknya yang jauh. Imam Ahmad bin Hanbal telah meriwayatkan kisah ini dalam kitabnya yang bertajuk *Fadhal al-Sahabah* daripada 'Abdullah bin Umar, bahawa Umar bin al-Khattab telah mengutuskan sepasukan tentera dan melantik seorang lelaki menjadi ketua bernama Sariyah. 'Abdullah bin Umar berkata: Pada suatu hari, ketika Umar bin al-Khattab sedang menyampaikan khutbah, tiba-tiba beliau melaungkan dari atas mimbar : "Wahai Sariyah! Pergi ke gunung! ... Wahai Sariyah! Pergi ke gunung!" 'Abdullah bin Umar

menyambung: Kemudian tiba utusan tentera dan bertanya Umar bin al-Khattab, katanya: Wahai Amir al-Mukminin, kami bertempur dengan tentera musuh dan kami hampir dikalahkan, tiba-tiba ada orang berteriak "Wahai Sariyah! Pergi ke gunung! ... Wahai Sariyah! Pergi ke gunung!" Kami membelakangi gunung, lalu Allah ﷺ menghancurkan mereka.

Kedudukan Doa dalam Islam serta Kesannya dalam Kehidupan Seorang Hamba

Doa merupakan ibadah yang diberikan pahala kepada sesiapa yang melakukannya. Ia akan dimakbulkan jika syarat-syarat penerimaan doa dipenuhi. Antara bentuk penerimaan doa ialah:

1. Hamba itu diberikan apa yang diminta atau lebih baik daripada itu.
2. Hamba itu dihindarkan daripada keburukan setara dengan apa yang diminta atau lebih baik daripada itu atau diringankan daripada musibah yang menimpa.
3. Disimpan pahala dan ganjaran doanya pada hari akhirat.

Doa umpama ubat, adakalanya berkesan dan ada kalanya tidak berkesan. Semuanya atas kehendak Allah ﷺ.

Seorang muslim hendaklah berpegang teguh dengan doa. Ia merupakan santapan rohani, penawar luka, tercapai cita-cita dan harapan dengan doa. Oleh itu, Rasulullah ﷺ bersabda:

((الدُّعَاءُ مُحْكَمٌ فِي الْعِبَادَةِ))

Maksudnya : “*Doa merupakan asas ibadat.*”

[Riwayat al-Tirmidzi]

Doa ialah pengabdian seorang hamba kepada Tuhan Yang Maha Esa. Ia merupakan kemegahan dan kemuliaan di hadapan Allah ﷺ sebagaimana doa itu menjauhkan seseorang hamba daripada menghina diri kepada makhluk.

Terdapat banyak lafaz dan bentuk doa yang boleh digunakan oleh seorang hamba kepada Tuhan Yang Maha Esa. Tiada satu ketetapan lafaz-lafaz doa tertentu yang wajib dibaca oleh orang beriman. Terdapat lafaz-lafaz doa yang digunakan oleh para Nabi yang disebut dalam Quran serta doa yang diajar oleh Nabi Muhammad ﷺ seperti yang

disebut dalam kitab *al-Azkar* karangan imam al-Nawawi. Selain itu, terdapat juga lafaz doa daripada susunan wali-wali dan orang soleh seperti wirid-wirid dari kumpulan zikir serta lafaz doa diucapkan oleh orang Islam berdasarkan kemampuan dan tahap ilmunya. Memadai Allah ﷺ menggalakkan orang mukmin supaya berdoa dalam suruhan yang berbentuk umum. Firman Allah ﷺ :

﴿ وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُحِبُّ دَعْوَةَ الْمَدْعَعِ إِذَا دَعَانِ فَلَيَسْتَجِيبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴾
[186]

Maksudnya : «Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul»

[al-Baqarah 2 : 186]

Definisi Roh

Seorang muslim wajib beriktikad dengan kewujudan roh kerana al-Quran dan al-Sunnah telah memberitahu tentangnya. Namun kita menyerahkan pengetahuan tentang hakikat roh kepada Allah

بِحَمْدِ اللَّهِ .

Firman Allah ﷺ :

﴿ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ فُلِّ الرُّوحٍ أَمْرٌ رَّبِّيٌّ وَمَا أُوتِيتُمْ مِّنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴾ ﴿ ٨٥﴾

Maksudnya : «*Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja"*»

[al-Isra' 17 : 85]

Beriman kepada Malaikat dan kitab-kitab Samawi

Orang mukmin wajib beriman bahawa Allah ﷺ mempunyai para Malaikat yang dekat dengan-Nya. Dan Allah memutuskan kitab kepada Rasul-rasul sebelumnya.

Telah sabit nas dalil dari al-Quran dan al-Sunnah Nabawi. Firman Allah ﷺ :

﴿اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلِّئَكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ﴾ ٧٥

Maksudnya : «Allah memilih utusan-utusan-Nya dari malaikat dan dari manusia; Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui»

[al-Hajj 22 : 75]

﴿لَكِنَّ اللَّهَ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَهُ وَعِلْمِهِ وَالْمَلِّئَكَةُ يَشْهُدُونَ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا﴾ ٦٦

Maksudnya : «(Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran Al-Quran yang telah diturunkan-Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu-

Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran Al-Quran ini)»

[Nisa' 4 : 166]

﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلِّيْكَةٌ ﴾
﴿ غِلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَعْلَمُونَ مَا يُؤْمِرُونَ ﴾ ٦

Maksudnya : «Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan»

[Tahrim 66 : 6]

﴿ ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ بِاللَّهِ وَمَلِّيْكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا
نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا عُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴾ ٢٨

Maksudnya : «Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhan, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-

rasulnya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali"»

[al-Baqarah 2 : 285]

﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلٍ وَمَنْ يَكُفُرْ بِاللَّهِ وَمَلِكِتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴾ ٣٦

Maksudnya : «*Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad ﷺ), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh»*

[Nisa' 3 : 136]

((جاءَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ ، فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ : مَا إِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَكِتِهِ وَكُتُبِهِ وَبِلِقَائِهِ وَرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بالبَعْثِ))

Maksudnya : "Dari Abu Hurairah berkata; bahwa Nabi ﷺ pada suatu hari muncul kepada para sahabat, lalu datang Malaikat Jibril A.S yang kemudian bertanya: "Apakah iman itu?" Nabi ﷺ menjawab: "Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, pertemuan dengan-Nya, Rasul-Rasul-Nya, dan kamu beriman kepada hari berbangkit"

Dalil-dalil pada bab ini sangat banyak dan beriman dengan kandungannya adalah wajib ke atas setiap mukalaf.

Hukum Beriman Dengan Pertanyaan Dua Malaikat Dalam Kubur

Seorang muslim wajib beriman dengan pertanyaan Munkar dan Nakir kepada manusia dalam kubur selepas mereka dikebumikan sebagaimana yang diriwayatkan daripada hadis-hadis Nabi ﷺ yang mulia.

Antaranya hadis riwayat Abu Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((إِذَا قَبَرَ الْمَيِّتُ أَوْ قَالَ أَحَدُكُمْ أَتَاهُ مَلَكَانِ أَسْوَادَانِ أَزْرَقَانِ يُقَالُ لِأَحَدِهِمَا الْمُنْكَرُ وَالآخَرُ التَّكِيرُ، فَيَقُولانِ : مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ ، فَيَقُولُ مَا كَانَ يَقُولُ : هُوَ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ فَيَقُولانِ لَهُ إِنْ كُنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّكَ لَتَقُولُ ذَلِكَ، ثُمَّ يُفْسَحُ لَهُ فِي قَبْرِهِ سَبْعِينَ ذِرَاعًا فِي سَبْعِينَ ذِرَاعًا وَيُنَورُ لَهُ فِيهِ، فَيُقَالُ لَهُ نَمْ، فَيَنَامُ كَنْوُمُ الْعَرْوِسِ الَّذِي لَا يُوقِظُهُ إِلَّا أَحَبُّ أَهْلِهِ حَتَّى يَبْعَثَهُ اللَّهُ مِنْ مَضْجَعِهِ ذَلِكَ))

Maksudnya : “Apabila jenazah (atau seseorang daripada kamu) telah dikuburkan, dua orang malaikat yang bertubuh hitam dan mata kebiru-biruan datang kepadanya, salah satu daripada keduanya dikenali dengan Malaikat Munkar dan satu lagi dengan Malaikat Nakir: Kedua-duanya berkata: “Apakah yang hendak engkau katakan mengenai lelaki ini (Nabi Muhammad ﷺ)?” Si mati berkata: “Baginda ialah hamba Allah dan utusan-Nya. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu adalah hamba-Nya dan utusan-Nya. “Kedua-duanya berkata: “Sungguh, kami telah tahu bahawa engkau akan mengatakan demikian itu.” Kemudian dilapangkan baginya di dalam kuburnya 70 hasta kali 70 hasta. Kemudian dia diterangi cahaya di dalamnya. Kemudian, dikatakan kepadanya: “Tidurlah engkau.” Dia berkata bolehkah aku kembali kepada keluargaku untuk memberi khabar kepada mereka? Dua-dua malaikat tersebut menjawab tidurlah engkau seperti tidurnya

pengantin yang tidak dibangunkan kecuali oleh ahli keluarga yang paling dicintainya, sehingga Allah membangkitkan daripada pembaringannya itu.

Sekiranya jenazah tersebut adalah seorang munafik, dia berkata : "Aku mendengar orang mengatakan (suatu perkataan) lalu aku pun mengatakan seperti mereka, Aku tidak tahu. "Kedua-dua malaikat tersebut berkata : "Sesungguhnya kami telah mengetahui bahawa engkau akan berkata sedemikian." Lalu dikatakan kepada bumi: "Himpitlah orang munafik itu." Lalu bumi pun menghimpitnya hingga tulang-tulang rusuknya saling berselisih, maka dia terus diseksa di dalamnya sehingga Allah membangkitkannya dari pembaringannya itu."

[Riwayat al-Tirmidzi]

Seksaan Dan Nikmat Kubur

Seorang muslim wajib beriman dengan nikmat yang diperolehi oleh orang mukmin di dalam kubur. Begitu juga seksaan yang dialami oleh orang kafir dan orang yang melakukan maksiat di dalam kubur. Firman Allah ﷺ :

﴿فَوَقَدْهُ اللَّهُ سَيِّئَاتٍ مَا مَكَرُوا وَحَاقَ بِإِلٰلٍ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ ﴾ۚ أَثَارُ يُعَرِّضُونَ عَلَيْهَا غُدُوا
وَعَشِيشًا وَيَوْمَ تَقُومُ الْسَّاعَةُ أَدْخِلُوا إِلَّا فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴾ۖ﴾

Maksudnya : «(Dengan keikhlasannya dan penyerahan dirinya kepada Allah) maka ia diselamatkan oleh Allah dari angkara tipu daya mereka; dan Firaun bersama-sama kaumnya ditimpa azab seksa yang seburuk-buruknya(45) Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"(46)»

[Ghafir 40 : 45-46]

Sekiranya orang kafir boleh diazab di dalam kubur, begitu juga bagi orang beriman boleh mendapat nikmat.

Setiap orang Islam seharusnya bersegera dalam melakukan amal soleh untuk menghindari daripada azab kubur. Kemuncak amal soleh ialah beriman kepada Allah ﷺ, para malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari kiamat serta takdir sama ada baik atau buruk. Dia hendaklah melakukan amalan-amalan seperti solat, puasa, zakat dan menunaikan segala kewajipan. Justeru sikap bertangguh-tangguh dalam menunaikan amalan wajib akan menyebabkan dia menerima balasan dan dipersoalkan di akhirat.

Hukum Beriman Dengan Hari Kebangkitan, Perhimpunan Mahsyar, Hisab Dan Perkara-Perkara Ghaib Di Hari Kiamat

Seorang muslim wajib beriman dengan perkara-perkara ghaib yang akan berlaku pada hari kiamat sebagaimana yang disebut dalam al-Quran, al-Sunnah serta yang diisyaratkan dalam dalil-dalil yang sahih. Ini adalah sebahagian daripada maksud beriman kepada perkara ghaib yang Allah ﷺ memuji orang beriman kerana meyakininya. Berdasarkan firman Allah ﷺ :

﴿ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ ﴾ۚ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴾۝ ۝

Maksudnya : «*Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwah;(2) Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka(3)»*

[al-Baqarah 2 : 2-3]

Memperakui akan apa yang terkandung dalam nas-nas syarak ialah modal seorang mukmin dan bukti keimanannya kerana syurga, neraka dan hari kiamat itu kesemuanya merupakan perkara ghaib.

Sewajarnya bagi mukalaf mengetahui bahawa akal manusia dan dalil aqli tidak mempunyai hak untuk membincangkan perkara-perkara ghaib sama ada untuk menolak atau menerima sesuatu perkara. Sesungguhnya akal terbatas untuk membuktikan keharusan wujudnya perkara-perkara yang ghaib. Contohnya akal boleh menerima keharusan azab dalam kubur, keharusan berlakunya kebangkitan, perhimpunan mahsyar, hisab, titian sirat dan wujudnya syurga serta neraka. Namun ia perlu disusuli dengan dalil syarak sebagai pengesahan dan penetapan.

Antara Perkara Ghaib Yang Disebut Dalam Nas-Nas Syarak Dan Wajib Diyakini :

1) *Al-Ba'thu* : dihidupkan orang mati dan dibangkitkan dari kubur mereka selepas kematian. Firman Allah ﷺ :

﴿يَأَيُّهَا الْنَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْعَةٍ مُخْلَقَةٍ وَغَيْرِ مُخْلَقَةٍ لِّتُبَيِّنَ لَكُمْ ﴾ ٥٠

Maksudnya : «Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami) »

[al-Hajj 22 : 5]

2) *Al-Hasyru* : (Dihimpunkan) semua manusia selepas dibangkitkan dari kubur untuk dihisab amalan. Firman Allah ﷺ :

﴿وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴾ ٦٣

Maksudnya : «*Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya»*

[al-Baqarah 2: 203]

Dan Allah ﷺ juga berfirman :

﴿ وَهُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴾ ٧٩

Maksudnya : «Dan Dia lah yang menciptakan serta mengembangkan kamu di bumi, dan kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan»

[al-Mukminun 23 : 79]

3) *Al-Hisab* : Allah ﷺ menahan hamba-hamba sebelum mereka meninggalkan padang mahsyar, untuk dihisab serta dihitung amal perbuatan, kata-kata dan itikad mereka. Firman Allah ﷺ :

﴿ وَقَالَ مُوسَىٰ إِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمْ مَنْ كُلُّ مُتَكَبِّرٍ لَا يُؤْمِنُ بِيَوْمِ الْحِسَابِ ﴾ ٦٧

Maksudnya : «*Dan (setelah mendengar ancaman itu) Nabi Musa berkata: "Sesungguhnya aku berlindung kepadanya Tuhanku dan*

*Tuhan kamu - dari (angkara) tiap-tiap orang yang sompong takbur,
yang tidak beriman kepada hari hitungan amal!"»*

[Ghafir 40 : 27]

Seorang muslim wajib beriman kepada hari kiamat sepetimana wajib beriman dengan tanda-tanda hampir berlakunya kiamat yang disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Seorang Muslim juga wajib beriman bahawa semua hamba akan menerima catatan amalan mereka. Wajib beriman kepada timbangan amal baik dan buruk sebagaimana wajib beriman kepada wujudnya mizan (alat timbangan) yang akan menimbang amalan pada hari kiamat.

Seorang muslim juga wajib beriman kepada wujudnya titian sirat, Arasy, *al-Kursi*, *al-Qalam*, Luh Mahfuz dan malaikat yang mencatat amalan hamba di samping menyerahkan hakikat sebenar perkara ini kepada Allah ﷺ .

Seorang muslim juga wajib beriman kepada syurga dan neraka. Kedua-duanya ialah makhluk ciptaan Allah ﷺ yang tidak musnah dan tidak binasa serta setiap kedua-duanya mempunyai penghuni masing-masing.

Seorang muslim juga wajib beriman kepada telaga dan syafaat Nabi ﷺ .

Hukum Melakukan Dosa Tanpa Bertaubat

Pada asalnya, dosa walau sebesar mana pun, ia tidak akan menyebabkan pelakunya menjadi kafir melainkan dia menghalalkan dosa tersebut tanpa keraguan atau dosa itu sendiri yang menjadikan pelakunya kafir seperti menghina al-Quran.

Sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan beriman tanpa sempat bertaubat, maka kita serahkan urusannya kepada Allah ﷺ. Kita berpegang bahawa orang yang beriman tidak kekal di dalam neraka kerana dosa- dosanya. Justeru, kita tidak boleh mendakwa bahawa dia akan diazab atau diampunkan dosanya. Taubat itu wajib disegerakan bagi setiap dosa yang dilakukan dengan meninggalkan maksiat, menyesali perbuatannya dan berazam untuk tidak kembali melakukannya serta mengembalikan hak-hak kepada pemiliknya yang asal.

Perkara yang telah dibincangkan dalam bab ketiga ini merupakan perkara *sam'iyyat* yang masyhur, perkara-perkara ghaib yang wajib diketahui oleh setiap mukalaf dan setiap perkara ini

mempunyai dalil yang terperinci daripada Al-Quran dan al-Sunnah.

PENUTUP

Penyataan Sebahagian Permasalahan Fiqh dan Biografi sebahagian Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah

Kami menyatakan dalam penutup kitab ini sebahagian permasalahan yang terdapat kesesatan berleluasa melalui lidah-lidah sebahagian manusia tanpa hak menurut neraca syariat Islam. Ini kerana mereka mendakwa bahawa permasalahan tersebut ialah permasalahan akidah dan sebarang percanggahan dalamnya akan mengakibatkan *takfir* (kufur). Hal ini merupakan kesalahan daripada mereka dan berlawanan dengan pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kami menyatakan permasalahan ini untuk menerangkan hakikat dan perinciannya dengan neraca timbangan Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada ahli mazhab-mazhab yang muktabar, menjelaskan bahawa ia daripada permasalahan fiqh yang berlaku percanggahan antara halal dan haram bukan percanggahan antara kufur dan iman.

Sebahagian ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah melakukan sedemikian ketika menyatakan permasalahan *al-Imamah al-Uzma* (kepimpinan tertinggi) merupakan permasalahan fiqh dalam kitab-kitab akidah. Hal ini kerana sebahagian mereka yang bercanggah mendakwa ia daripada permasalahan usul al-din

(asas-asas agama), mengingkarinya menyebabkan takfir (kufur) dan terkeluar daripada agama. Kami memohon kepada Allah ﷺ agar perbahasan ini menjadi pencerahan kepada hakikat segala permasalahan ini tanpa melampaui batas.

Pertama : Hukum Mengkafirkan Muslimin

Seorang muslim hendaklah mengetahui bahawa mengkafirkan seseorang muslim ialah sebesar-besar dosa. Oleh itu, haram mengkafirkan seseorang muslim yang beriman dengan Allah ﷺ

dan rasul-Nya serta hari akhirat. Sesungguhnya Nabi ﷺ memperingatkan kita dalam khutbah wada' (perpisahan) tentang bahaya mengkafirkan orang dan perpecahan serta pertumpahan darah akibat daripada perbuatan tersebut. Baginda ﷺ bersabda:

((فَإِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى قَدْ حَرَمَ عَلَيْكُمْ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَغْرَاضَكُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا، كَحْرَمَةٌ يَوْمٍ كُمْ هَذَا، فِي بَلَدِكُمْ هَذَا، أَلَا هُلْ بَلَغْتَ ثَلَاثًا كُلُّ ذَلِكَ يُحِبِّبُونَهُ : أَلَا نَعَمْ - قَالَ "وَيْحَكُمْ، أَوْ وَيْلَكُمْ، لَا تَرْجِعُنَّ بَعْدِي كُفَّارًا، يَضْرِبُ بَعْضُكُمْ رِقَابَ بَعْضٍ"))

Maksudnya : Allah ﷺ telah mengharamkan darahmu, hartamu dan kehormatanmu kecuali dengan tujuan hak, sebagaimana

kesucian hari ini, di negeri ini, di bulan ini, adakah kamu sudah menyampaikannya? Pertanyaan ini diulang sebanyak tiga kali sehingga mereka semua menjawabnya: Ya, sudah. Nabi ﷺ bersabda: "(Dan putuskanlah) atau celakalah kamu, janganlah kamu kembali kepada orang kafir sesudah pemergianku di mana sebahagian kamu memenggal leher sebahagian yang lain."

[Riwayat al-Bukhari]

Oleh itu, Islam memelihara darah, harta dan maruah umat Islam serta menetapkan bahawa sesiapa yang mengucap dua kalimah Syahadah dan berpegang dengan hukum-hakam Islam, maka dia ialah muslim. Nabi ﷺ bersabda :

((مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلَ قِبْلَتَنَا وَأَكَلَ ذِيْحَنَنَا فَذَاكُمُ الْمُسْلِمُ لَهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَذِمَّةُ رَسُولِهِ فَلَا تُخْفِرُوا اللَّهَ فِي ذِمَّتِهِ))

Maksudnya : "Sesiapa yang menunaikan solat seperti solat kami, menghadap ke arah kiblat kami, makan sembelihan kami, maka dia ialah muslim; baginya perlindungan Allah ﷺ dan perlindungan rasul-Nya. Oleh itu, jangan mengkhianati perlindungan-Nya."

[Riwayat al-Bukhari]

Kedua : Hukum Tidak Mengkafirkan Orang Kafir

Iman adalah mempercayai dengan kalimah syahadah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ (Tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad pesuruh Allah), hal ini menuntut penafian setiap perkara yang bercanggahan dengan kalimah syahadah.

Al-Kufr (kufur) ialah pembohongan penentangan atau meredai kekufturan atau jahil secara sempurna mengenai penyaksian *Tauhid*.

Oleh itu, orang mukmin yang tetap dengan penyaksian *Tauhid* dalam hidupnya dan berpegang secara pasti dengan hatinya, maka dia ialah orang mukmin yang berjaya di sisi Allah ﷺ .

Orang mukmin yang bersaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah ﷺ dan Muhammad ﷺ pesuruh Allah ﷺ , mempercayai setiap perkara yang sedia maklum dalam agama, sebagaimana jika seseorang mengetahui sesuatu perkara dalam agama, dia segera memberitahu dan mematuhinya. Seseorang mukmin itu tidak wajib masuk ke dalam perkara yang lebih daripada itu, seperti menyelidik permasalahan al-Takfir (mengkafirkan seseorang) atau menyebut mengenainya bagi pihak individu atau kelompok

tertentu. Sekiranya seseorang mukmin hidup dengan mengucapkan dua kalimah syahadah kemudian mati atas pegangan itu, tanpa dia mengkafirkan seseorang kerana tidak merasakan begitu sama sekali, tidak terlintas di fikirannya atau tidak menyebut untuk mengkafirkan seseorang maka dia seorang mukmin yang berjaya di sisi Allah ﷺ.

Sementara itu, sesiapa yang reda akan kekuatan orang kafir yang telah ditetapkan oleh Allah ﷺ, tidak menghukum kekafiran mereka atau meragui perkara tersebut sedangkan dia tahu bahawa Allah ﷺ menghukum mereka sebagai kafir, maka tidak masuk akal jika dia seorang mukmin kerana dia mendustakan Allah ﷺ dan rasul-Nya serta meredai akan kekuatan dan tidak diterima dakwaan iman daripadanya.

Kami meletakkan permasalahan ini dalam kitab kerana sebahagian orang daripada ahli *al-Ghuluw* (melampau) beranggapan mengkafirkan sesetengah orang yang lain sama ada sememangnya kafir atau tidak, kemudian mendakwa sesiapa yang menghalang kekafiran orang itu maka dia juga kafir. Mereka berpendapat sesiapa yang tidak mengkafirkan orang kafir maka dia kafir. Kami menyatakan permasalahan ini untuk para mukalaf mengetahui bahawa dia tidak diwajibkan untuk mengafirkan sesiapa. Hal ini

diserahkan kepada ahlinya dalam kalangan orang yang mengetahui hakikat sesuatu perkara dan batas-batas permasalahan syarak.

Ketiga : Hukum Penyembelihan Bukan kerana Allah ﷺ

Sebahagian manusia ada melakukan penyembelihan bukan kerana Allah ﷺ bahkan semata-mata memuliakan seseorang, mengagungkannya atau penghormatan untuknya. Oleh itu, apakah hukum perbuatan ini di sisi ulama fiqh?

Tuntasnya, orang yang melakukan perbuatan tersebut tidak dihukumkan kafir melainkan penyembelihan tersebut diiringi dengan perkara yang berunsur kufur seperti menyembah selain Allah ﷺ atau mengagungkan seseorang yang dijalankan sembelihan untuknya dengan berunsurkan ketuhanan dan mengimani sifat ketuhanannya, ini ialah pendapat yang dipegang oleh ulama fiqh.

Imam al-Rafi'i al-Syafi'i berkata, seseorang muslim jika menyembelih kerana Kaabah atau rasul ﷺ maka pendapat kuat menyatakan penyembelihan tersebut haram kerana dia

menyembelih bukan kerana Allah ﷺ.¹ Imam al-Nawawi juga berpendapat sebegini.²

Menurut Imam al-Nawawi, penyembelihan untuk sesuatu yang disembah dengan nama-Nya kedudukannya sama seperti sujud kepadanya. Setiap satu daripada kedua-duanya adalah salah satu bentuk pengagungan dan ibadah yang khusus kepada Allah ﷺ yang selayaknya untuk disembah. Oleh itu sesiapa yang menyembelih demi selain-Nya sama ada haiwan atau objek seperti berhala dengan tujuan pengagungan dan penyembahan, maka sembelihannya tidak halal dan perbuatannya dikira kufur sebagaimana orang yang sujud selain Allah ﷺ untuk beribadah juga seperti orang yang menyembelih kerana Allah ﷺ dan selain-Nya untuk tujuan yang sama (ibadah).

Adapun sekiranya seseorang itu menyembelih kerana selain-Nya bukan tujuan ibadah seperti melaksanakan ibadah korban atau penyembelihan untuk kaabah dengan tujuan mengagungkannya kerana ia adalah rumah Allah ﷺ (Baitullah), atau penyembelihan

¹ Al-Rafi'I, Abu Qasim Abdul Karim bin Muhammad al-Qazwiniy, (623H), *Al-Aziz syarh al-Wajiz al-Ma'ruf bi al-Syarh al-Kabir*. Cet ke-1. (Tahqiq Ali Aoud dan Adil Abdul Maujud). (Jilid 12), Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah 1417H. hlm. 84.

² Al-Nawawi, (t.t). *Raudhah al-Talibin*. Jilid 3. Hlm. 205.

kerana Rasul ﷺ disebabkan Baginda ﷺ utusan Allah ﷺ , maka perbuatan ini tidak menghalang penyembelihan itu menjadi halal. Hal ini sama seperti orang yang mengucapkan: “aku melakukan ibadah korban untuk tanah haram atau kaabah”. Begitu juga penyembelihan ketika menyambut kedatangan sultan, ia merupakan tanda gembira dengan kehadirannya sebagaimana sembelihan akikah sempena kelahiran anak. Segala contoh ini tidak menyebabkan kufur, begitu juga perbuatan sujud kepada orang lain sebagai tanda hormat dan rendah diri. Ini juga pendapat Imam al-Rafi'i.

Apabila diamati teks-teks ini dan selainnya yang telah dinyatakan oleh para ulama fiqh, kita dapat simpulkan bahawa penyembelihan untuk selain Allah ﷺ mempunyai tahap-tahap seperti berikut :

Tahap Pertama : Penyembelihan dilakukan kerana selain Allah sebagai ibadah kepada pekara tersebut, maka perbuatan ini adalah haram dan kufur serta tidak boleh dimakan daging haiwan yang disembelih dengan niat ini.

Tahap Kedua : Penyembelihan yang dilakukan selain daripada Allah yang bertujuan untuk memuliakan pekara tersebut dengan menyandarkan kepada Allah ﷺ . Contohnya, penyembelihan

yang dilakukan kepada Ka'bah iaitu Baitullah, maka perbuatan ini tidak haram dan tiada larangan untuk memakan daging haiwan tersebut.

Tahap Ketiga : Penyembelihan selain kepada Allah ﷺ dengan bertujuan untuk menghormati pekara tersebut tanpa disandarkan kepada Allah ﷺ. Contohnya, penyembelihan kepada seseorang yang istimewa sebagai tanda penghormatan tanpa tujuan ibadah, maka perbuatan ini tidak dihukumkan kufur akan tetapi perbuatan ini haram dan tidak boleh dimakan daging haiwan sembelihan tersebut.

Pemahaman terhadap teks-teks fiqh yang terkandung dalam kitab-kitab fiqh perlulah diperhatikan dengan lebih mendalam antara tahap-tahapnya, Wallahu ta'ala a'lam.

Fuqaha membezakan antara maksiat dengan kufur, maka penyembelihan untuk selain Allah ﷺ tidak menjadi kufur melainkan ia dilakukan untuk penyembahan sesuatu yang dijalankan penyembelihan untuknya. Selain itu, penyembelihan untuk tujuan pengagungan dan penghormatan, maka tidak menjadi kufur sebaliknya perbuatan itu haram dan penyembelihan itu tidak halal namun tidak membawa kepada kekufuran.

Kesemua hukum ini kembali kepada dasar bahawa iman ialah kepercayaan manakala kufur ialah pendustaan. Oleh itu, seseorang muslim tidak akan terkeluar daripada Islam disebabkan dosa atau maksiat, bahkan tidak ada yang akan mengeluarkannya melainkan pegangan hatinya yang menafikan keimanan kepada Allah ﷺ dan Rasul-Nya ﷺ .

Dengan jalan yang terbaik ini, para mukalaf berada atas landasan yang benar dari segi pegangan, perbuatan, hubungan sesama muslim dan kefahamannya tentang perbuatan-perbuatan dan tingkah laku mereka, maka dia berdiri atas bukti yang kukuh dan tidak terjebak dalam kesamaran *al-Takfir*(mengkafirkan seseorang) dengan cara yang salah.

Keempat : Hukum Tawaf di Kubur

Perkara pertama yang perlu diketahui bahawa umat Islam pada asasnya mentauhidkan Allah ﷺ . Kita tidak boleh menganggap mereka menyembah selain daripada Allah ﷺ . Sekiranya sebahagian umat Islam melakukan pelanggaran syariat atau maksiat berdasarkan kehendak nafsu, syubhah atau kejahilan,

maka kita perlu mendapatkan bukti yang nyata dan tidak cepat mengkafirkan dan membidaahkan mereka.

Kita pernah menyaksikan perbuatan yang menyerupai tawaf di sekeliling kubur pada sebahagian tempat. Pada hakikatnya, ia adalah kaedah susunan untuk orang yang datang ziarah. Perbuatan ini berlaku di tempat-tempat tertentu yang menjadi adat kebiasaan mereka seakan-akan tawaf di kubur. Hal ini memerlukan penjelasan fuqaha mengenai hukum perbuatan tersebut.

Ketika meneliti pandangan-pandangan fuqaha Ahli Sunnah Wal Jamaah, kami dapati hukum perbuatan itu berlegar antara haram dengan makruh. Menurut satu pandangan mazhab Hanbali adalah makruh dan haram menurut pandangan majoriti ulama. Tidak ada seorang pun dalam kalangan mereka yang menghukumkan kafir kerana permasalahan ini berkaitan hukum fiqh, bukan aqidah sebagaimana yang sedia maklum. Tidak boleh dihukum kafir melainkan jika perbuatan tersebut diiringi dengan sebab yang membawa kepada kekufuran dari segi iktikad (pegangan). Contohnya, melakukan tawaf kubur bertujuan menyembah pemilik kubur dengan iktikad menyekutukan Allah ﷺ pada sembahannya atau sembahannya memiliki salah satu daripada sifat-sifat ketuhanan yang tidak terlintas di fikiran umat islam.

Berikut merupakan sebahagian daripada nukilan pandangan mazhab-mazhab fiqh berkaitan hukum tawaf di kubur:

I. Imam Ibnu Naqib al-Syafi'I berkata: "*Haram bertawaf di kubur, makruh bersandar dengan belakang badan dan perut dan tidak boleh mencium dan menyentuhnya.*"¹

II. Al-Faqih al-Hajawiy al-Hanbali berkata: "*Makruh tidur (bermalam) di sisi kubur, menampal plaster, menghias, memasang lingkaran, mencium, tawaf, mewangi, menulis atas kertas dan memasukkan ke dalam lubang, berubat dengan tanahnya daripada kesakitan, menulis ke atasnya, duduk dan bersetubuh di atasnya, menurut pandangan sebahagian ulama, melainkan ada keperluan, bersandar padanya, haram menghiasi atas kubur dan juga menghiasi kawasan di antara kubur-kubur.*"²

¹ Ibnu al-Naqib, Abu al-Abbas Ahmad bin Lu'lu' (769H), *Umdah al-Salik wa Uddah al-Nasik*. Cet ke-1. Qatar: al-Syuun al-Diniyah. 1982M, hlm. 145.

² Al-Hajawiy, Musa bin Hmad al-Salihiy, (968H), *Al-Iqna' fi Fiqh al-imam Ahmad bin Hanbal*, (Tahqiq Abdul Latif al-Subki). (Jilid 1). Beirut: Dar al-Makrifah. Hlm. 233.

III. Al-Syeikh Mari'i al-Hanbali berkata: "*Makruh mencantikkan, mewangikan, menghiaskan, mencium kubur, tawaf sekeliling kubur dan bersandar padanya.*"¹

Semua nukilan berkenaan perbahasan ini tidak dinyatakan hukum kafir, tetapi apa yang dinyatakan ialah hukum haram atau makruh.

Kelima : Hukum Bersumpah dengan selain Allah ﷺ

Tidak boleh mengkafirkan orang yang bersumpah dengan selain Allah ﷺ . Ini kerana seberat-berat hukum yang boleh dikenakan ke atas perbuatan tersebut adalah haram di sisi syarak sebagaimana yang telah dijelaskan oleh fuqaha.

Imam al-Nawawi berkata: "*Bersumpah dengan makhluk seperti nabi, kaabah, sahabat, dan ahli keluarga nabi adalah makruh.*"

Imam al-Syafi'i berkata: "*Aku takut perbuatan bersumpah selain Allah ﷺ menjadi maksiat.*" Menurut ulama-ulama mutaqaddimin mazhab syafi'i, perbuatan tersebut haram dan berdosa serta beliau

¹ Al-Karamiy, Mari'i bin Yusuf al-Hanbali, (1033H), *Dalil al-Talib li Nail al-Matalib*, cet. ke-1, (Tahqiq Abu Qutaibah al-Fariyabiy), Dar Taybah li Nashr wa Tauzi', al-Riyadh. 1425H (2004), hlm. 71.

(Imam Syafi'i) menggambarkan rasa ragu-ragu padanya (sumpah) serta wajib bertaubat.

Menurut Imam al-Juwaini, pandangan yang muktamad dalam mazhab (Syafi'i) perbuatan bersumpah dengan selain Allah ﷺ adalah makruh dan tidak haram. Sesiapa yang bersumpah dengan makhluk tidak dikira sumpah tersebut dan tidak dikenakan kafarah jika dilanggar. Para ulama mutaqaddimin berkata: *'Jika orang yang bersumpah dengan sesuatu yang disumpah dengan unsur pengagungan sepetimana mengagungkan Allah ﷺ, maka jatuh kafir.'*

Kesimpulannya, hukum bersumpah dengan selain Allah ﷺ berlegar antara hukum haram dan makruh. Perkara ini tidak menjadi sebab seseorang itu dihukum kafir melainkan jika sumpah tersebut digandingkan dengan perkara yang menyebabkan kufur. Misalnya, sumpah yang disertakan dengan unsur pengagungan kepada sesuatu dalam bentuk ketuhanan dan beriktikad bahawa sesuatu yang dijadikan sumpah itu berkongsi sifat dengan Allah ﷺ. Perkara ini antara yang tidak terlintas di fikiran seorang muslim.

Syeikh Zakaria al-Ansari berkata: “*Jika orang yang bersumpah beriktikad bahawa mengagungkan sesuatu itu sama seperti mengagungkan Allah ﷺ maka dia jatuh kufur*”. Hal ini seperti yang diriwayatkan oleh al-Hakim: “*Sesiapa yang bersumpah dengan selain Allah ﷺ maka dia telah kufur*”. Manakala seseorang yang bersumpah secara tidak sengaja dan tanpa niat, maka hukumnya tidak makruh dan sumpahnya dianggap sia-sia. Perkara ini ada dinyatakan dalam Riwayat al-Bukhari dan Muslim berkenaan kisah orang Arab Badwi yang berkata: “*Aku tidak akan menambah dan mengurangkan,*” Nabi ﷺ bersabda, “Demi Bapanya , jika dia benar (melakukannya).”¹

Keenam : Hukum Bertawasul

Tawasul dengan para nabi, wali Allah ﷺ , solihin dan amalan soleh tiada pertikaian menurut hukum syarak. Amalan ini harus di sisi para ulama berdasarkan firman Allah ﷺ secara umum:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقُولُوا أَنَّ اللَّهَ وَابْنَهُ وَالْمَلَائِكَةَ مُعَذِّبُو نَاسٍ ۝ ۲۵﴾

¹ “Demi Bapanya”: menurut sebahagian para ulama, ungkapan sumpah ini bukan tujuan bersumpah dan ia menjadi adat kebiasaan masyarakat Arab ketika itu.

Maksudnya : «*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.*»

[al-Maidah 5 : 35]

Antara fatwa mazhab-mazhab fiqh yang mengharuskan amalan tawassul sepetimana yang termaktub dalam kitab *Hasyiah Ibn 'Abidin*, pengarangnya merupakan salah seorang daripada ulama mazhab Hanafi, kata beliau: “Tawassul dianggap sebahagian daripada adab-adab dalam berdoa memohon perlindungan” dan terdapat riwayat; “Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu dengan kebenaran orang yang meminta kepada-Mu dan dengan kebenaran laluan untuk sampai kepada-Mu ini kerana sesungguhnya aku tidak keluar dalam keadaan sombong dan angkuh”.¹

Perkara ini juga dijelaskan oleh imam al-Kharasyi, salah seorang ulama mazhab Maliki dalam karyanya *Syarh al-Kharasyi*, kata beliau, “Adapun bertawassul dengan makhluk adalah harus.”

¹ Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1252H), *Radd al-Mukhtar 'Ala al-Dar al-Mukhtar*, Ed 3, Beirut: Dar al-Fikr. 1413/1992M. Jilid 6 hlm 242.

Namun jika bersumpah dengan nama Allah ﷺ di dalam doa (bertawasul) dengan sebahagian makhluk-makhluk-Nya seperti “Ampunilah aku ya Allah dengan kebenaran Nabi Muhammad ﷺ”, maka ia khusus dengan nabi ﷺ .

Berdasarkan penjelasan di atas, mengapakah isu tawassul ini membawa kepada mengkafirkan sedangkan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah hampir bersepakat dalam keharusannya meskipun pandangan ini tidak mencapai status ijmak.

Ini adalah teks dari kitab "*Al-Majmu' Syarh al-Muhadzab* (274/8)" oleh para ulama Mazhab Syafie:

“Kemudian, dia kembali ke tempatnya semula, berhadapan dengan wajah Rasulullah ﷺ, bertawassul agar diberi syafaat oleh sebab baginda supaya sampai kepada Tuhan yang Maha Suci lagi Maha Tinggi. Antara yang terbaik yang dikatakan, sebagaimana yang diceritakan oleh al-Mawardi dan al-Qadhi Abu al-Tayyib, dan semua sahabat-sahabat kami dari al-'Utbi, dia berkata: “*Aku duduk berdekatan kubur Rasulullah ﷺ lalu datang seorang Badwi dan berkata: “Salam sejahtera atas engkau wahai Rasulullah ﷺ*, aku mendengar Allah ﷺ berfirman:

﴿ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفِرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَابًا رَّحِيمًا ﴾

Maksudnya : «*Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah. Dan kalaullah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani»*

[Surah Nisa' 4 : 64]

Aku telah datang kepadamu memohon ampun atas dosaku, memohon syafaat denganmu kepadaku.” Kemudian satu syair berkata :

يَا خَيْرَ مَنْ دَفَنَتْ بِالْقَاعِ أَعْظَمُهُ

فَطَابَ مِنْ طَيْبِهِنَ الْقَاعُ وَالْأَكْمَ

نَفْسِي الْفَدَاءُ لِقَبْرِ أَنْتَ سَاكِنُهُ

فِيهِ الْعَفَافُ وَفِيهِ الْجُودُ وَالْكَرَمُ

Wahai yang terbaik yang ditanamkan di dasar, baunya menyegarkan, dan menjadi harum dari bauan di dasar dan di permukaannya.

Jiwa ini rela dijadikan tebusan untuk kuburmu, tempat di mana kehormatan, kemurahan, dan kemurahan hati bersarang di dalamnya.

Kemudian dia beredar, dan mataku membawa aku melihat Nabi ﷺ dalam mimpi. Beliau bersabda: “*Wahai 'Utbi, perkataan orang Arab itu benar.*” Lalu gembirakan dia bahawa Allah ﷺ telah mengampuninya.

Imam al-Buhuti, salah seorang ulama besar mazhab Hanbali pula menyebut dalam karyanya *Syarah al-Muntaha*, “Tawassul dengan orang soleh dibenarkan dengan harapan agar doa dikabulkan. Saidina Umar bin al-Khattab RA pernah berdoa memohon hujan melalui jalan tawassul dengan al-Abbas, Mu'awiyyah pula bertawassul dengan Yazid bin al-Aswad yang kemudiannya diulangi oleh al-Dhahak bin Qais. Hal ini disebut oleh al-Muwaffaq al-Maqdisi.¹

¹ Al-Buhuti, Mansur bin Yunus al-Hanbali, *Daqoiq Uli al-Nahi Li Syarh al-Muntaha al-Ma'ruf Bi Syarh Muntaha Al-Iradat*. Cet ke-1. T.tp. 'Alim al-Kutub, 1414H/1993M: Jilid 1, Hlm. 330.

Ketujuh : Definisi Bidaah Dan Pembahagiannya

Bidaah menurut Bahasa Arab ialah perkara baharu yang direka-reka. Dikatakan: “ ‘Abda’ā ” iaitu mengada-adakan sesuatu yang belum pernah ada sebelumnya

Adapun menurut istilah syarak, maka bidaah terbahagi kepada dua:

1. *Bidaah Mazmumah* (bidaah yang tercela) iaitu sesuatu yang tiada dalil dalam agama islam. Sabda Rasulullah ﷺ :

((مَنْ أَحْدَثَ فِي أُمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌ))

Maksudnya : “*Sesiapa yang mereka-reka pada perkara agama yang tiada asal padanya maka ia ditolak.*”

[Riwayat Muslim]

Adapun sesuatu yang terdapat dalil dalam agama, maka ia tidak disebut sebagai bidaah dengan maksud ini.

2. *Bidaah Hasanah* (bidaah yang baik) iaitu sesuatu yang mempunyai dalil menurut syarak, sepetimana kata-kata Saidina

Umar RA ketika menghimpunkan para sahabat untuk solat tarawih:

((نَعْمَتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ))

Maksudnya : “*Ini adalah sebaik-baik bidaah.*”

[Riwayat Imam Malik dalam al-Muwatta’]

Kesimpulannya, bidaah ini tidak dianggap sesat melainkan jika ia bercanggah dengan nas-nas syarak tanpa ada satu sandaran yang boleh dijadikan hujah daripada prinsip-prinsip umum syariat. Tetapi jika ia mempunyai sandaran berdasarkan dalil al-Quran dan al-Sunnah yang bersifat umum, maka perbuatan itu tidak dikatakan bidaah yang tercela . Contohnya, zikir itu dibenarkan dalam syarak, walaupun dilakukan sama ada dalam keadaan berdiri atau duduk, suara perlahan atau kuat, dipetik dari lafaz al-Quran dan al-Sunnah atau tidak warid daripada kedua-duanya, bahkan lafaz yang datang daripada orang yang berzikir itu sendiri, dilakukan seorang diri atau beramai-ramai.

Hal ini tidak dikatakan sebagai bidaah kerana asalnya itu disyariatkan berdasarkan keumuman firman Allah ﷺ :

﴿فَإِذْ كُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكُنُّ فُرُونِي ﴾ ١٥٦

Maksudnya : «Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku)»

[al-Baqarah 2 : 152]

Mereka yang bermudah-mudah dalam menghukum bidaah dalam sesuatu amalan tidak memiliki sebarang hujah, malah dia akan menyebabkan orang ramai mengalami kesulitan dalam agama dengan menuduh mereka mengada-adakan dalam agama dan menyempitkan urusan kehidupan mereka daripada perkara yang diharuskan menurut syarak. Sedangkan Allah ﷺ mengutus para Nabi A.S untuk mengangkat kepayahan daripada manusia dan bukan untuk menyusahkan mereka. Allah ﷺ berfirman:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ﴾ ١٨٥

Maksudnya : «(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran»

[al-Baqarah 2 : 185]

Kelapan : Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah Serta Kitab dan Ulama yang Terkemuka

Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah golongan yang berpegang teguh dengan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ dan sahabat baginda dalam akidah dan amalan.

Prinsip-prinsip ini digariskan mengikut apa yang ditetapkan oleh ulama mazhab muktabar dalam perkara usul dan cabang agama. Merekalah yang digelar Ahli Sunnah Wal Jamaah. Walaupun mereka adalah satu mazhab, namun bilangan mereka jauh melebihi gabungan mazhab-mazhab lain. Justeru, mereka ialah *al-Sawad al-A'zham* (kumpulan terbesar) dalam kalangan umat Islam sebagaimana yang terdapat dalam hadis.

Mazhab Islam yang muktabar yang diiktiraf dalam akidah di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mazhab Asya'irah dan Maturidiyyah yang dinisbahkan kepada pengasasnya, Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi. Sesungguhnya kedua-dua imam ini adalah imam yang mendapat petunjuk (hidayah) dan penerimaan daripada ulama Islam.

Mazhab-mazhab ini adalah mazhab terkenal yang memiliki kitab-kitab berkaitan akidah dalam bentuk yang jelas dan tiada cacat cela

dalam kaedah pendalilan dan metodologi pemikiran. Kitab-kitab ini mampu menghalang sebarang pertikaian dan perbezaan yang dihuraikan dengan dalil dan hujah. Berpandukan karya-karya ini, kita mampu menjawab segala syubhah kontemporari yang timbul serta menegakkan hujah bagi mempertahankan akidah Islam.

Kesembilan : Ulama Terkenal Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan Asya'irah dan Maturidiyyah

Golongan Asya'irah adalah majoriti umat Islam sejak zaman berzaman. Ulama dan fuqaha mereka adalah pemimpin negara dan mempunyai kedudukan ilmu yang berprestij. Mereka adalah orang yang bertanggungjawab mendirikan institusi-institusi pendidikan, menyusun mata pelajaran serta mengajarnya kepada para penuntut ilmu. Merekalah yang memelihara hukum-hukam syariat Islam dan mempertahankan agama Islam yang suci. Mereka terkenal dengan keadilan dan kesaksamaan.

Antara yang terkenal dalam kalangan mereka ialah Imam Fatih Sultan Salahuddin al-Ayyubi, penakluk dan pembebas Baitulmaqdis daripada tentera Salib. Jalaluddin al-Suyuti berkata tentang beliau Sultan Salahuddin RA adalah seorang yang bermazhab Syafi'i dan berakidah Asy'ari rahimahullah. Sultan Salahuddin al-Ayyubi memerintahkan para muazin pada waktu solat (sebelum azan subuh) dengan mengiklankan

(memperkenalkan) akidah Asya'irah, maka beliau menugaskan muazin untuk menyebutnya setiap malam. Sultan Salahuddin al-Ayyubi RA ialah penghafaz al-Quran dan penghafaz kitab *al-Tanbih* dalam mazhab Syafi'i. Beliau adalah seorang yang taat beragama, warak, pejuang, mujahidin lagi bertakwa. Tatkala Sultan Salahuddin RA mengambil berat terhadap akidah Imam al-Asy'ari, seorang ulama nahu, Syeikh Muhammad bin Hibah telah menulis sebuah buku tentang akidah dan menghadiahkannya kepada Sultan Salahuddin. Lantas dia menyambutnya dan memerintahkannya untuk diajar kepada kanak-kanak di pusat-pusat pengajian. Kitab itu kemudiannya diberi nama sebagai *al-Aqidah al-Salahiyyah* sempena nama Sultan Salahuddin al-Ayyubi RA.

Sebagai tambahan kepada ulama dan sultan yang disebutkan, kami senaraikan di sini beberapa ulama Asya'irah yang terpenting:

1. Ulama Akidah dan Usul Fiqh yang Terkenal

- a) Imam al-Baqillani (w. 403H): Abu Bakar Muhammad bin al-Tayyib, digelar *Syeikh al-Sunnah dan Lisan al-Ummah*, salah seorang daripada ulama mazhab Maliki dan tokoh bagi segala ulama mazhab Asya'irah. Beliau dianggap sebagai salah seorang ulama besar dalam mazhab Asya'irah selepas

pengasasnya Abu al-Hasan al-Asy'ari, serta turut dianggap salah seorang *mujaddid* agama kurun ke-4.

- b) Imam Ibn Furak (w. 406H): Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan bin Furak al-Ansari al-Asbahani, ahli hadis, ulama usul fiqh dan ilmu kalam serta faqih dalam mazhab Syafi'i. Beliau juga mendengar hadis di Basrah dan Baghdad. Selain itu, beliau meriwayatkan hadis di Naisabur dan sebuah madrasah yang dibina untuknya.
- c) Imam al-Juwaini (w. 478H): Abu al-Ma'ali 'Abdul Malik bin 'Abdullah, seorang ulama Syafi'i, dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang terkenal dengan keilmuan dan keagamaan. Ayahnya adalah salah seorang ulama dan faqih yang terkenal di Naisabur. Beliau telah menulis pelbagai buku tentang tafsir, fiqh, akidah, usul fiqh dan ibadah. Beliau digelar Imam al-Haramain kerana beliau menjadi imam dan mengajar di dua tanah suci iaitu Mekah dan Madinah.
- d) Imam al-Ghazali (w. 505H): Hujjatul Islam Abu Hamid al-Syafi'i al-Asy'ari, seorang ahli fiqh, usul dan ulama kalam serta seorang yang bertarikat sufi. Beliau terkenal sebagai salah seorang pengasas mazhab Asya'irah tentang ilmu kalam. Al-Ghazali mendapat banyak gelaran semasa hayatnya, antara gelaran yang paling terkenal ialah *Hujjat al-Islam*, *Zain*

al-Din, Mahajjah al-Din, al-'Alim al-Awhad, Mufti al-Ummah, Barakah al-Anam, Imam A'immah al-Din dan Syaraf al-A'immah.

e) Imam al-Razi (w. 606H): Abu 'Abdullah Muhammad bin Umar al-Qurashi al-Syafi'i al-Asy'ari digelar *Fakhr al-Din al-Razi, Sultan al-Mutakallimin* dan *Syeikh al-Ma'qul wa al-Manqul*. Beliau juga seorang ulama tafsir, fiqh dan usul fiqh. Selain itu, beliau juga merupakan seorang sarjana ensiklopedik yang mana kajian dan karangannya meliputi ilmu-ilmu sains sosial, linguistik, pemikiran hingga sains makmal dan sains tulen seperti fizik, matematik, perubatan dan astronomi. Beliau ialah tokoh utama mazhab Asya'irah yang dianggap mujaddid bagi mazhab tersebut. Apabila dia menunggang haiwan tunggangannya, berpuluhan-puluhan pelajar akan mengelilinginya dan bertanya kepadanya tentang pelbagai ilmu.

2. Ulama Tafsir Al-Quran dan Hadis yang Terkenal

a) Imam al-Baihaqi (w. 458H): Ahmad bin al-Husain, seorang *muhaddith* yang pakar, pengarang pelbagai kitab dan himpunan *athar* yang bermutu. Dikatakan tentangnya bahawa tiada seorang pun ulama mazhab Syafi'i melainkan mengambil manfaat daripada Imam Syafi'i, kecuali Abu Bakar

al-Baihaqi kerana beliaulah yang telah memberikan sumbangan kepada Imam Syafi'i dalam memperjuangkan mazhabnya. Al-Sofadi berkata tentang Imam al-Baihaqi, beliau adalah salah seorang imam besar dalam bidang fiqh, hadis dan dakwah serta sering terkehadapan dalam memberi nasihat kepada pemerintah. Beliau juga mempunyai akhlak yang baik, kehormatan diri yang sempurna, kejujuran, dipercayai serta baik budi pekerti.

- b) Imam al-Qusyairi (w. 465H): Abu al-Qasim 'Abd Karim bin Hawazin seorang ulama Khurasan yang zuhud dan berpengetahuan tentang agama pada zamannya. Beliau tinggal di Naisabur dan meninggal dunia di sana. Beliau dihormati dan dimuliakan oleh Sultan Alb Arslan. Beliau ialah salah seorang ulama terkemuka dalam mazhab Asy'ari. Antara karangan beliau: *al-Taysir* dan *Lataif al-Isyarat* dalam tafsir serta *al-Risalah al-Qusyairiyyah* dalam ilmu tasawuf.
- c) Imam al-Baghawi (w. 510H): Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud al-Baghawi digelar *Rukn al-Din, Syeikh al-Sunnah* dan *Muhyi al-Sunnah*. Beliau seorang yang amat berilmu dalam mazhab Syafi'i, hadis dan tafsir. Beliau mempunyai karya dalam ilmu tafsir al-Quran dan hadis Nabi ﷺ. Beliau meriwayatkan hadis dan mengajar serta beliau tidak sesekali

mengajar melainkan dalam keadaan suci daripada hadas. Antara karangan beliau: *al-Tahzib fi ilmi fiqh, Syarh al-Sunnah fi ilmi hadis, Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran al-Karim, al-Masabih dan al-Jamu' baina al-Sahihain.*

- d) Imam Ibn 'Asakir al-Dimasyqi (w. 571H): Beliau seorang imam besar, al-'Allamah, al-Hafiz yang masyhur serta ahli hadis di Syam. Beliau mempelajari hadis daripada bapa dan saudara lelakinya ketika berumur enam tahun. Kemudian beliau belajar dengan beberapa orang ulama di Damsyik. Antara karangan beliau: *Tabyin Kazib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari* yang mana beliau membela ulama mazhab al-Asy'ari dan Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari.
- e) Imam al-Nawawi (w. 676H): Abu Zakaria, Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf al-Hizami al-Nawawi al-Syafi'i. Beliau seorang tokoh hadis, ahli fiqh dan bahasa. Beliau terkenal dalam menghasilkan pelbagai karya dan kitab dalam pelbagai disiplin ilmu seperti fiqh, hadis, bahasa dan biografi. Antara karangan beliau: *Riyadh al-Salihin, al-Arba'in al-Nawawi, Minhaj al-Talibin* dan *al-Raudhah*. Beliau dianggap sebagai pentahqiq, penyusun dan pelengkap mazhab Syafi'i yang digelar sebagai syeikh (rujukan utama) dalam mazhab Syafi'i.

- f) Imam al-Baidhawi (w. 685H) : Nasir al-Din 'Abdullah bin Umar al-Syirazi al-Baidhawi. Beliau mengarang dalam pelbagai bidang ilmu agama. Beliau masyhur sebagai seorang pentahqiq dan mempunyai ilmu yang luas. Antara karangan beliau: *Tafsir Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil* dan kitab *al-Ghayah al-Quswa Fi Dirayah al-Fatwa*, *Syarh Mukhtasar Ibn al-Hajib fi ilmi usul fiqh* dan *al-Minhaj Wusul ila ilmi usul fiqh*.
- g) Imam Ibn Hajar al-'Asqallani (w. 852H) : Abu al-Fadhl Ahmad bin Ali, digelar *Amirul Mukminin* dalam hadis. Ibn Hajar dilantik sebagai mufti dan bertugas di Dar al-'Adl. Beliau juga merupakan ketua hakim dalam kalangan ulama mazhab Syafi'i. Beliau banyak menumpukan dan mencurah tenaga dalam menyampaikan ilmu. Beliau sekali-kali tidak meninggalkan tugas mengajar walaupun setelah dilantik sebagai hakim dan mufti. Beliau telah berkhidmat sebagai guru di beberapa buah pusat pengajian yang paling terkenal di dunia Islam semasa hidupnya seperti: Al-Madrasah al-Syeikhuniyyah, al-Mahmudiyyah, al-Hasaniyyah, al-Baibarsiyyah, al-Fakhriyyah, al-Salahiyyah dan al-Muayyadiyyah.
- h) Imam Badr al-Din al-'Ayni (w. 855H) : al-Hafiz, al-Muhaddith, al-Muarrikh dan al-'Allamah, Mahmud bin Ahmad. Beliau antara tokoh terkemuka pada abad ke-9 Hijri dalam kalangan

ulama mazhab Hanafi. Salah satu karyanya ialah *Umdah al-Qari fi Syarh Sahih al-Bukhari* yang merupakan antara syarah kitab *Sahih al-Bukhari* yang terbaik dan beliau mengambil masa selama 20 tahun untuk menyiapkannya. Beliau juga mengarang kitab *al-Binayah fi Syarh al-Hidayah* dalam fiqh mazhab Hanafi.

- i) Imam Jalal al-Din al-Suyuti (w. 911H): 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr membesar di Kaherah sebagai anak yatim. Beliau telah mengarang kira-kira 600 buah buku. Ketika berumur empat puluh tahun, beliau mengasingkan diri daripada orang ramai dan ketika itulah beliau menyiapkan kebanyakan karya-karyanya. Ramai orang kaya dan pemimpin mengunjunginya dan menawarkan wang serta hadiah kepadanya, tetapi beliau menolak. Antara kitab karangan beliau ialah *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, *Itmam al-Dirayah li Qurra' al-Niqayah*, *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'i*, *al-Iqtirah fi Usul al-Nahwi* dan *al-Iklil fi Istinbat al-Tanzil*.

3. Ulama Fiqh Islami

- a) Imam al-'Izz ibn 'Abd al-Salam (w. 660H): "Abd al-Aziz bin Abd al-Salam, digelar '*Izz al-Din, Sultan al-Ulama* dan *Ba'i al-Muluk* (ulama yang tidak takut pemerintah) ialah salah

seorang ulama yang paling warak, bertakwa, disegani dan dihormati. Beliau bermazhab Syafi'i dan berakidah al-Asy'ari. Antara karya beliau ialah *Ikhtisar Nihayah al-Matlab*, *al-Qawa'id al-Kubra* dan *al-Qawa'id al-Sughra*.

- b) Imam Taj al-Din al-Subki (w. 727H): 'Abd al-Wahhab bin Ali, seorang ahli fiqh Syafi'i, ulama aliran Asy'ari, sejarawan Arab dan ketua hakim di Damsyik. Antara kitabnya ialah *al-Saif al-Masyhur fi Syarh Aqidah Abi Mansur*, *Syarh Mukhtasar Ibn al-Hajib*, *al-Ibhaj fi Syarh al-Minhaj* dan *Syarh Minhaj al-Baidhawi*, *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*, *al-Wusto* dan *al-Sughra* serta *Jam'u al-Jawami' fi Usul Fiqh*. Beliau terkenal sebagai ulama yang diterima dalam kalangan ulama daripada semua mazhab. Beliau berpegang teguh kepada kebenaran dan seorang yang warak.
- c) Imam al-Kamal Ibn al-Humam (w. 861H): Muhammad bin 'Abd al-Wahid merupakan rujukan dalam kalangan ulama mazhab Hanafi. Beliau adalah imam dalam ilmu usul, tafsir, fiqh, faraid, matematik, tasawuf, nahu, sarf, ilmu ma'ani, bayan, badi', mantik dan ilmu debat. Antara kitabnya ialah *Fath al-Qadir fi Syarh al-Hidayah* dalam mazhab Hanafi, *al-Tahrir fi Usul al-Fiqh*, *al-Musayarah fi al-'Aqa'id al-Munjiyah fi al-Akhira* dan *Zad al-Faqir* iaitu kitab ringkasan fiqh Hanafi.

- d) Syeikh al-Islam Zakariya al-Ansari (w. 926H): Salah seorang ulama mazhab Syafi'i dan beraliran Asy'ari. Beliau menjadi ikon keperibadian terpuji di zamannya dengan sentiasa berakhlak dan berbudi pekerti yang mulia serta tidak meninggalkan mana-mana sifat tersebut. Beliau menjawat beberapa jawatan penting dalam bidang pendidikan, kehakiman dan institusi ulama (*al-Masyaikhah*). Beliau menghimpunkan pelbagai disiplin ilmu dan pengetahuan serta hasil karya yang diterima umum di samping memiliki adab yang mulia, elok pekerti, bertindak dengan tenang dan mengambil ilmu daripada yang lebih tua, yang mana sifat-sifat ini tidak terhimpun pada selain beliau. Beliau mempunyai koleksi penulisan dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu seperti akidah, fiqh, usul, tasawuf, suluk, nahu, tajwid, himpunan doa, hadis dan lain-lain.
- e) Imam Ibn Hajar al-Haitami (w. 973H): Ahmad bin Muhammad al-Haitami al-Makki, seorang ulama bermazhab Syafi'i dan beraliran Asy'ari. Beliau menghafal al-Quran ketika masih kecil dan menekuni ilmu-ilmu asas berhampiran makam Sayyid Ahmad al-Badawi, kemudian beliau berkelana ke Masjid al-Azhar. Beliau diberikan keizinan oleh guru-gurunya untuk mengeluarkan fatwa dan mengajar ketika umurnya belum mencapai 20 tahun. Kemudian, beliau menetap berhampiran kota Makkah. Beliau menguasai banyak ilmu

seperti tafsir, hadis, ilmu kalam, usul fiqh, ilmu fiqh, faraid, matematik, nahu, sarf, *al-ma'ani*, *al-bayan*, mantik dan tasawuf. Pendapatnya dikira muktamad di sisi ulama mazhab Syafi'i.

Berdasarkan kenyataan di atas, jelaslah bahawa mazhab Asy'ari dan Maturidi mewakili akidah umat ini sama ada salaf atau khalaf sepanjang zaman. Ia merupakan akidah yang bersumberkan daripada Nabi ﷺ melalui perantaraan para sahabat RA yang mulia, kemudian melalui para tabiin dan generasi berikutnya sehingga hari ini dalam keadaan suci murni serta disokong dengan dalil al-Quran dan Sunnah, dalil aqli mahupun naqli. Oleh itu, mustahil mazhab Asy'ari yang telah membina tamadun Islam dan menjadikannya hebat sepanjang zaman adalah mazhab ahli bidaah, seperti yang didakwa oleh sesetengah golongan yang menimbulkan perpecahan dan kacau bilau.

Kesepuluh : Manhaj Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asy'ari : Pengajaran dan Kitab

Kami senaraikan kaedah pengajaran aliran Asy'ari dalam kitab-kitab akidah Islam. Kaedah yang mereka gunakan terbahagi kepada tiga peringkat mengikut tahap pengetahuan penuntut ilmu sama ada di peringkat permulaan, pertengahan dan lanjutan.

Antara kitab yang terkenal untuk peringkat permulaan atau pun asas termasuklah 3 buah kitab akidah yang utama iaitu:

- a) *Jawharah al-Tauhid* oleh Imam Ibrahim al-Laqqani al-Maliki (w. 1041H) digelar Abu al-Amdad. *Jawharah al-Tauhid* merupakan sebuah kitab akidah yang disusun dalam bentuk nazam. Pengarangnya sendiri telah menghasilkan beberapa buah syarah daripada kitab ini. Hal ini sebagaimana disyarahkan oleh ulama yang ramai dengan membuat catatan dan *hasyiyah*. Kitab ini juga telah dihafal dari satu generasi ke generasi sehingga ke hari ini. Syeikh Nuh al-Qudah yang merupakan mantan Mufti Jordan juga menulis syarah pada kitab ini.

- b) *Umm al-Barahin* sebuah kitab ringkas tentang akidah oleh Imam al-Sanusi (w. 895H). Beliau ialah salah seorang ulama besar yang menyaringkan kitab-kitab akidah Islam dan mempunyai hasil karangan yang banyak. Antaranya termasuklah susunan manhaj yang lengkap daripada peringkat asas sehingga peringkat lanjutan iaitu bermula dengan kitab *al-Muqaddimat*, *Sughra al-Sughra*, *Ummu al-Barahin*, *al-Wusta* hingga *al-Kubra*. Imam al-Sanusi menulis syarah khusus bagi setiap kitab ini, sebagaimana

para ulama memberikan tumpuan untuk menulis syarah dan *hasyiyah* bagi kitab-kitab ini.

- c) *Al-Kharidah al-Bahiyyah* oleh Imam al-Dardir al-Adawi al-Maliki Al-Khalwati yang terkenal dengan gelaran Ahmad al-Dardir (w. 1201H). Kitab ini disyarahkan sendiri oleh Imam al-Dardir dan disyarahkan juga oleh ramai ulama lain.
- d) *Qawa'id al-Aqa'id* oleh Imam Hujjat al-Islam Abu Hamid al-Ghazali (w. 505H). Karya ini merangkumi aspek-aspek penting yang wajib diketahui oleh seorang muslim dalam agamanya kerana kepentingan kandungan ilmiah di dalam kitab ini. Imam al-Ghazali meletakkannya di bahagian pertama dalam karya yang agung *Ihya' 'Ulum al-Din*. Puluhan ulama telah menghuraikan kitab ini seperti al-Muhaddith al-Zabidi dan Syeikh al-Faqih Zarruq al-Fasi.
- e) *Idha'ah al-Dujnah fi 'Aqa'id Ahli al-Sunnah* sebuah himpunan syair dalam aliran Asy'ari oleh Imam Shihab al-Din al-Maqri al-Tilmisani (w. 1041H). Kitab ini telah disyarah oleh ramai ulama antaranya termasuklah Syeikh al-Maliki Muhammad Illish (w. 1299H).
- f) *Al-Aqidah al-Salahiyyah* yang dinamakan sempena Sultan Salah al-Din al-Ayyubi al-Syafi'i al-Asy'ari, penakluk Kota

Baitul Maqdis dan pembebasnya daripada tentera Salib. Nama asal kitab adalah *Hadaiq al-Fusul wa Jawahir al-Usul*. Sultan Salah al-Din memerintahkan supaya diajarkan kitab ini kepada kanak-kanak dan para penuntut dewasa. Baginda menjadikannya silibus yang diajar di madrasah-madrasah orang Islam dan pusat-pusat pendidikan. Maka para penuntut ilmu menghafal dan mengulangnya sepanjang masa. Hal ini disebabkan oleh kandungan kitab tersebut yang mengandung ilmu untuk mengenal Allah ﷺ dan sifat-sifat-Nya yang agung, membesarluarkan agama Islam, syariatnya dan ulamanya.

Selepas kitab-kitab di tahap permulaan ini, seterusnya datang kitab-kitab di tahap pertengahan pula seperti *al-Iqtisad fi al-l'tiqad* oleh Imam al-Ghazali, *Ma'alim Usul al-Din* oleh Imam al-Razi dan *al-Aqidah al-Wusta* oleh Imam al-Sanusi. Setiap kitab ini mempunyai syarah yang penting.

Di peringkat lanjutan, terdapat banyak kitab sama ada yang ringkas mahupun tebal. Antara yang paling terkenal seperti:

- *Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah* oleh Imam al-Muhaqqiq al-Allamah Sa'ad al-Din al-Taftazani bersama syarah dan hasiyahnya;
- *Tahzib al-Kalam* oleh Imam al-Taftazani;

- *Al-Mawaqif* oleh ‘Adhadu al-Din al-Ji beserta syarahnya oleh al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani;
- *Abkar al-Afkar* oleh Imam al-Amidi

Beginu juga kitab-kitab lain yang sukar dibaca kecuali oleh mereka yang mahir dalam menekuni pelbagai ilmu syariat Islam.

Setakat ini sahajalah goresan pena yang ingin disampaikan dalam lembaran yang penting ini. Kami panjatkan doa agar Allah ﷺ menjadikan usaha ini sesuatu yang bermanfaat dengan usaha para ulama kami, dan menjadikan kami serta para pembaca berada di atas jalan golongan yang mendapat petunjuk serta menjadi penerus kepada golongan *Salaf al-Soleh*. Kami akhiri doa kami dengan segala puji bagi Allah ﷺ Tuhan sekalian alam.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abu Umar Al-Dani, Usman bin Said. 1421/2000M. *Al-Risalah al-Wafiyah limazhab Ahli al-Sunnah fi Al-'Itiqad wa Usul Al-Dayanat.* cet. ke-1. Kuwait: Dar Al-Imam Ahmad.

Al-Amir, Muhammad bin Muhammad. (2001). *Hasyiah al-Amir ala Ittihaf al-Murid Syarh Jauharah al-Tauhid.* cet. ke-1; Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Buhuti, Mansur bin Yunus al-Hanbali. (t.t) *Daqoiq Uli Al-Nahi Li Syarh Al-Muntaha Al-Ma'ruf Bi Syarh Muntaha Al-Iradat* (Jilid 1). cet. ke-2. t.tp. 'Alim al-Kutub.

Al-Baidhowi, Nasir Al-Din Abdullah bin Umar. 1433H/2012M. *Tuhfah Al-Abrar Syarh Masobih al-Sunnah.* Jilid 1. Kuwait: Wizardh al-Auqof wa Syu'uni al-Islamiyah.

Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Al-Husin Al-Khorosani. 1423H/2003M. *Sya'bu al-Iman.* cet. ke-1. Jilid 1. t.tp. Maktabah Al-Rushd.

Al-Baqilani, al-Qadhi Abu Bakr bin al-Tayyib (t.t). *Al-Insaf fima Yajibu l'tiqaduhu wa La Yajuzu al-Jahlu bihi,* Tahqiq:Muhammad Zahid al-Kauthari.Mesir:al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi. (1985). *Qawa'id al-'Aqaid*, cet ke-2; Tahqiq: Musa Ali Lubnan: 'Alam al-Kutub.

Al-Hajawi, Musa bin Ahmad al-Salihiy. (t.t). *Al-Iqna' fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal* (Jilid 1). Tahqiq Abdul Latif al-Subki, Beirut: Dar al-Makrifah.

Karamiy, Mari'i bin Yusuf al-Hanbali (1425H), *Dalil al-Talib li Nail al-Matalib*. cet. ke-1. (Tahqiq Abu Qutaibah al-Fariyabiy). Al-Riyadh: Dar Taybah li Nashr wa Tauzi'.

Al-Khattabi, Abu Sulaiman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khattab al-Busti. (1932). *Ma'alim Sunan* (Syarh Sunan Abi Daud), cet. ke-1. T.tp: al-Mutabi'ah al 'Ilmiyyah.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyi Al-Din Yahya bin Syaraf. 1412H/1991M. *Raudhoh al-Tolibin Wa Umdah al-Muftin*. cet. ke-3. Jilid 1. Beirut: Al-Maktab Al-Islami,

Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf. (1392). *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim* (Jilid. 1). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Nawawi. (t.t). *Raudah al-Talibin* (Jilid 3). t.tp.

Al-Qisi, Abu Muhammad Maki bin Abi Talib Al-Qurtubi Al-Maliki. 1429H/2008M. *Al-Hidayah Ila Bulugh Al-Nihayah*. cet. ke-1. Jilid 1. Kuliyah Syariah wa Al-Dirasat Al-Islamiyah. Jami'ah Al-Syariqah.

Al-Rafi'i, Abu Qasim Abdul Karim bin Muhammad al-Qazwiniy. (1417H). *Al-Aziz Syarh al-Wajiz al-Makruf bi al-Syarh al-Kabir* (Jilid 12). set ke-1. (Tahqiq Ali Aoud and Adil Abdul Maujud). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Saad Al-Taftazani, Saad al-Din Mas'ud bin Umar., 1401H/1981M. *Syarh Al-Maqosid fi 'Alim al-Kalam*. Jilid 2. Pakistan: Dar al-Ma'arif al-Ni'maniyah.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1996). *Al-Tafsir fi Ma'alim al-Din*, tahqiq 'Ali al-Syibil. cet. ke-1. T.tp: Dar al Asimah.

Al-Taftazaniy, Mas'ud bin Umar dikenali dengan Sa'd al-Din 1987M. *Syarh al-Aqa'id al-Nasafiah*. Cet. Ke-1. Kaherah: Maktabah al-Kuliyah al-Azhariah.

Al-Taftazaniy, Sa'd al-Din. (2004). *Syarh al-Aqa'id al-Nasafiah maa Hasyiah al-Khiyali wa al-Isam*. T.tp: al-Maktaboh Azhariah li al-Turath.

Al-Thabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir. (2000), *Jami' Bayan fi Ta'wil al-Quran* (Jilid 1). cet. ke-1. T.tp: Muassasah al-Risalah.

Al-Zamakhsyari, Jarullah Mahmood bin Amru (t.t). Al-Faig fi Gharib al-Hadis wa al-Athar (Jilid 1). cet. ke-2. ubnan: Dar al-Ma'rifah,

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1992M), *Radd al-Mukhtar Ala al-Dar al-Mukhtar*. ed-3. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Asakir, Thiqah al-Din, Abu al-Qasim Ali bin al-Hasan bin Hibatillah. (1404H). *Tabyiin Kazib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari*. cet. ke-3. Beirut: Dar al Kitab al-'Arabi.

Ibn Furak, Abu Bakar Muhammad bin al-Hassan bin Furak al-Ansari al-Asbani. (1985M), *Musykil al-Hadis wa Bayanihi*. cet. ke-2. Beirut: 'Álim al-Kitab.

Ibn Qutaibah, Abu Muhammad 'Abdullah bin Muslim al-Dainuri. (t.t). *Ta'wil Musykil al-Quran*, tahqiq Ibrahim Syams al-Din, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibnu al-Naqib, Abu al-Abbas Ahmad bin Lu'lu'. (1982M). *Umdah al-Salik wa Uddah al-Nasik*, cet. ke- 1, Qatar: al-Syuun al-Diniyah.

Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Al-Tafsir al-Munir*. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mua'sor.